

Penghayatan

Etika & Peradaban



Penghayatan

Etika & Peradaban



PENYUNTING
ATEERAH ABDUL RAZAK
NUR AZUKI YUSUFF
ZALEHA EMBONG

Hak Cipta Penerbit UMK 2021

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Ateerah Abdul Razak

Nur Azuki Yusuff

Zaleha Embong

ISBN 978-967-2912-48-4

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Tuan Zulkipeli Tuan Yeh, Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Siti Asma Mohd Rozid. Pengarah Seni: Yusroyka Karim. Pereka: Mohamad Kamarul Hisyam A Rahman. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad.

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

16310 Bachok, Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak Oleh:

RTS TYPESETTING AND TRADING

No.14 Jalan Jemuju Empat 16/13d

Seksyen 16

40200 Shah Alam, Selangor

KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| Senarai Penyumbang Bab | vii |
| Senarai Singkatan Kata | ix |
| Prakata | xi |
| | |
| BAB 1: PENGENALAN PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM ACUAN MALAYSIA | 1 |
| <i>Ateerah Abdul Razak dan Zuriati Mohd Rashid</i> | |
| | |
| BAB 2: KONSEP ETIKA DAN PERADABAN | 21 |
| <i>Mohd Zain Mubarak</i> | |
| | |
| BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM MASYARAKAT KEPELBAGAIAN | 39 |
| <i>Ateerah Abdul Razak dan Asma' Lailee Mohd Noor</i> | |
| | |
| BAB 4: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MALAYSIA | 61 |
| <i>Zaleha Embong</i> | |
| | |
| BAB 5: PEMBINAAN PERADABAN MAJMUK DI MALAYSIA | 79 |
| <i>Marwan Ismail</i> | |
| | |
| BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SEBAGAI TAPAK INTEGRASI, WAHANA ETIKA DAN PERADABAN | 99 |
| <i>Nazri Muslim, Nik Yusri Musa dan Ateerah Abdul Razak</i> | |

| | |
|---|------------|
| BAB 7: TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI PENGGERAK KESEPADUAN NASIONAL DI MALAYSIA | 125 |
| <i>Nur Azuki Yusuff dan Ali Salman</i> | |
| BAB 8: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL DI MALAYSIA | 147 |
| <i>Yohan Kurniawan dan Nur Azuki Yusuff</i> | |
| BAB 9: CABARAN KELESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA | 167 |
| <i>Burhan Che Daud dan Nur Azuki Yusuff</i> | |
| BAB 10: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM ACUAN MALAYSIA | 185 |
| <i>Nur Azuki Yusuff dan Mansor Mohd Noor</i> | |
| Glosari | 203 |
| Indeks | 207 |
| Biografi Penyelenggara | 211 |

SENARAI PENYUMBANG BAB

Ateerah Abdul Razak

Pensyarah

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Zuriati Mohd Rashid

Pensyarah

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Mohd Zain Mubarak

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Asma' Lailee Mohd Noor

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Zaleha Embong

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Marwan Bin Ismail

Ketua Jabatan Sains Kemanusiaan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Nik Yusri Musa

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Nazri Muslim

Profesor Madya

Pusat Citra Universiti Kebangsaan Malaysia (Citra UKM).

Nur Azuki Yusuff

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Ali Salman

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Yohan Kurniawan

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Burhan Che Daud

Dekan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Mansor Mohd Noor

Profesor, Ketua Kluster Perpaduan Nasional

Majlis Profesor Negara

Felo Institut Kajian Etnik Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

SENARAI SINGKATAN KATA

| | |
|---------|--|
| IT | Teknologi Maklumat |
| LGBT | <i>Lesbian Gay Bisexual Transgender</i> |
| AI | <i>Artificial Intelligence</i> |
| IoT | <i>Internet of Things</i> |
| PAS | Parti Islam Se-Malaysia |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| MPP | Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera |
| NGO | Badan Bukan Kerajaan |
| PH | Pakatan Harapan |
| DAP | Parti Tindakan Demokratik |
| ICT | <i>Information Communication Technology</i> /Isu Semasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| BBN | Bolt, Beranek, dan Newman, Inc. |
| ARPANET | Advanced Research Projects Agency Network |
| RangKOM | Rangkaian Komputer Malaysia |
| JARING | <i>Joint Advanced Integrated Networking</i> |
| MSC | <i>Multimedia Super Corridor</i> |
| HSBB | Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi |
| TM | Telekom Malaysia |
| SKMM | Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| CSR | <i>Corporate Social Responsibility</i> |
| IR4.0 | Revolusi Industri Ke-4 |
| RMK-11 | Rancangan Malaysia Ke-11 |
| PRU14 | Pilihan Raya Umum Ke-14 |
| NUCC | Majlis Konsultasi Perpaduan Negara |
| MPU | Mata Pelajaran Pengajian Umum |

PRAKATA

Buku *Penghayatan Etika dan Peradaban* ini sebagai edisi baharu pengajian umum universiti menggantikan kursus Hubungan Etnik. Ia adalah usaha rintis menggabungkan kepakaran dan pengalaman para pensyarah Jabatan Sains Kemanusiaan (JSK), Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), Universiti Malaysia Kelantan. Ia turut mengambil kira pandangan rakan seperjuangan daripada universiti lain sebagai usaha berganda menyediakan teks rujukan yang lengkap, padat dan mudah dikuasai bagi keperluan kursus dan pembelajaran sepanjang hayat.

Penulisan yang merangkumi 10 bab ini disusun mengikut keutamaan bidang perbincangan dan diselaras berdasarkan garis panduan yang diberi oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi. Pembaca didedahkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan merentas bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan dan perbahasan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan mahasiswa yang bermoral dan profesional.

Buku ini juga menggalakkan mahasiswa menghayati kehidupan sosial secara beretika dan mengamalkan apa yang dipelajari dengan mengambil kira pelbagai isu semasa dalam negara. Usaha melestarikan penghayatan etika dengan inovasi sosial secara holistik dan bersepadu menjadi keutamaan kami bertepatan dengan keperluan membina peradaban Malaysia yang tinggi.

Penyunting

Ateerah Abdul Razak

Nur Azuki Yusuff

Zaleha Embong

BAB 1

Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia

Ateerah Abdul Razak dan Zuriati Mohd Rashid

Objektif:

Menghayati konsep etika dan peradaban berdasarkan susur masa yang tertentu.

Hasil Pembelajaran:

1. Memperkenalkan definisi, maksud, makna dan pengenalan kepada etika dan peradaban.
2. Menghuraikan susur masa etika mengikut zaman prakolonial, kolonial dan pascakolonial.
3. Menjelaskan maksud adab dan adat mengikut acuan peradaban Malaysia.
4. Menganalisis etika dan peradaban Malaysia mengikut perkembangan sejarah, struktur sosial dan biografi.
5. Menjelaskan penghayatan etika dan peradaban mengikut peringkat individu, keluarga, komuniti dan masyarakat.

Kandungan Bab:

1. Pengenalan etika dan peradaban
2. Definisi yang berkaitan dengan istilah etika
3. Susur masa etika dan peradaban berdasarkan prakolonial, kolonial dan pascakolonial
4. Analisis etika dan peradaban berdasarkan sejarah, struktur sosial dan biografi

PENGENALAN

Bab ini menjelaskan pengenalan kepada penghayatan etika dan peradaban, menghuraikan maksud yang lengkap terhadap makna etika dan adab mengikut acuan Malaysia. Penghayatan dan etika peradaban boleh dihuraikan dan difahami mengikut acuan 'Malaysia' berdasarkan tiga susur masa, iaitu prakolonial, kolonial dan pascakolonial. Penekanan ini penting untuk lebih memahami etika dan adab dalam kehidupan manusia.

DEFINISI ETIKA

Apakah yang dimaksudkan dengan etika? Sebagai manusia yang hidup di atas muka bumi ini, semua tingkah laku atau perbuatan mesti berdasarkan etika. Etika perilaku seseorang itu dapat menunjukkan sifat atau perbuatan sama ada baik, buruk, sopan atau biadap di mata manusia lain. Ini menunjukkan pemahaman dan penghayatan setiap manusia terhadap erti etika itu sendiri amat penting dalam meneruskan kehidupan pada zaman globalisasi moden ini.

Perkataan etika itu sendiri diambil daripada bahasa Inggeris iaitu '*ethic*'. Etika berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*ethos*' yang bermaksud sikap atau peribadi (Rahman, 2015). Maksud etika menurut pemahaman bahasa Melayu ialah akhlak atau moral seseorang dalam kelakuan atau pergaulan mereka yang diambil daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Hamdan, 2017). Etika juga adalah salah satu cabang dalam falsafah moral. Ianya berhubung kait dengan perlakuan atau perbuatan sama ada buruk atau cantik seseorang dalam mengendalikan situasi atau keadaan yang perlu dihadapi.

Etika adalah sifat atau perilaku yang merangkumi setiap lapisan umur, bangsa, etnik, agama dan negara. Seseorang yang beretika dalam menjalani kehidupan seharian secara tidak langsung akan membuatkan hidupnya tenteram dan lebih tenang menghadapi

cabaran dalam kehidupan seharian. Selain itu, kematangan sikap yang ada pada dirinya juga memberi kesan positif kepada orang yang berada di sekelilingnya. Di dalam setiap pekerjaan, akan ada skop etika dalam melakukan tindakan bagi setiap perkara yang sudah ditetapkan mengikut jenis pekerjaan tersebut.

Menjalani kehidupan yang beretika akan memberi faedah kepada diri sendiri dan orang sekeliling. Secara fitrahnya, etika yang baik sudah ada dalam diri manusia. Namun begitu, pengalaman hidup dan cabaran revolusi teknologi kini akan menguji seseorang sama ada dia mampu mengekalkan etika yang baik atau sebaliknya. Oleh itu, pada zaman moden ini manusia mesti memahami dan mempelajari dengan lebih mendalam supaya dapat mengaplikasikan etika dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, apabila seseorang itu bercakap jujur, bersopan santun, hormat kepada yang lebih tua akan dianggap beretika. Manakala jikalau seseorang itu mencuri, bercakap bohong dan tidak jujur akan dianggap tidak beretika dalam kehidupannya.

DEFINISI ADAB

Maksud adab ialah budi pekerti yang halus, tingkah laku yang baik dan budi bahasa yang luhur (Kamus Dewan, 2010). Bercakap kasar dan tidak berbudi bahasa adalah salah satu tindakan yang menunjukkan seseorang itu tidak beradab dalam kehidupannya. Contoh yang paling mudah ialah apabila seseorang itu meninggikan suara kepada ibu bapa atau mereka yang lebih tua akan dianggap sebagai seseorang yang tidak beradab. Pemahaman adab itu haruslah bermula dari rumah mengikut acuan yang diajar oleh ibu bapa. Oleh itu, adab berkembang daripada individu kepada keluarga, komuniti dan seterusnya kepada kelompok yang lebih besar iaitu masyarakat. Sekiranya seseorang itu disenangi dan dihormati dalam kelompok masyarakat, ia menunjukkan mereka berjaya dan bijak mengendalikan apa jua situasi dengan cara yang beradab.

ADAT RESAM

Istilah adat adalah satu proses yang dinamik dalam pemikiran orang Melayu dan ianya sinonim dengan istilah kebudayaan yang merupakan satu cara hidup (*the way of life*) suatu masyarakat (Mohd Anuar, 2006). Adat merupakan inti atau nukleus dari peradaban yang melibatkan interaksi antara manusia dengan alam. Sebagai contoh, ia menjelaskan bagaimana budaya yang diamalkan dalam urusan seharian dalam komuniti tertentu. Selain itu, ia juga menghuraikan bagaimana sesuatu kaum berinteraksi dengan masyarakat di sekelilingnya (Muhammad Takari, 2015). Adat resam ialah adat yang menjadi kebiasaan kepada sesuatu kaum (*Kamus Pelajar Edisi Kedua*). Ia membawa maksud kepada adat, tertib, tatacara, dan sistem peraturan sebagai suatu kebiasaan dalam setiap kelompok etnik dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Setiap etnik yang ada di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India, Sikh, Siam dan bumiputera Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai adat resam yang berlainan bagi melambangkan identiti adat budaya mereka.

Adat merupakan peraturan yang wujud dan ditetapkan sejak turun-temurun sehingga menjadi satu peraturan dalam suatu masyarakat yang harus diikuti oleh mereka. Adat sifatnya dinamik iaitu tidak statik dan akan berubah mengikut keperluan semasa dan masyarakat itu sendiri. Masyarakat harus memahami, menguasai seterusnya menghayati setiap adat resam yang melambangkan perbezaan etnik di Malaysia ini supaya setiap masyarakat dapat hidup dengan baik dan tenteram dalam komuniti masyarakat berbilang ini.

ADAT ISTIADAT

Istiadat adalah cara atau peraturan sejak turun-temurun oleh sesuatu etnik yang diterima sebagai adat (Muhammad, 2015). Di Malaysia,

adat istiadat adalah sesuatu yang amat penting dan mesti diikuti dengan tertib, tegas dan betul. Ia banyak digunakan pada upacara rasmi dan majlis-majlis rasmi yang memerlukan pelbagai protokol yang ketat dan mesti dipatuhi dalam majlis tersebut. Adat istiadat di Malaysia biasanya berkait rapat dengan upacara atau majlis-majlis rasmi diraja. Ia mempunyai berbagai-bagai langkah tertib dan kemas untuk menunjukkan masyarakat Melayu adalah sebuah bangsa bertamadun yang wujud sejak turun-temurun. Oleh itu, setiap bangsa haruslah menghormati serta menjaga dengan baik adat istiadat yang ada di Malaysia supaya ianya tidak luput ditelan zaman dan akan kekal diwarisi zaman-berzaman.

Adat istiadat yang ada di Malaysia bukan sahaja berkaitan dengan majlis rasmi diraja. Antara salah satu adat istiadat yang masih wujud dan diamalkan oleh masyarakat ialah adat perkahwinan, adat makan atau jamuan, adat kematian dan lain-lain lagi. Adat istiadat telah menjadi satu kebiasaan dan kemestian dalam menyempurnakan sesuatu majlis atau upacara supaya ianya berakhir dengan sempurna dan tertib.

SUSUR MASA ETIKA DAN PERADABAN BERDASARKAN PRAKOLONIAL, KOLONIAL DAN PASCAKOLONIAL

Prakolonial adalah satu era Tanah Melayu belum pernah dijajah oleh mana-mana kuasa Barat dan belum dikenali sebagai Malaysia. Pada waktu ini, etika telah wujud dan diamalkan sebaiknya dalam kalangan masyarakat tradisional Melayu. Sebelum munculnya zaman kolonial, etika dikenali sebagai adab, adat resam dan adat istiadat yang sudah lama terpasak dalam diri mereka. Setiap perlakuan, percakapan dan perbuatan seharian bersandarkan pada adab tradisional Tanah Melayu yang ketika itu masih belum bercampur dengan etika dari luar.

Setelah munculnya zaman kolonial, telah berlakunya percampuran budaya dan adab etika dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Kolonial adalah satu zaman atau era, kejayaan penjajahan kuasa Barat di banyak negara termasuklah Tanah Melayu. Kolonial Barat telah membawa adab dan adat resam yang mereka banggakan dan amalkan dalam kehidupan dikenali sebagai etika, etos dan etiket. Secara tidak langsung, masyarakat Melayu yang berurusan dengan kolonial Barat akan memerhati, memahami, menguasai dan seterusnya mengaplikasikan etika Barat dalam kehidupan mereka.

Kolonial Barat membawa etika peradaban mereka dari segi percakapan, berpakaian, pentadbiran dan sebagainya. Manakala, dari segi pemerintahan di Malaysia, beberapa etika kebanyakannya kita ambil dan menggunakannya mengikut cara mereka. Contohnya, cara berjabat salam, memberi salam dan sebagainya mengikut etika formal kolonial ketika itu. Justeru, boleh dikatakan kolonial Barat telah berjaya menyerapkan budaya etika mereka dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional walaupun bukan semua yang menerimanya. Tidak dinafikan bahawa bagi orang Melayu, amalan berjabat dan memberi salam telah menjadi amalan kerana ia digalakkan dalam agama Islam dan sesiapa yang memberi dan menjawab salam maka akan diperoleh ganjaran daripada Allah. Menurut perspektif Barat, mereka menganggap amalan itu termasuk dalam etika yang baik yang patut dicontohi oleh masyarakat. Justeru dapatlah disimpulkan bahawa tidak kesemua amalan atau etika yang diperkenalkan oleh Barat itu memberi kesan negatif, akan tetapi masyarakat Malaysia perlu menyelaraskan agar ia dilihat menjadi amalan yang baik untuk semua lapisan masyarakat.

Menurut Emily Innes iaitu seorang penulis wanita kolonial yang telah membincangkan adab masyarakat Melayu dalam autobiografinya, beliau menyatakan bahawa beliau tidak selesa untuk bersalaman dengan penduduk tempatan kerana dikhuatiri terkena penyakit kulit berjangkit. Dengan kata lain, Innes beranggapan yang

adab budaya masyarakat Melayu sebagai kotor (Rashidi, 2019). Setelah berakhirnya zaman kolonial, maka muncullah zaman pascakolonial iaitu zaman moden sehinggalah sekarang. Pada zaman kemodenan ini, masyarakat Malaysia telah mengekalkan percampuran etika dan peradaban tradisional dalam kehidupan seharian. Ia merangkumi etika, etos, etiket, adab, adat resam dan adat istiadat. Masyarakat telah menerima kepelbagaian variasi etika ini sama ada secara langsung atau menerusi teknologi maklumat (IT) zaman kini.

Variasi etika dan adab yang dilalui dan dihadapi oleh masyarakat sekarang adalah kesan daripada peninggalan zaman kolonial dan menerusi perkembangan globalisasi teknologi maklumat yang saban tahun semakin canggih. Situasi ini menambahkan serta mempelbagaikan lagi etika dan adab yang sedia ada. Nilai etika bercampur baur ini wujud dalam situasi formal dan tidak formal dalam kehidupan. Kemodenan yang dihadapi sekarang menunjukkan berlakunya peralihan daripada tradisional kepada sesuatu yang baharu dan bertentangan dengan sifat-sifat moral dan adab orang Melayu tradisional. Percampuran etika ini berlaku dari setiap sudut kehidupan dan lapisan masyarakat (Roziah Adama, 2017).

Etika yang telah bercampur aduk ini telah menyebabkan identiti dan jati diri masyarakat dalam percakapan, pergaulan, pemerintahan dan sebagainya telah berubah mengikut keadaan dan situasi. Oleh itu, masyarakat harus mengetahui, memahami dan menghayati makna etika dan peradaban dengan lebih baik serta mendalam. Etika dan adab perlu diamal dan diaplikasi dalam kehidupan seharian sama ada secara formal atau tidak, supaya identity serta jatidiri ini tidak hilang ditelan zaman walau di pelosok mana pun ia berada agar menjadi satu kebanggaan di mata dunia. Sebagai masyarakat yang peka dengan tanggungjawab untuk beretika dalam kehidupan, kita seharusnya mampu menilai amalan atau perbuatan manakah yang boleh diikuti atau sebaliknya. Dewasa kini dilihat masyarakat semakin hilang etika yang betul, contohnya seorang pelajar tidak

mengetahui bagaimana etika dalam berkomunikasi dengan gurunya. Selain itu, dalam konteks keluarga pula, ada juga bapa dengan senang hati melepaskan tanggungjawab membesarkan dan mendidik anak-anak kepada isteri semata-mata. Kemudian terdapat pelbagai isu yang berkaitan dengan kemiskinan nilai etika dalam kalangan masyarakat kini yang menyumbang kepada hilangnya nilai ketamadunan dan adab yang baik. Seterusnya pembaca akan memahami bagaimana pengaruh susur masa zaman pemerintahan di Tanah Melayu yang boleh mempengaruhi peradaban masyarakat Malaysia.

ZAMAN PASCAKOLONIAL DAN ERA MODEN

Kini masyarakat berdepan dengan perubahan etika yang dilihat lebih terbuka dan moden serta bercampur dengan etika dan peradaban tradisional. Tidak dinafikan bahawa sebahagian masyarakat masih mengekalkan etika dan peradaban tradisional, malah ada sebahagian yang mengamalkan etika moden sepenuhnya. Hasilnya, masyarakat kini mengamalkan etika yang bercampur dalam adab, adat istiadat, adat resam, etika, etos dan etiket. Perubahan era moden menyebabkan masyarakat perlu mengadaptasi beberapa perkara baharu, contohnya keperluan ilmu teknologi maklumat yang diguna pakai dalam konsep pendidikan disebabkan wabak COVID-19 yang melanda dunia. Justeru dapatlah disimpulkan bahawa era moden yang dilalui oleh masyarakat perlulah selari dengan penjagaan etika yang betul agar identiti atau akhlak sebagai manusia itu boleh dikekalkan dalam kehidupan seharian walaupun berhadapan dengan apa jua cabaran yang mendatang.

PERCAMPURAN VERSI ETIKA MELALUI TEKNOLOGI

Masyarakat telah menerima variasi dan percampuran versi etika secara langsung atau melalui teknologi. Variasi ini ditambah bukan sahaja hasil tinggalan kolonial, tetapi dikembang luas dengan globalisasi teknologi maklumat. Adab, adat, etika, etos dan etiket telah bercampur baur sehingga mengubah identiti dan jati diri seseorang dalam keadaan dan tingkah laku yang berbeza-beza. Di samping itu, perbezaan antara etnik juga secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada percampuran etika dalam masyarakat. Contohnya, dalam sajian makanan masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai menu masakan harian. Hari ini masakan Melayu, keesokannya pula makanan Arab, lusa pula makanan Cina, seterusnya makanan India, Barat, Jepun, dan sebagainya. Percampuran ini berlaku hasil daripada perkembangan masyarakat majmuk di negara Malaysia. Hasilnya masyarakat dapat menikmati juadah daripada pelbagai bangsa dan etnik. Contoh lain juga ialah dapat dilihat suasana harmoni di kedai mamak yang popular di Malaysia, yang dipenuhi dengan masyarakat daripada pelbagai budaya, agama dan lapisan. Ini menunjukkan kebersamaan yang wujud antara masyarakat Malaysia iaitu etika dan peradaban itu perlu ditanam di dalam jiwa setiap individu untuk membawa imej masyarakat Malaysia yang aman dan harmoni.

ETIKA DALAM PERSEKITARAN FORMAL DAN TIDAK FORMAL

Nilai etika bercampur baur ini wujud dalam persekitaran formal dan tidak formal kehidupan masyarakat Malaysia. Proses percampuran ini berlangsung sekian lama sehinggakan masyarakat mengamalkannya nilai etika yang bercampur baur dalam persekitaran formal dan tidak formal kehidupan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, fesyen

pemakaian kini turut berubah, dan jika dahulunya masyarakat Melayu hanya mengenakan baju Melayu dan baju kebaya, tetapi kini semuanya berubah. Baju Melayu dan baju kebaya hanya dipakai ketika acara tertentu sahaja, malah acara rasmi pun sukar untuk melihat masyarakat Melayu mengenakan pakaian tradisional ini. Apakah yang dipakai oleh masyarakat Melayu sekarang? Kebanyakan masyarakat lebih selesa mengenakan baju kemeja atau t-shirt dengan seluar ketika acara rasmi atau acara tidak rasmi. Adakah masyarakat Malaysia tahu pemakaian itu berasal dari peradaban mana? Ini adalah sebahagian kesan kolonial dan globalisasi, dan sekiranya masyarakat dapat memenuhi peraturan pemakaian yang sopan, maka ia dibenarkan. Tetapi apa yang berlaku adalah mereka cenderung untuk memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata. Perkara ini menyumbang kepada kerisauan dalam kalangan generasi baharu khususnya. Ini adalah kerana budi pekerti, tingkah laku dan budi bahasa yang ditonjolkan akan menjadi semakin merosot disebabkan kegagalan mempelajari dan menghayati etika dan peradaban negara Malaysia.

Justeru, amat penting untuk mengguna pakai teknologi atau fesyen yang ada pada hari ini agar disesuaikan mengikut etika berpakaian. Sebagai contoh, orang Islam mempunyai spesifikasi tertentu dalam pemakaian sama ada lelaki atau wanita. Begitu juga dengan agama lain, berpakaian sopan adalah amat digalakkan bagi menjaga maruah dan keselamatan seseorang itu. Dewasa ini dapat lihat peningkatan kes rogol, liwat dan pelbagai jenayah lain lagi yang berpunca daripada kurangnya moral seseorang itu dan hakisan terhadap etika masyarakat dalam berpakaian. Oleh itu, seseorang itu perlu memastikan kehidupannya adalah seimbang iaitu dari segi mengikuti perkembangan semasa dan dalam masa sama masih mampu mengekalkan etika yang betul mengikut nilai agama masing-masing.

Oleh kerana itulah, sebagai generasi yang hidup dalam era globalisasi teknologi maklumat, masyarakat perlulah menghayati makna etika dan peradaban yang telah diacuankan dalam negara

Malaysia sejak sekian lama. Mempelajari, menguasai, menghayati nilai-nilai murni tersebut adalah penting supaya masyarakat akan tetap mempunyai identiti dan jati diri Malaysia walau di mana sekalipun mereka berada. Jika bangsa Malaysia tidak mengamalkan etika peradaban Malaysia, siapakah yang akan mengekalkan tradisi peradaban ini? Jadi ayuh sama-sama amalkan tradisi mulia peradaban agar nilai-nilai murni dapat disemai kepada generasi seterusnya sehingga mampu mengekalkan identiti sebenar masyarakat Malaysia.

ETIKA DAN PERADABAN MENGIKUT ACUAN SOSIOLOGI

Sosiologi adalah ilmu yang berkaitan dengan kajian terhadap masyarakat secara kolektif. Dalam konteks ini, perlu difahami apakah konsep yang diguna pakai oleh ilmuwan terdahulu dalam memahami etika dan peradaban sesuatu masyarakat. Dewasa ini, masyarakat semakin berhadapan dengan pelbagai ideologi dan modenisme, iaitu serangan pemikiran yang kebanyakannya berasal dari Eropah. Hal ini menyebabkan ramai masyarakat yang semakin memuja waktu sekarang dan tidak mampu mengekalkan prinsip rabbani yang statik dan mengawal prinsip insani yang dinamik (Hasrizal, 2020). Contohnya pelbagai isu yang menyalahi etika dan peradaban masyarakat, seperti meraikan puak *lesbian gay bisexual transgender* (LGBT) sebagai contoh, dan ia dikira isu yang melibatkan agama dalam dunia moden.

Ibn Khaldun merupakan salah seorang pengasas ilmu sosiologi dan beliau telah menyaksikan bagaimana tamadun Islam Sepanyol dan beliau juga berinteraksi dengan pemikir dari Barat. Teori Ibn Khaldun dalam kitab popular beliau, iaitu *Muqaddimah* menceritakan sesuatu peradaban itu membangun dengan formula tertentu, contohnya beliau menyatakan bahawa manusia tidak akan membangun selagi masih berkelakuan seperti orang Badwi. Ini adalah kerana orang Badwi sifatnya menerima dan mengambil, dan tidak mahu memberi.

Justeru, kesannya adalah tidak berlaku pembangunan dalam sesuatu masyarakat, dan memberi yang dimaksudkan di sini ialah membangun sesuatu tempat itu dan kerjasama itu diperoleh daripada kebersamaan antara individu (Haszrizal, 2020). Konsep teori inilah diceritakan dengan panjang lebar oleh Ibn Khaldun dengan mengaitkannya dengan Teori ‘*Umran*.

Apa yang dapat dipelajari daripada konsep kebersamaan adalah, sebagai rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, budaya dan setiap negeri itu mempunyai loghat tersendiri. Justeru, masyarakat harus mempunyai perasaan kebersamaan antara penduduk di setiap negeri di tanah air ini. Hal ini perlulah difahami bahawa walau di mana mereka berkumpul, akan ada satu *bonding* atau juga Ibn Khaldun menyebutnya sebagai ‘*asobiah* (rasa kekitaan) itu perlu diharmonikan sehingga dapat membawa slogan “Kita Anak Malaysia” sebagai contoh. Semangat ini perlu ada dalam peradaban masyarakat Malaysia pada hari ini kerana sikap mengutamakan orang lain adalah kemuncak persaudaraan antara masyarakat, dan disebut juga sebagai *philantrophy* iaitu satu budaya suka membantu dan memudahkan urusan orang lain. Pada hari ini, jiran tetangga hanya berhubung atau kenal dalam aplikasi WhatsApp sahaja, dan nilai kejiranan tidak sepatutnya luput kerana ia merupakan adab atau etika yang perlu diketahui untuk memupuk kebersamaan antara komuniti dan masyarakat.

Oleh sebab itu, masyarakat perlu mengetahui batu asas sosiologi ini, dan bagi orang Islam mereka boleh memahami konsep masyarakat di dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 iaitu Allah menyatakan bahawa masyarakat itu terdiri daripada lelaki dan perempuan, berbilang bangsa, dan elemen kepelbagaian (pluralisme) itu dicipta dengan identiti tersendiri antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Sebab itulah masyarakat tidak boleh mencela kebangsaan bangsa yang lain, justeru, sebagai masyarakat yang memahami konsep ini, mereka perlu mempraktikkan konsep kepelbagaian dengan saling kenal-mengenal dan bertoleransi antara satu sama lain agar mampu melahirkan individu yang mempunyai etika dan peradaban yang mantap.

Selain itu, dalam aspek agama juga menekankan bahawa masyarakat itu terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu masyarakat yang bersosial dan berasimilasi dengan baik, dan terdapat juga masyarakat yang bersifat anti-sosial. Kumpulan antisosial ini kebiasaannya cenderung untuk melawan nilai norma iaitu dengan tidak mengikut sesuatu etika dan juga tidak mempunyai kepercayaan atau agama tertentu. Terdapat panduan lengkap sebagai rujukan masyarakat iaitu berkaitan dengan moral, pendidikan, ekonomi dan sebagainya yang membantu ke arah keharmonian masyarakat.

Seseorang individu itu juga boleh mendapat ilmu melalui pemerhatian tentang kejadian, peristiwa atau pengalaman yang berlaku di sekelilingnya. Selain itu, dia juga boleh mengkaji dan melakukan pemerhatian dan analisis yang kritikal dan mendalam dengan menggunakan pancaindera iaitu mata, telinga dan hati (Waffie, 2008). Dengan proses yang dilalui seseorang individu itu, maka ia akan menyumbang kepada kebaikan seterusnya masyarakat akan mendapat manfaat daripadanya disebabkan etika yang baik yang dimiliki oleh individu tersebut. Oleh sebab itu, memiliki etika yang betul amat penting dalam melahirkan peradaban sesebuah negara yang menjadi identiti kepada negara tersebut dan menjadi ikon kepada negara yang lain.

ETIKA DAN PERADABAN MELALUI SEJARAH, STRUKTUR SOSIAL DAN BIOGRAFI

Tahap penghayatan etika dan peradaban adalah berbeza dan dipengaruhi oleh perkembangan sejarah, struktur sosial dan biografi masyarakat berkenaan. Sarjana Sosiologi bernama C. Wright Mills, telah mengemukakan idea beliau untuk memahami masyarakat melalui konsep 'imaginasi sosiologikal'. Ia merujuk kepada gambaran kehidupan bagaimana seseorang individu menghilangkan diri dari

kebosanan dalam kehidupan sehariannya. Ia juga melibatkan individu yang membina kefahaman yang mendalam mengenai bagaimana biografi itu adalah pencetus kepada proses sejarah yang ada dalam konteks masyarakat yang lebih luas (Giddens, 2006).

Dalam bab ini, juga akan membincangkan konsep itu berdasarkan tiga komponen penting iaitu sejarah, struktur sosial, dan biografi. Mari kita lihat bagaimana alat analisis ini digunakan dalam konteks menghayati etika dan peradaban acuan Malaysia. Dalam konteks ilmu sosiologi, **sejarah** ialah himpunan peristiwa dan pengalaman lalu yang saling berkait melibatkan individu, keluarga dan komuniti dalam masyarakat. Meneliti sejarah ialah dengan melihat kembali asal usul seseorang individu di negara ini. Adakah ia merupakan penduduk asal atau ia berlaku kerana sebahagian daripada proses migrasi dalam wilayah alam Melayu atau migrasi dari peradaban Cina, India, Arab, Eropah dan sebagainya? Bagaimanakah negara ini dibentuk menjadi sebuah negara?

Struktur sosial dari segi bahasa ialah sistem sosial. Manakala dari segi sosiologi adalah hubungan yang dibina dan terjalin dalam sesebuah masyarakat yang berfungsi untuk menggerakkan dinamika masyarakat. Struktur sosial tradisional diperintah oleh raja, pembesar dan para bangsawan manakala, rakyat jelata dan hamba merupakan golongan yang diperintah. Kini struktur sosial yang diamalkan adalah struktur sosial moden yang amat berbeza dengan struktur sosial tradisional. Dari segi individu, aspek ini boleh diambil untuk membentuk jati diri masyarakat yang lebih baik. Sebagai contoh, seseorang yang berasal daripada keluarga yang serba kekurangan dari segi kewangan dan pendidikan, maka dia mampu mengubah struktur sosial dalam keluarganya. Hal ini boleh berlaku apabila dia mampu berusaha menambah pendapatan dan mencari sumber kewangan yang bersih dan halal bagi mengubah nasib sesebuah keluarga itu.

Kemudian dia juga boleh berusaha menuntut ilmu dan menambah kualiti diri agar dia menjadi seseorang yang boleh memberi

manfaat untuk orang lain. Di sini dapat dilihat bahawa kemampuan individu itu amat penting dalam membentuk sesebuah struktur sosial yang lebih baik dalam konteks kehidupan hariannya. Sekiranya dia mampu berusaha ke arah yang lebih positif, maka kesannya akan dapat dilihat kepada generasinya yang akan datang yang mampu menghasilkan struktur sosial yang lebih baik seterusnya membentuk etika dan peradaban sebagaimana selari dengan kehendak dan identiti masyarakat Malaysia.

Di Malaysia, struktur sosial moden diperintah oleh kelas atasan dan kelas menengah manakala kelas pekerja dan kelas bawahan merupakan golongan yang diperintah. Sebagai salah seorang individu yang berada di Malaysia mahupun mana-mana tempat, kita pasti mempunyai tahap penghayatan berbeza-beza mengenai etika dan peradaban berdasarkan struktur sosial. Struktur sosial ini melibatkan komuniti dan sistem sekeliling sama ada secara formal atau tidak formal. Sebagai contoh, tempat tinggal sesebuah komuniti, tempat dibesarkan, disekolahkan dan lain-lain yang berkaitan dengan latar belakang peribadi seorang manusia. Memahami lapisan-lapisan struktur sosial akan membolehkan penghayatan etika dan peradaban yang telah terbina dan sedang berlangsung dalam negara Malaysia.

Biografi dari segi bahasa ialah riwayat atau kisah hidup seseorang. Dari segi sosiologi, biografi adalah fenomena struktur sosial dan proses sejarah yang mencorakkan pengalaman individu, keluarga, komuniti dan masyarakat, dan ia dipengaruhi beberapa faktor seperti struktur sosial dan proses sejarah. Pemahaman mengenai bagaimana biografi terbentuk oleh sejarah dan sistem sosial di negara adalah penting bagi membolehkan setiap individu itu mengenali diri masing-masing. Sebagai contoh seseorang yang menghayati biografi dirinya mampu mengetahui bagaimana ia dilahirkan dan dapat meneruskan kehidupan sehingga kini. Seseorang itu juga mampu menilai bagaimana struktur sosial yang dimiliki lalu ia memberi kesan kepada pembentukan perlakuan dan tingkah laku dirinya. Justeru,

etika dan peradaban Malaysia terbina di atas biografi rakyat negara yang teracuan sejak sekian lama. Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai latar belakang keluarga campur, contohnya India Muslim berkahwin dengan orang Melayu lalu membentuk percampuran antara dua bangsa. Kemudian generasi yang dilahirkan itu kebiasaannya akan mempunyai kecenderungan tingkah laku sama ada ke arah Melayu atau India. Kemungkinan anak yang dilahirkan itu dari segi fizikalnya mengikut genetik dan ciri-ciri orang Melayu. Akan tetapi, mereka mungkin mempunyai kecenderungan minat ke arah makanan orang India kerana terbiasa menikmati juadah harian yang disediakan oleh ibu yang berketurunan India. Begitu juga dengan percampuran budaya antara kaum Cina, Arab, Turki, Siam dan pelbagai kaum lagi yang boleh dilihat dalam kalangan masyarakat pada hari ini khususnya di Malaysia.

Selain daripada biografi individu, sesebuah keluarga dan komuniti juga merupakan salah satu struktur sosial asas sebuah masyarakat. Etika yang telah terbina boleh diteliti sama ada dalam diri, keluarga dan komuniti (contohnya tempat tinggal, tempat belajar dan tempat kerja). Adakah seseorang itu mempunyai etika yang baik atau sebaliknya? Individu, keluarga dan komuniti yang beretika sudah pasti mewarnai peradaban Malaysia yang baik, manakala etika yang tidak baik perlu ditolak oleh masyarakat kerana memusnahkan peradaban Malaysia dalam jangka panjang. Ini adalah kerana kesan nilai yang ditonjolkan oleh seseorang akan memberi contoh kepada orang yang terdekat, iaitu anak-anak dan keluarga. Kemudian, anak-anak pula akan membawa perwatakan itu ke luar rumah dan mengamalkannya dalam kalangan komuniti dan masyarakat yang lebih besar. Jika perkara baik yang disebar dan disemai, maka buahnya adalah manis. Namun, jika perkara negatif yang diamalkan, maka generasi akan melihat krisis yang semakin teruk dan sukar diubati seterusnya menjadi darah daging dalam kalangan masyarakat. Jika semua rakyat Malaysia dapat menghayati etika dan peradaban dengan baik, kita

dapat mengekalkan keharmonian negara dan boleh terus mengekalkan identiti negara dengan baik. Proses ini bermula dari individu, oleh itu setiap masyarakat memainkan peranan penting dalam meniupkan semangat mengekalkan etika dan peradaban negara.

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN MENGIKUT KONTEKS MASYARAKAT, NEGARA DAN PASARAN

Bahagian ini akan menghuraikan mengenai konsep penghayatan etika dan peradaban dalam konteks masyarakat, negara dan pasaran. Jika diteliti, pelbagai usaha kerajaan Malaysia dalam menaik taraf kualiti hidup masyarakat. Individu yang berkemahiran dalam sesuatu bidang contohnya dalam bidang pertanian, maka dia boleh menyambung pengajian di Amerika Syarikat, contohnya di Louisiana State University. Kemudian, bagi yang memiliki kebolehan dalam bidang ekonomi, beliau berpeluang menyambung kepakaran dan pengajian di United Kingdom, contohnya London School of Economic. Kemahiran dan ilmu yang diperolehi daripada negara lain akan dapat dimanfaatkan dan diguna pakai oleh masyarakat sekeliling, seterusnya memberi sumbangan kepada pasaran negara Malaysia. Begitu juga dengan bidang-bidang ilmu yang lain, antaranya kebolehan yang ada dalam diri individu seharusnya dikenal pasti untuk memastikan individu tersebut dapat memberi sumbangan yang baik kepada peradaban Malaysia. Peradaban yang telah dikecapi pada hari ini adalah kerana usaha generasi yang terdahulu dalam membangunkan ekonomi, sosial dan beberapa cabang ilmu yang lain sehingga boleh mengecapi hasil yang baik iaitu dari segi kemudahan mendapat pendidikan, sumber makanan, dan tempat tinggal yang terbaik dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

KESIMPULAN

Melalui perbincangan di atas, dapat difahami bahawa masyarakat yang beretika dan mempunyai peradaban yang baik akan membentuk dan meletakkan negara dalam kedudukan yang baik serta dihormati. Tahap kualiti sebuah negara adalah bergantung kepada keadaan masyarakatnya yang mempunyai peradaban tinggi yang mampu mencorak pemerintahan dan kehidupan yang hebat pada masa kini dan juga masa depan. Biografi atau latar belakang sesebuah negara akan mempengaruhi perkembangan aspek-aspek perkembangan dunia seperti politik, ekonomi dan sosial negara tersebut. Oleh itu, amat penting untuk mengamalkan etika dan peradaban yang betul, supaya negara dapat membangun secara seimbang dan hasilnya pasaran negara akan meningkat.

RUJUKAN

- Giddens, A. (2006). *Sociology* (Fifth Edition). Cambridge: Polity.
- Hamdan, N. N. (2017). Etika Dalam Terjemahan: Implikasi Dari sudut Perundangan. *BMU556- Bahasa Melayu Undang-Undang II*, 2.
- Hasriza, A. J. (2020). *Seni Berfikir Yang Hilang*. Selangor: Iman Publication.
- Kamus Dewan. (2010). *Kamus Dewan*. Diambil daripada: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=adab>
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (n.d.). Diambil daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=adat+resam>
- Mohamad Rashidi Pakri, E. J. (2019). *Alam Melayu dari Sudut Pandangan Penulis Wanita Kolonial*. Published Online.
- Mohd Anuar Ramli. (2006). Instrumen 'urf dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 17*, 254-258.
- Muhammad Takari Jilin Syahrial. (2015). Adat dalam Peradaban Melayu. Laporan Peneliatian Program Studi Etnomusikologi FIB USU dan Majlis Adat Budaya Indonesia, 1-24.
- Rahman, K. A. (2015). Kecelaruhan Nilai dalam Falsafah Etika. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam, Kuis, Bil 8*(Isu 1), 133-136.
- RoZIAH Adama, M. R. (2017). Komunikasi Pelanggaran Adab: Satu Analisis Konsep Adab Al-Attas Dalam Drama Ayam Jantan Ayam Betina. *Jurnal Melayu*(Isu khas 2017), 382-383.
- Waffie, M. (2008). *Islamic Sociology*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.

BAB 2

KONSEP ETIKA DAN PERADABAN

Mohd Zain Mubarak

Objektif:

Memahami konsep etika dan peradaban serta pergerakan idea dan amalannya.

Hasil Pembelajaran:

1. Memahami konsep pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban dunia.
2. Menganalisis sejarah pemikiran Eropah daripada zaman sebelum, semasa dan selepas *enlightenment*.
3. Mengenal pasti konsep peradaban berdasarkan susur masa prakolonialisme, kolonialisme dan pascakolonialisme.

Kandungan Bab:

1. Idea dan pergerakan amalan etika dan peradaban dunia di wilayah alam Melayu dan luar wilayah Tanah Melayu.
2. Etika dan peradaban dalam konteks sejarah pemikiran Eropah.
3. Konsep etika dan peradaban dalam sejarah pemikiran manusia.
4. Integrasi antara peradaban agama yang membentuk peradaban kacukan.

PENGENALAN

‘Etika’ dan ‘Peradaban’ adalah dua konsep umum sejagat yang dipilih untuk difahami dalam kursus ini. Hakikatnya kedua-dua konsep ini merupakan elemen penting terhadap perkembangan dan kemajuan sejarah tamadun manusia lampau. Lantaran itu etika dan peradaban merupakan sesuatu yang penting untuk kita memahami dan menghayati dinamika sesebuah masyarakat yang sememangnya mempunyai sejarah dan proses interaksi yang kompleks dan tersendiri. Kedua-dua konsep ini dibincangkan satu persatu dan kemudiannya dikaitkan dalam konteks susur masa prakolonial, kolonial dan pascakolonial. Fokus pertama adalah perbincangan tentang pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban dunia. Fokus kedua, adalah terhadap konsep etika khususnya menghuraikan pengertiannya dalam konteks sejarah pemikiran Eropah, daripada zaman sebelum, semasa dan selepas *enlightenment*. Kemudian dikupas pula impak kefahaman dan amalan konsep etika ketika disemaikan semasa zaman kolonial dan pascakolonial di luar Eropah. Fokus ketiga adalah terhadap konsep ‘peradaban’ berdasarkan susur masa prakolonialisme, kolonialisme dan pascakolonialisme, timur dan barat, perspektif agama dan kepercayaan. Contoh-contoh boleh ditimba daripada pengalaman sejagat dan Alam Melayu.

PERGERAKAN IDEA DAN AMALAN ETIKA DAN PERADABAN DUNIA

Perbincangan mengenai sejarah pergerakan idea, amalan etika dan peradaban di Malaysia perlu merujuk kepada kewujudan tamadun awal yang bertapak di Tanah Melayu dan berkembang melalui proses interaksi dan pengaruh unsur tertentu. Kepercayaan animisme merupakan pegangan awal masyarakat tradisi berasaskan

semangat dan roh alam sebelum kurun ke-3. Kepercayaan ini dalam bentuk adat resam telah mewujudkan elemen nilai dan tingkah laku berdasarkan kepercayaan terhadap roh dan semangat alam dalam kalangan masyarakat ketika itu malah masih ada yang kekal sehingga ke hari ini seperti amalan pemujaan dan seumpamanya. Kedatangan agama Hindu seawal kurun ke-3 ke Tanah Melayu telah mengubah dan mempengaruhi aspek kepercayaan dan adat resam dalam sosial masyarakat. Pengaruh yang kuat dapat diperhatikan berdasarkan kepercayaan Hindu ini yang terkesan dari sudut sistem pemerintahan, kesusasteraan, kesenian dan sebagainya yang membentuk kebudayaan adat tradisi masyarakat tempatan sehingga lebih 10 kurun lamanya. Namun kedatangan dan perkembangan agama Islam ke Tanah Melayu secara rancaknya bermula kurun ke-12 telah memberi kesan besar terhadap pandangan semesta masyarakat tempatan. Pengaruh ajaran Islam berkembang dengan meluas sehingga mendasari aspek nilai dan peradaban masyarakat setempat dalam segenap aspek kehidupan. Selain prinsip syariat yang menjadi kerangka asas kepada sistem kehidupan keseluruhan, nilai tradisi terdahulu akibat pengaruh Hindu masih diterima dalam ruang lingkup yang dibenarkan mengikut kesesuaian syariat Islam. Manifestasi kesyumulan Islam ini dapat dilihat melalui nilai moral, akhlak dan kesopanan yang menjadi elemen penting terhadap pembentukan masyarakat atau warganegara beradab dan bertanggungjawab.

Selain aspek kepercayaan secara khusus, perkembangan etika dan peradaban khususnya di Tanah Melayu juga terkesan akibat pengaruh luar terutamanya daripada kerajaan-kerajaan awal yang muncul sebagai pelabuhan di sekitar Kepulauan Melayu. Catatan sejarah menunjukkan seawal kurun pertama Masihi telah wujud kerajaan di Alam Melayu seperti Javadvipa, Champa, Funan dan Langkasuka sehinggalah kepada kemuncak pertumbuhan tamadun awal ini dengan perkembangan empayar Srivijaya-Majapahit dari kurun ke-7 sehingga 14 dan Melaka sepanjang abad ke-15. Idea

dan amalan etika oleh kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu dan Nusantara secara umumnya mula berkembang seawal kurun ke-13 Masihi. Bermula dengan Kesultanan Melayu Tenate (13M) sehinggalah Kesultanan Melayu Siak (18M), kemunculan silih berganti kerajaan Islam di Alam Melayu ini mempunyai peranan dan impak tersendiri dalam mempengaruhi budaya dan norma masyarakat hasil interaksi yang berlaku terutamanya dari sudut sosial dan politik.

Meskipun hanya dengan pengangkutan air atau kapal laut namun tiada siapa dapat menafikan sejarah mengenai jaringan dan perhubungan pesat yang berlaku pada zaman dahulu. Ini bermaksud proses interaksi dan integrasi berlaku dengan meluas melibatkan pelbagai budaya berkaitan kehidupan dalam masyarakat melalui proses migrasi dalam Kepulauan Melayu dan luar Kepulauan Melayu. Interaksi dan integrasi ini menyebabkan sesuatu pengaruh itu tersulam dalam masyarakat. Hasilnya unsur etika telah terjelma dalam tingkah laku serta kehidupan seharian, sama ada formal atau tidak formal dan disebut sebagai adab, adat resam dan adat istiadat dalam sesebuah masyarakat. Hal ini ketara dalam konteks budaya serumpun khususnya yang terhasil akibat jaringan perhubungan dan interaksi seperti di antara Tanah Melayu dengan Kepulauan Jawa, Sumatera dan juga selatan Thai yang mengakibatkan peradaban majmuk bertemu dan bergaul.

Tidak terkecuali pergerakan idea, amalan etika dan peradaban di Tanah Melayu juga berkembang dengan pengaruh peradaban luar selain rumpun di Kepulauan Melayu. Perkara ini dapat diperhatikan melalui jalinan hubungan para pedagang dari India, Arab dan juga China yang menjadikan rantau ini sebagai tumpuan aktiviti perdagangan dan persinggahan. Apatah lagi Kepulauan Melayu yang sememangnya terkenal sebagai laluan dan tempat persinggahan kapal dagangan dari barat dan timur melalui Selat Melaka khususnya bermula kurun ke-15. Kesannya pelbagai unsur budaya dan tradisi masyarakat berkembang akibat proses interaksi ini seperti kewujudan Baba dan Nyonya,

India Chitti, peranakan India, peranakan Arab dan seumpamanya. Kedatangan penjajah khususnya British telah menyumbang kepada kehadiran lebih ramai etnik yang mewarnai komposisi kaum dan budaya masyarakat yang lebih unik serta pelbagai.

KONSEP ETIKA

Sejarah Pemikiran Eropah

Etika berasal dari perkataan Greek, *ethos* yang bermaksud ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan. Suatu ilmu yang membahaskan perbuatan baik dan buruk manusia dan sejauh mana ia dapat difahami oleh fikiran manusia. Menurut perspektif Barat, kayu ukur yang menjadi pertimbangan yang menentukan baik, buruk atau benar dan salah sesuatu tindakan moral atau etika ialah pemikiran rasional yang berlandaskan akal fikiran manusia semata-mata. Etika merupakan suatu disiplin ilmu yang telah lama dibincangkan sejak zaman Yunani melalui ahli-ahli falsafah terkenal seperti Socrates, Aristotle dan Plato. Teori-teori moral dan etika barat adalah berdasarkan kepada falsafah-falsafah moral yang telah wujud sejak zaman Yunani kuno lagi. Falsafah-falsafah ini berdasarkan kepada falsafah umum utama seperti idealisme, realisme, pragmatisme dan eksistensialisme. Prinsip yang menjadi kayu ukur kepada pemikiran teori moral dan etika barat ialah pemikiran rasional.

Menurut Aristotle, adalah menjadi suatu keperluan insan untuk mempraktikkan teori keperibadian mulia dalam segala urusan demi melancarkan urusan sehariannya. Teori ini juga menekankan konsep 'The Gold Mean' iaitu mencari kebaikan dalam keadaan keseimbangan di antara keinginan agar tidak melampau dalam setiap perilaku (Nuruddin, 2006). Menurut Socrates, kebahagiaan adalah

mustahil diperoleh tanpa memiliki kebaikan moral, dan tindakan yang tidak beretika akan mengganggu orang lain malah menganggap orang yang tidak beretika sebagai orang yang lemah dan mempunyai psikologi yang tidak sehat.

Zaman *enlightenment* atau zaman pencerahan merupakan rentetan daripada zaman sebelumnya iaitu zaman renaissans. Pada ketika itu golongan cendekiawan zaman renaissans mempersoal kewajaran untuk memperoleh ilmu pengetahuan sekiranya hanya bergantung kepada kepercayaan dan agama semata-mata. Mereka mendalami falsafah rasionalisme yang dipelopori oleh ahli falsafah Yunani seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Rentetan itu muncul pemikir seperti Rene Descartes, Charles Montesquieu, Jacques Rousseau, John Locke dan Thomas Hobbes yang membawa kepada perkembangan falsafah rasionalisme yang menggantikan agama menjadi tunggak utama untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Manusia digalakkan berfikir dan membuat penaaakulan secara empirikal dan sistematik. Ajaran agama dan peranan gereja semakin dilupakan bahkan diganti dengan pemikiran atau idea ilmiah dan saintifik. Zaman ini dikaitkan dengan konsep modenisasi di Eropah dalam pelbagai aspek antaranya termasuklah politik, ekonomi sosial.

Aspirasi politik terhadap penyatuan kerajaan, penciptaan negara dan hak yang lebih bagus untuk orang kebanyakan, dalam usaha untuk menggantikan kekuasaan golongan aristokrat dan gereja ternama. Revolusi Perancis yang tercetus pada tahun 1789 merupakan antara puncak kepada era zaman pencerahan dan akhirnya membawa Eropah kepada era moden. Slogan *liberty, equality and fraternity* (kebebasan, kesamaan dan persaudaraan) yang mengubah sistem aristokratik di Perancis dan menegaskan kuasa dan kehendak rakyat. Seiring dengan itu proses perkembangan dapat diperhatikan melalui perubahan yang berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan manusia yang dipelopori oleh cendekiawan Barat terhadap tamadun sejagat. Kebangkitan dan perkembangan aliran pemikiran rasional

dan empirikal berpusatkan akal manusia dengan menyisihkan unsur metafizik dalam bidang keilmuan serta kehidupan telah membentuk nilai etika dan peradaban berbeza. Kemajuan ilmu sains dan teknologi dimanfaatkan dengan maksimum namun mengeneipkan unsur keagamaan yang merupakan sumber nilai tertinggi untuk manusia mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup.

Revolusi industri yang bermula kurun ke-18 telah memberi perubahan dalam pertanian, pembuatan dan pengangkutan yang memberi impak besar kepada sosioekonomi dan kebudayaan di Britain sehingga ke serata dunia melalui proses yang dikenali sebagai perindustrian. Revolusi industri pada hari ini merupakan salah satu elemen terpenting yang merancakkan kemajuan dan mencorakkan landskap dunia moden namun persaingan dalam merebut peluang ekonomi dan pasaran telah membuka ruang pertembungan antara nilai kebendaan dan kemanusiaan. Bermula dengan Revolusi Perindustrian Pertama (1760-1830) yang melibatkan penemuan tenaga wap air dan ke arah merevolusikan kejuruteraan mesin. Dunia terus berubah apabila membabitkan kuasa elektrik dan telah mencetuskan Revolusi Perindustrian Kedua sekitar tahun 1870-1914 yang bertujuan untuk memperbaiki sumber tenaga menggunakan kuasa elektrik yang lebih murah dan cekap. Revolusi Perindustrian Ketiga atau Revolusi Digital pula telah bermula semenjak tahun 1950-an lagi di negara-negara maju yang menekankan elemen pembangunan sistem digital dan komunikasi serta kemajuan komputer yang ditandai kemajuan teknologi komputer peribadi, Internet dan teknologi maklumat serta komunikasi. Di atas landasan Revolusi Digital ini maka terbinalah Revolusi Perindustrian Keempat yang membawa cara-cara baharu dengan menjadikan teknologi sehati bersama masyarakat atau menjadi sebahagian anatomi tubuh manusia. Ramai pakar melihat tugas hakiki manusia akan digantikan oleh tenaga robotik yang mengakibatkan jutaan manusia akan kehilangan pekerjaan khususnya dalam sektor pengilangan. Kegunaan robot akan terus meningkat sejajar dengan

perkembangan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence*(AI) bersama Internet pelbagai benda atau Internet of Things (IoT). Hari ini berlaku ledakan nama seperti WhatsApp, Uber, Zalora, Trivago, Waze, Foodpanda dan pelbagai lagi syarikat berlandaskan Internet adalah sesuatu yang normal dalam penggunaan harian masyarakat kita.

Keraguan mengenai pembinaan suatu ekosistem baharu yang lebih adil dan saksama bertunjangkan kesejahteraan dengan persekitaran dunia baharu yang adil masih sedang diperbahaskan. Perubahan ini mampu mentransformasikan bukan sahaja cara hidup, masyarakat, nilai dan norma, tetapi juga persepsi mengenai manusia itu sendiri. Gangguan perubahan (*disruptive change*) yang mengiringi ketangkasan revolusi ini ialah hakikat bahawa jurang ketidaksamaan ekonomi sedia ada semakin meluas dan mendalam merentas benua, kelas serta gender. Situasi ekonomi tidak berperikemanusiaan (*inhumane economy*) dipandu oleh rasa tamak haloba (*incessant greed*), nilai, prinsip dan polisi yang menghilangkan sifat kemanusiaan. Keadilan sosial, pengagihan berkeadilan, pembasmian kemiskinan dan yang terpenting; dimensi akhlak yang terang semakin tempang, teruntai dan terabai. Apa yang pasti, pemborosan, rasuah, ketirisan dan monopoli terus berleluasa seiring dengan jurang ketidaksamaan yang kian melebar. Pada permulaan perkembangan peradaban dan kemajuan beberapa negara seperti Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain, kebanyakan negara-negara tersebut bersandar kepada pekerja berkemahiran rendah dan murah. Setelah berlakunya Revolusi Perindustrian Keempat, banyak negara yang terjejas terutamanya dari segi pengangguran. Justeru, keseimbangan perkembangan teknologi dan kesejahteraan ekonomi rakyat perlu diseimbangkan untuk menghasilkan peradaban yang menjadi ikon kepada negara-negara jiran yang lain.

Perspektif Agama dan Kepercayaan

Hindu

Agama Hindu merupakan antara agama tertua di dunia dan masih dianuti di seluruh pelosok dunia. Agama Hindu yang berasaskan kepada kitab Veda mengandungi tiga ajaran utama yang bersifat rohani, dongengan mistik dan falsafah agama. Interaksi kaum Aryan dengan masyarakat peribumi India pada abad ke-18 SM melahirkan adat istiadat Hindu yang dianggap sebagai suatu agama yang dianuti dan dipegang tatasusilanya oleh orang India (Ahmad Shalaby, 1970). Ciri-ciri moral seperti berbudi pekerti, kesedaran rohani dan menuntut ilmu terdapat dalam agama Hindu yang turut mencampurkan agama dan budaya seperti dalam perkahwinan (adat persandingan) dan perayaan (mandi dengan niat menyucikan diri) (Rajagopalachani, 1989).

Walaupun agama Hindu bukan agama samawi tetapi nilai moral tetap ditekankan. Penganut Hindu perlu memerangi hawa nafsu, mengawal kemarahan, mencegah penyeksaan dan patuh kepada ajaran yang terkandung di dalam kitab Veda. Kepercayaan kepada hukum karma iaitu balasan balik terhadap tindakan manusia menunjukkan penekanan terhadap aspek etika dan moral dalam kehidupan. Beberapa aspek berkaitan nilai-nilai moral dan etika dalam agama Hindu juga boleh dilihat seperti menolak kehidupan mewah, suami menyayangi isteri, dilarang meminum arak, mentaati ibu bapa, menguasai nafsu dan keadilan dalam pemerintahan.

Buddha

Buddha merupakan suatu agama yang berkembang pada abad ke-6 SM. Buddha bermaksud bangun daripada kesesatan dan keluar di tengah-tengah cahaya pandangan yang benar. Ajaran Buddha

mempunyai persamaan dengan pemikiran agama Hindu dari aspek prinsip-prinsipnya. Walau bagaimanapun, Buddhisme menolak kewujudan tuhan dalam agamanya dan menumpukan aspek etika serta moral. Pengasasnya Siddharta Gautama yang merupakan seorang anak raja telah melalui peristiwa yang menjadi pencetus kepada kelahiran agama Buddha iaitu apabila melihat seorang yang telah tua usianya, seorang yang menderita sakit, mayat yang diusung untuk dibakar dan seorang fakir yang meminta-minta. Peristiwa ini memberi kesedaran kepada beliau bahawa dunia penuh dengan penderitaan, kesedihan dan kesengsaraan dan bukannya kenikmatan dan kegembiraan yang dialaminya setiap hari di istana. Akhirnya beliau mencari jalan sendiri dengan bermeditasi di hutan Urvela yang membawa kepada kemunculan agama Buddha.

Antara doktrin ajaran Buddha ialah Empat Kebenaran Agung iaitu berkaitan dengan penderitaan kehidupan manusia, sebab-sebab penderitaan, penghapusan penderitaan dan cara menghilangkan penderitaan. Beberapa aspek nilai etika dan moral yang terkandung dalam ajaran Buddha boleh dilihat dalam pelbagai aspek berkaitan hubungan dalam keluarga, guru dan murid, sahabat handai, majikan dan pekerja dan pengabdian terhadap agama.

Islam

Agama Islam diturunkan di semenanjung tanah Arab melalui usaha dakwah dan pengembangannya oleh Rasulullah SAW di Mekah dan Madinah bermula sekitar tahun 610 M. Prinsip utama berkaitan ketauhidan dan keesaan terhadap Allah SWT sebagai Pencipta dan pentadbir sekalian alam sehinggalah kepada segala peraturan berkaitan kehidupan manusia. Kerangka atau asas dalam agama Islam dapat dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga asas ini menjadikan Islam agama yang menyeluruh dan disebut sebagai *the way of life* kerana mengatur seluruh aspek

kehidupan manusia berasaskan unsur ketuhanan. Perbincangan mengenai etika dan adab termasuk dalam kerangka akhlak dalam Islam yang lebih syumul dan mendalam yang meletakkan keredaan Allah sebagai matlamat akhir setiap tingkah laku secara zahir dan batin.

Akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang daripadanya timbul perbuatan tanpa memerlukan pertimbangan akan terlebih dahulu. Menurut Islam, akhlak terpancar melalui nilai dan sikap daripada tingkah laku yang bertunjangkan akidah (kepercayaan kepada Tuhan) yang dipegang dan diyakini. Kualiti kerohanian merupakan neraca kepada akhlak terpuji untuk kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dimensi akhlak bukan hanya sesama manusia malah kepada alam dan juga Pencipta. Bersumberkan wahyu, Islam menggariskan prinsip akhlak mulia dalam realiti kehidupan sebagai contoh aspek persaudaraan seperti firman-Nya dalam surah al-Hujurat, ayat 10 yang bermaksud, “*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu*”.

Kolonialisme dan Pascakolonialisme

Penjajahan British di Tanah Melayu adalah sebahagian proses persaingan kuasa Barat untuk menguasai tanah jajahan dan kegiatan ekonomi dengan menumpukan kawasan perdagangan (pelabuhan) dan negeri yang mempunyai kekayaan hasil bumi seperti bijih timah. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, penjajah berdiplomasi dan berhati-hati dengan sultan dan pembesar tempatan bagi mengelak penentangan daripada penduduk dan tidak merombak keseluruhan institusi politik Melayu tradisional. Apa yang berubah hanyalah dari segi kuasa sahaja daripada sultan atau pembesar kepada residen atau pegawai British. Justeru kuasa raja amat terhad khususnya berkaitan bidang agama dan adat istiadat Melayu, selainnya bersifat *ceremony* sahaja meskipun dikekalkan kedudukan takhta. Justeru, perkembangan sosiopolitik sekitar pertengahan kurun ke-19 adalah peringkat paling

mundur dalam proses perpecahan dan keruntuhan tamadun sejak zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka. Penjajah menerap sistem politik dan sistem nilai yang berbeza dengan campur tangan seperti berlakunya Perjanjian Pangkor 1874 yang mengubah sistem politik tradisional yang diamalkan selama ini. Perubahan akibat kesan penjajahan ini turut memberi kesan terhadap pengukuhan etika dan peradaban masyarakat apabila pemisahan berlaku antara agama dan politik. Sebagai sumber nilai dan peradaban, Islam semakin terpinggir dalam arus membentuk kehidupan masyarakat bermartabat apabila terbatas kepada upacara dan istiadat sahaja. Situasi ini berkekalan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan yang menjadi titik tolak kepada pembentukan negara bangsa yang memenuhi aspirasi rakyat majoriti.

Hakikatnya Malaysia mewarisi sistem pemerintahan acuan penjajah namun disesuaikan dengan adat setempat dengan aspek agama jelas menjadi kuasa negeri-negeri dan berperanan dengan sebaiknya. Negara Malaysia moden lahir hasil gabungan warisan lama dan baharu termasuk kacukan unsur dalaman dan kebaratan. Kemerdekaan yang dicapai bukanlah episod pembaharuan kesemua bentuk pentadbiran British namun diselari dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Dasar Pecah dan Perintah oleh British yang mewujudkan perbezaan etnik, ekonomi, politik dan sistem pendidikan dapat ditangani dengan beberapa pelan tindakan untuk perpaduan negara seperti Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), Dasar Wawasan Negara dan sebagainya. Setelah 15 tahun merdeka, kerajaan mula membangunkan Islam dalam projek modenisasi negara sekali gus menyuntik unsur nilai yang lebih meluas dalam kalangan masyarakat. Penerapan nilai-nilai Islam, Falsafah Pendidikan Negara, Sistem Perbankan Islam, etika dalam perkhidmatan awam, Islam Hadhari dengan hubungan etnik dan sebagainya menjadi bukti inisiatif yang telah dilaksanakan bukan sahaja untuk kepentingan Melayu sahaja malah bagi keharmonian

semua kaum. Islam sebagai suatu cara hidup menyeluruh dan mampu memenuhi tuntutan kehidupan manusia bersifat majmuk ini bersatu dalam kepelbagaian (*Unity in Diversity*).

KONSEP PERADABAN

Kolonialisme dan Pascakolonialisme

Penjajahan British sememangnya banyak memberi kesan terhadap sistem dan peradaban seperti paradigma yang memandang sesuatu masalah atau gejala dalam masyarakat mengikut *world-view* positivisme Barat. umpamanya Raffles memandang dan memberikan takrifan konsep Melayu mengikut *world-view* Barat yang berasaskan konsep *nation state* Eropah. Lebih penting lagi, ia dibuat berasaskan kepentingan kuasa penjajah Barat yang cuba memecahbelahkan kawasan Alam Melayu mengikut pembahagian kawasan jajahan takluk, menganggap agama sebagai elemen yang tidak saintifik yang perlu diketepikan dalam proses mendapatkan ilmu berdasarkan penerapan proses sekularisasi melalui sistem pendidikan Barat. Lebih khusus lagi mereka membezakan antara konsep perkara agama dan bukan agama. Pihak British memperkenalkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu seperti (Arba'iyah, 2001);

1. Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan.
2. Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama.
3. Pengenalan sistem penilaian relatif terhadap agama, manusia bebas menentukan masa depan.
4. Penurunan taraf ilmu agama berbanding ilmu bukan agama yang dikatakan (yang hanya) membawa kemajuan.

Selepas merdeka, pendekatan stereotaip ras oleh penjajah yang menetapkan pelbagai sifat negatif kepada semua lapisan kaum di Malaysia. Bangsa Melayu dikatakan sebagai bangsa yang malas, suka berkhayal dan tidak boleh dipercayai, bangsa Cina dinisbahkan sebagai bangsa pencandu dan suka berjudi dan bangsa India pula dinisbahkan sebagai bangsa yang lemah daya intelektual, pengotor dan kuat minum todi. Pendedahan yang bersifat stereotaip ini akan menyebabkan semua bangsa Malaysia akan merasa malu dan hilang maruah diri untuk berhadapan dengan bangsa lain di dunia ini. Apa yang lebih buruk lagi, masyarakat Malaysia selepas merdeka akan beranggapan bahawa semua warisan silam bangsa mereka bersifat rendah dan ketinggalan zaman berbanding dengan warisan yang ditinggalkan oleh warisan tamadun Barat, yang juga dikenali sebagai pendekatan *euro-centric* (Arba'iyah, 2001). Hasilnya cabaran peradaban selepas era kolonialisme menyaksikan pengaruh Barat yang mendominasi dalam seluruh aspek kehidupan dan sistem nilai masyarakat. Unsur kebendaan (materialisme) menjadi keutamaan yang turut menyerlahkan sikap individualistik di samping pemikiran akal atau kehendak manusia melebihi tuntutan nilai berasaskan kerohanian. Naluri manusia cenderung terhadap aspek keseronokan dan kepuasan nafsu yang menyisih tuntutan agama.

Selain itu, komposisi kaum dan kemajmukan menuntut kematangan dalam mengimbangi tuntutan, sensitiviti serta hak semua warganegara. Masing-masing mempunyai kepercayaan, adat resam, budaya dan bahasa berbeza namun disatukan dalam bahasa kebangsaan bagi alat perpaduan. Sikap toleransi, bertolak ansur dan hormat-menghormati antara kaum dapat mengekalkan perpaduan.

Timur dan Barat

Tanah Melayu sememangnya terdedah dan berinteraksi dengan pelbagai peradaban asing antaranya daripada India, Arab, Cina dan

Eropah. Dengan kata lain, sejarah membuktikan bagaimana agama-agama besar dunia seperti Hindu, Buddha, Islam dan Kristian telah bertapak dan mempengaruhi budaya masyarakat tempatan dalam pelbagai aspek. Justeru, perkembangan ini menyebabkan masyarakatnya amat dinamik sekali kerana menjadi tempat pertemuan pelbagai budaya dan tamadun besar dunia.

Terdapat dua bentuk peradaban di dunia iaitu peradaban Timur dan peradaban Barat. Peradaban Timur sebagai contoh merujuk kepada masyarakat dari tamadun India, tamadun China dan tamadun Islam manakala peradaban Barat pula merujuk kepada masyarakat bukan Asia merangkumi Eropah dan Amerika Syarikat. Pertembungan peradaban dalam konteks ketamadunan manusia di antara Timur dan Barat adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi. Ini berlaku disebabkan pandangan semesta dan kerangka pemikiran berbeza di antara keduanya. Setiap tamadun mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri sehingga menjadi asas kepada kewujudan peradaban sesuatu bangsa sama ada di timur mahu pun di barat. Namun perbezaan ini tidak menghalang proses interaksi berlaku dalam pelbagai tahap dan keadaan yang merangsang peradaban kacukan bukan sahaja dalam lingkaran ketimuran sahaja malah di antara barat dan timur.

Realiti hari ini menunjukkan pengaruh besar peradaban Barat terhadap peradaban Timur dalam banyak aspek pemikiran, budaya, tingkah laku dan seumpamanya dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Kesannya menghasilkan impak positif dan juga negatif terhadap kelangsungan dan kesejahteraan masyarakat dalam mengharungi dunia kehidupan yang rencam dan sentiasa berubah. Apa yang penting adalah penekanan terhadap unsur nilai dan keseimbangan sebagai neraca dalam menyesuaikan tuntutan manusia ke arah mencapai keharmonian sejagat.

Perspektif Agama dan Kepercayaan

Sebelum merdeka sejak 1930-an, pemikiran islah atau pembaharuan telah dibawa oleh pelajar-pelajar Melayu dari Timur Tengah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan ramai lagi. Penulisan atau penerbitan merupakan wadah penting ketika itu seperti majalah al-Imam yang terpengaruh dengan majalah al-Manar di Mesir. Mesej utama antaranya reformasi pendidikan keagamaan dan keluar dari kepompong dan cengkaman pemikiran modenis Barat.

Kebangkitan Islam di Malaysia sejak 1970-an oleh gerakan intelektual Melayu yang dipengaruhi oleh perkembangan di peringkat global seperti Revolusi Iran 1979 yang memberi kesedaran baharu atau gerakan islah khususnya dalam kalangan kaum muda sama ada yang belajar di Timur Tengah mahupun di Eropah. Mereka memperkenalkan idea-idea baharu yang berbeza daripada amalan tradisi sebelumnya dan menekankan peranan akal dalam memahami Islam seperti konsep ijtihad, menolak taklid dan sebagainya. Gerakan islah yang menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai teras perjuangan mempengaruhi pembentukan parti politik Islam seperti Hizbul Muslimin dan kemudiannya diteruskan sehingga kini oleh PAS (Parti Islam Se-Malaysia). Semua gerakan atau pemikiran baharu yang berkembang dalam masyarakat membentuk suatu fenomena yang kritis menilai dan menapis tamadun Barat dan cuba menggambarkan semula Islam dalam bentuk cara hidup yang lebih baik. Asas terhadap perubahan ini dilonjak oleh kefahaman dan kepentingan agama menjadi rujukan dalam mencorak kehidupan yang memenuhi sistem nilai dan peradaban yang seiring dengan fitrah manusia.

Sejarah tamadun dunia khususnya dalam konteks tamadun Asia telah memperlihatkan kemajuan dan peradaban hebat hasil peranan aspek nilai dan kepercayaan yang memimpin kehebatan sains teknologi. Tamadun India, Cina dan Islam membuktikan perkembangan tamadun berasaskan nilai dan kepercayaan (Hinduisme,

Konfusianisme dan Islam) yang menjadi teras terhadap sistem kehidupan, peradaban dan kemajuan sosial malah memacu kehebatan dalam bidang sains dan teknologi.

KESIMPULAN

Etika dan peradaban merupakan dua aspek penting yang mencorak kehidupan dan kesejahteraan masyarakat. Manusia sebagai makhluk sosial memerlukan kedua-dua aspek tersebut sebagai pegangan bagi membentuk tingkah laku dan sistem sosial yang seimbang dan berkesan. Sejarah etika dan peradaban dunia telah melalui pelbagai perubahan dan fasa getir akibat perkembangan landskap keilmuan, gerakan pembaharuan, penjajahan minda dan fizikal dengan meluas. Selagi perbahasannya berada dalam kerangka pemikiran manusia yang tidak mengabaikan peranan agama dan kepercayaan, maka ia akan terus berperanan dengan seimbang bagi memenuhi tuntutan manusia mengharungi masa depan sukar diduga dan penuh mencabar.

RUJUKAN

- Ahmad Shalaby (1970). *Agama-Agama yang Terbesar di India. (Hindu-Jaina-Buddha)*. Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional.
- Arba'iyah Mohd Noor (2001). *Pensejarahan di dalam Tradisi Barat dan Melayu: Satu Perbandingan Ringkas*, dalam (Ed.) Redzuan Othman, *Jendela Masa*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Ghazali Darusalam (2001). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohamed Ali Haniffa (2018). *Survival Orang Melayu Mendepani Arus Revolusi Perindustrian 4.0: Suatu Penelitian Awal*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2018 23-24 April 2018 . Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor .

BAB 3

ETIKA DAN PERADABAN DALAM MASYARAKAT KEPELBAGAIAN

Ateerah Abdul Razak dan Asma' Lailee Mohd Noor

Objektif:

Memahami bagaimana masyarakat Malaysia berinteraksi dalam pelbagai etnik dan kaum.

Hasil Pembelajaran:

1. Menjelaskan proses pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian.
2. Menganalisis impak etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian.
3. Menghayati konsep kepelbagaian masyarakat di Malaysia.
4. Menghayati proses migrasi yang menyumbang kepada peradaban masyarakat di Malaysia dan serata dunia.

Kandungan Bab:

1. Pembentukan etika dan peradaban berdasarkan sistem kepercayaan dan agama, penempatan masyarakat, peningkatan kualiti kehidupan dan peningkatan jangka hayat.
2. Pembentukan etika dan peradaban berdasarkan sistem organisasi dan institusi sosial yang teratur.
3. Proses pembentukan kelompok masyarakat Malaysia yang pelbagai.

PENDAHULUAN

Bab yang terdahulu telah membincangkan bagaimana proses susur masa yang membentuk peradaban masa kini. Perbincangan bab ini pula akan mengupas mengenai isu migrasi dan kepelbagaian yang semestinya berkait rapat dengan konsep peradaban masyarakat khususnya di Malaysia. Bab ini juga membincangkan mengenai beberapa komponen etika dan peradaban dari aspek persekitaran, masyarakat, ekonomi dan pemikiran. Pada akhir bab ini, pelajar dijangka dapat menghayati konsep kebersamaan antara masyarakat pelbagai etnik dan bangsa yang diaplikasi dalam kehidupan secara penuh beretika dan beradab.

PETEMPATAN MASYARAKAT

Petempatan bermaksud kawasan yg ditempati atau untuk menempatkan sekumpulan orang (Kamus Dewan Edisi Kedua). Dalam konteks ini, ia berkait rapat dengan lokasi sesebuah komuniti yang mendiami kawasan tertentu. Manakala masyarakat pula merujuk kepada kelompok manusia yang menetap dan tinggal bersama-sama.

Peningkatan Kualiti Kehidupan dan Peningkatan Jangka Hayat

Kualiti hidup merujuk kepada pembangunan daripada pelbagai aspek, namun begitu fokus utama kepada kualiti hidup masyarakat adalah berkaitan dengan ekonomi, politik, sosial dan pendidikan. Ia juga boleh didefinisi sebagai kemajuan potensi individu, kualiti kesihatan yang baik, kebebasan mendapatkan ilmu pengetahuan dan mencapai tahap kesejahteraan sosial sebagaimana yang dikehendaki oleh negara. Untuk memastikan kualiti hidup dapat dipelihara, maka amat penting bagi seseorang individu menjaga kesihatan fizikal dan emosi dengan

baik kerana keseimbangan antara beberapa komponen seperti fizikal, emosi, rohani dan intelektual amat penting dalam menentukan tahap kualiti hidup seseorang individu.

Manakala menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar jangka hayat bagi rakyat Malaysia pada tahun 2019 adalah kekal 74.5% seperti yang dicatatkan pada tahun 2013. Contohnya bayi yang baru lahir biasanya mempunyai jangka hidup yang lebih lama iaitu sehingga 77.3 % manakala bayi lelaki adalah sebanyak 72.2%. Didapati bahawa terdapat peningkatan jangka hayat dalam kalangan bayi perempuan iaitu sebanyak 0.4 tahun, sebaliknya kadar jangka hayat bayi lelaki menurun sebanyak 0.1 dalam tempoh yang sama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).

Ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit peningkatan jangka hayat dalam kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, hal ini juga dapat memberi kefahaman bahawa kualiti hidup dalam aspek kesihatan sebagai contoh mampu menambah baik kadar jangka hayat rakyat Malaysia. Justeru, masyarakat Malaysia perlu mengambil kira beberapa aspek seperti perkembangan pengetahuan mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat contohnya. Ia juga menunjukkan peradaban dan sejarah yang membuktikan bahawa peningkatan dalam aspek seperti aspek kehidupan masyarakat di Malaysia khususnya.

Sistem Organisasi dan Institusi Sosial yang Teratur

Sistem organisasi merujuk kepada struktur yang disusun dalam sesuatu organisasi atau kelompok. Sebagai contoh sistem organisasi yang wujud pada zaman kerajaan Srivijaya membuktikan adanya sistem kelas, iaitu golongan kelas bawahan dan kelas atasan. Begitu juga dengan sejarah awal Islam, terdapat golongan hamba dan beberapa peraturan yang dibuat untuk memastikan hak seorang hamba itu terjaga. Seinggalah datang hukum baharu yang memansuhkan

sistem hamba. Melalui sejarah sistem organisasi tersebut, kita dapat difahami bahawa masyarakat mempunyai peranan yang tersendiri dan memainkan peranan masing-masing sama ada mereka dalam kalangan orang atasan atau bawahan.

Manakala institusi sosial pula merujuk kepada institusi kemasyarakatan. Apabila wujud institusi sosial yang teratur, maka ia menunjukkan perkembangan dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, aspek bahasa dan sistem tulisan juga menggambarkan sesebuah masyarakat yang mempunyai peradaban yang baik. Ini kerana mereka berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tertentu. Selain daripada itu, sistem perundangan merujuk kepada sistem peraturan yang mengurus tingkah laku manusia. Ia juga berkait rapat dengan sistem nilai yang berdasarkan ajaran agama, iaitu baik dan buruk sesuatu perkara adalah berdasarkan prinsip dan ajaran yang terdapat dalam kitab agama tertentu. Contohnya nilai dalam Islam boleh dipelajari melalui kitab al-Quran, hadis dan juga rujukan kitab agama yang muktabar. Selain itu juga, peradaban juga diukur melalui daya reka cipta dalam bidang teknologi dan pembinaan. Ini menunjukkan masyarakat mencapai tahap perkembangan daya kreativiti yang boleh membantu ke arah pembangunan sesuatu tempat. Kemudian, mereka juga mempunyai sistem kepercayaan dan agama yang teratur. Perkara ini amat penting kerana ia membantu masyarakat mengenal Tuhan dan ini menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat tersebut.

Persekitaran Geo-fizikal

Ia merujuk kepada aspek geografi di sesuatu tempat seperti sejarah, budaya, tradisi dan kawasan. Kepelbagaian geo-fizikal menyumbang kepada variasi peradaban yang lahir di Malaysia kerana sejarah membuktikan bahawa Tanah Melayu banyak berinteraksi dengan masyarakat pelbagai tempat dan sehingga mewujudkan kepelbagaian etnik dan bangsa sebagaimana wujud pada hari ini. Pada zaman

awal penjajahan (prakolonial), orang Melayu telah berjaya membina peradaban Melayu (Najjah & Wan, 2011). Ini kerana masyarakat tradisional pada masa itu telah mempunyai kehidupan sosioekonomi, politik (feudalism) yang tersendiri sebelum kedatangan British. Hasil dapatan kajian menunjukkan masyarakat tradisional tempatan dilihat mempunyai kehidupan sosioekonomi yang tersendiri, dengan struktur politiknya berbentuk feudalisme serta terdiri daripada satu masyarakat tunggal sebelum kedatangan kolonialisme British (Uqbah, 2015). Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Asia Tenggara telah dihuni oleh rumpun Melayu yang berhijrah dari daerah Yunan dan digelar pada ketika itu, orang Melayu juga disebut sebagai Melayu Proto/ Melayu Tua/ Melayu Purba yang merupakan keturunan daripada Melayu Polynesia (Senu Abdul Rahman, 2002).

Masyarakat dan Demografi

Masyarakat merujuk kepada sekumpulan manusia yang berinteraksi dan berlaku dalam sistem sosial yang terdiri daripada individu-individu yang berada dalam sesuatu kelompok. Antara ciri-ciri masyarakat ialah mereka berbudaya, berkelompok, berkomunikasi, mempunyai organisasi sosial dan mempunyai perubahan dalam sesuatu perkara. Ralph Linton (1936) menjelaskan bahawa masyarakat merujuk kepada kelompok manusia yang bekerjasama, berorientasi dan setiap individu mampu berfikir sebagai kesatuan sosial dan mempunyai peraturan tertentu.

GARIS MASA PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA

Di Tanah Melayu, Kesultanan Melayu Melaka muncul bermula tahun 1402 hingga 1511 iaitu bermula sejak kurun ke-15. Ia telah berjaya membentuk satu tradisi ekonomi, politik dan budaya yang diwarisi

hingga kini. Semasa penjajahan Portugis pada tahun 1511, legasi sistem pemerintahan kerajaan Melayu Melaka masih bersambung dan diwarisi hampir ke seluruh Kepulauan Melayu. Kemudian pada tahun 1641-1824, Tanah Melayu jatuh ke tangan Belanda dan telah menjadikan Betawi sebagai pusat perdagangan mereka. Penjajahan itu dilakukan bertujuan menguasai perdagangan rempah dan bijih timah di Tanah Melayu.

Selepas itu, penjajahan British di Tanah Melayu adalah sekitar tahun 1826-1948. Pada abad ke-18, British ingin menguasai Tanah Melayu yang bertujuan memperkukuhkan tanah jajahan di India. Kedudukan Tanah Melayu juga merupakan pintu pasaran Asia yang menarik minat British menguasai seterusnya memasarkan hasil dagangan ke negara China. British akhirnya berjaya mengawal jaringan ekonominya di Asia Tenggara melalui tanah jajahannya yang lain di Asia Selatan (Mohd, 2018).

Semasa pendudukan Jepun pula (1941-1945), teretusnya perselisihan antara kaum Melayu dan Cina kerana eksploitasi ekonomi yang tidak seimbang. Kesannya menimbulkan konflik perkauman yang melibatkan orang Melayu dan komunis selepas pengunduran Jepun dari Tanah Melayu (Mohamed, 2017). Kemudian ia memberi ruang kepada Parti Komunis Malaya (PKM), namun ia gagal menguasai Tanah Melayu lalu British kembali berkuasa. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mecatiskan semangat dalam kalangan penduduk Tanah Melayu dengan tindakannya menubuhkan Parti Perikatan (1952), dan ini memberi ruang kepada penduduk Tanah Melayu mentadbir sendiri.

Melayu, Cina dan India dilihat bersatu ketika berlangsungnya Perjanjian London (1956). Tunku Abdul Rahman kemudian mengisytiharkan kemerdekaan sekembalinya beliau dari London. Ia dilakukan di Padang Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956. Seterusnya pada tahun 1961, Tunku mengusulkan cadangan pembentukan negara baharu yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Pembentukan

Malaysia akhirnya berjaya dilakukan pada 16 September 1963 (Malaysia, 2017).

Pluraliti secara paksaan

Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Hal ini kerana dari sudut sejarah, masyarakat di Tanah Melayu melakukan proses migrasi yang menyebabkan perubahan keseluruhan keadaan kehidupan masyarakat Tanah Melayu. Pluraliti telah berlaku pada masa kesultanan Melayu Melaka kerana pada ketika itu, penghijrahan telah berlaku tanpa paksaan mana-mana pihak tertentu. Ini membolehkan para pedagang dapat berdagang secara bebas di Kepulauan Melayu. Oleh itu, pluralisme bukan perkara yang baharu di Tanah Melayu, akan tetapi pada ketika itu, ia berlaku tanpa paksaan dan interaksi antara pelbagai budaya juga telah wujud seperti Hinduisme, Buddhisme, Arab Islam, Eropah dan lain-lain.

Pluraliti Biru

Kemasukan migran luar dan semasa penjajahan British menyebabkan berlaku kepelbagaian masyarakat seperti yang ada pada hari ini. Pada peringkat awal, ia bukan mudah untuk dibentuk kerana setiap kaum memiliki fahaman, amalan, ras dan pemikiran berasaskan etnik yang berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, konflik 13 Mei 1969 mencetuskan perbalahan antara beberapa kaum di Tanah Melayu hasil kurang persefahaman yang wujud antara kaum di Tanah Melayu.

Selain itu, proses asimilasi berlaku hasil perpindahan beberapa kaum ke Tanah Melayu, contohnya lahir kelompok Baba dan Nyonya yang berketurunan Cina dan kelompok Chitty yang berketurunan India. Asmilasi bangsa pula berlaku apabila kaum tempatan berkahwin dengan orang asing lalu mewujudkan puak keturunan Syed, peranakan dan sebagainya. Ia menghasilkan kepelbagaian budaya, bahasa dan adat resam yang ada di Malaysia.

PROSES PEMBENTUKAN KELOMPOK MASYARAKAT

Kelompok masyarakat wujud hasil beberapa proses, antaranya ialah segregasi, akomodasi, asimilasi dan amalgamasi. Segregasi merujuk kepada pengasingan antara etnik, contohnya pengasingan tempat tinggal, pendidikan dan kemudahan awam. Contohnya Dasar Aparteid, Afrika Selatan yang mendapat tentangan daripada Tun Dr. Mahathir kerana idea dasar itu dilihat tidak adil dan beliau ingin memperjuangkan hak asasi manusia (Mohd & Junaidi, 2016).

Manakala akomodasi bermaksud penerimaan norma nilai, etnik lain, menghormati budaya masing-masing dan kesemuanya dapat menyesuaikan diri dan hidup harmoni. Contohnya diilustrasikan dengan formula ini: $A+B+C=A+B+C$. Asimilasi pula merujuk kepada proses integrasi sehala yang akhirnya menghasilkan satu kelompok masyarakat yang berkongsi budaya, bahasa dan agama. Formulanya adalah: $A+B+C=A$. Kita boleh lihat proses asimilasi ini berlaku dalam kalangan masyarakat Cina di Kelantan yang kesemuanya pandai bertutur dalam dialek Kelantan, begitu juga orang Melayu di Thailand, dan kelompok Baba dan Nyonya yang mengamalkan adat Melayu dalam kehidupan mereka. Proses ini terbahagi kepada dua iaitu asimilasi budaya dan struktur. Yang pertama merujuk kepada kelompok kecil akan mempelajari budaya kelompok yang besar. Formulanya adalah: $Ab + B + C = Ab + Bb + Cb$ [b= budaya]. Manakala asimilasi struktur ialah kelompok minoriti berjaya mengikut serta aktiviti sosial yang dianjurkan oleh golongan majoriti. Di Malaysia, berlakunya asimilasi berseghmen (*segmented assimilation*) dengan waktu tertentu sahaja dan setiap etnik menyumbang kepada berlakunya asimilasi. Contohnya orang Melayu menerima makanan orang Cina, orang Cina makan nasi lemak orang Melayu.

Amalgamasi pula merujuk kepada proses percantuman biologi yang terhasil dari perkahwinan campur secara besar-besaran. Ini kerana ia menghasilkan budaya dan kelompok ras baharu. Formulanya adalah: $A+B+C=D$ [A, B & C] kumpulan etnik berlainan; D- amalgamasi].

PEMBINAAN NEGARA BANGSA BERDASARKAN INTEGRASI

Kemuncak kejayaan sesebuah negara diukur melalui kejayaan pembinaan negara bangsa dan Malaysia memulakan langkah ini dengan mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Namun begitu, memandangkan Malaysia mempunyai kepelbagaian kaum, agak sukar untuk mewujudkan integrasi nasional, seterusnya negara bangsa (Mohamad, 2009). Walau bagaimanapun, penerimaan antara pelbagai budaya dan etnik telah wujud sehingga terbentuk acuan integrasi, dan wujudnya masyarakat pluralistik. Sebagai contoh, kaum Melayu merupakan kumpulan etnik yang memonopoli sebahagian daripada jumlah penduduk, beragama Islam dan mengamalkan budaya Melayu. Mereka juga berbahasa Melayu dan berketurunan Melayu. Kebanyakan masyarakat Melayu berada di luar bandar biasanya bekerja sebagai petani dan nelayan, manakala masyarakat bandar pula bekerja sebagai pegawai swasta, penjawat awam dan peniaga.

Pada zaman kolonial, masyarakat Melayu menjalin hubungan ekonomi dan sosial dengan Barat, Cina, India dan lain-lain. Orang Melayu kebanyakannya mempunyai sifat peramah dan berbudi bahasa serta hormat-menghormati. Sikap ini lahir secara praktikal dalam komunikasi mereka sama ada dalam masyarakat sebangsa atau masyarakat majmuk. Dari segi peradaban, nilai ini disebut sebagai budi.

Sebelum abad ke-15, kerajaan Melayu yang beragama Islam dan berfahaman Hindu-Buddha mencapai kejayaan membentuk peradaban Melayu, akan tetapi ia musnah setelah dijajah negara Barat selama 450 tahun. Selain mengaut keuntungan hasil bumi Tanah Melayu, penjajah juga telah mengubah trajektori sejarah daripada masyarakat serumpun, sebangsa kepada masyarakat majmuk.

Bagi membantu kaum Melayu, Dasar Ekonomi Baru (diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak) diwujudkan untuk melindungi hak kaum Melayu dan meningkatkan kualiti ekonomi mereka. Selain

itu, Tun Dr. Mahathir juga bertindak melindungi komuniti Melayu seperti bantuan kewangan untuk rakyat termiskin, mengadakan rumah kos rendah dan menggalakkan penguasaan ekonomi dalam kalangan Melayu.

Bagi etnik Cina pula, ia adalah kumpulan kedua terbesar yang terdiri daripada pendatang pada kurun ke-19. Mereka juga terdiri daripada pelbagai latar belakang agama seperti Buddhisme, Kristian, Islam, Konfusianisme dan Taoisme (Johari, 2019). Kebanyakan daripada mereka terlibat dalam aktiviti perkhidmatan, perdagangan dan mereka sangat bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan bijak dalam urusan perniagaan. Daripada aspek petempatan pula, mereka dilihat banyak tinggal di bandar-bandar besar, contohnya Kuala Lumpur.

Dari segi sejarah, masyarakat Cina ingin berhijrah ke Tanah Melayu kerana ingin membina kehidupan yang lebih baik. Justeru wujudlah komuniti buruh-buruh Cina yang diusahakan sendiri oleh kaum Cina yang lebih lama menetap di Tanah Melayu. Penghijrahan kaum Cina juga menyebabkan terjadinya titik permulaan kepada pembentukan peradaban masyarakat plural dan ia adalah hasil daripada pengaruh kaum Cina yang semakin meningkat. Di samping itu, mereka juga mampu mencorakkan kehidupan sosial masyarakat Melayu dan Alam Melayu suatu ketika dahulu (Mohammadia, 2019).

Bagi masyarakat India pula, populasi mereka adalah lebih kurang 10 peratus dan kebanyakan daripada mereka adalah pendatang dari Selatan India, contohnya dari Madras dan Negapatam. Kaum India juga memiliki bahasa tersendiri iaitu Tamil dan mereka berhijrah ke Tanah Melayu sejak zaman penjajahan British. Kesempitan hidup di negara India contohnya kebuluran dan kemiskinan menjadi pendorong utama bagi mereka untuk mencari solusi dengan berhijrah ke tempat lain, termasuklah Tanah Melayu. Di samping itu, faktor-faktor lain seperti pemerintahan berkonsepkan sistem kasta juga menyebabkan kaum yang lemah rasa ditindas lalu mereka terpaksa

berhijrah ke tempat yang lebih baik. Pembukaan Pulau Pinang oleh pihak British merupakan tempoh yang sama dengan kedatangan kaum India ke Tanah Melayu. Kemudian bilangan masyarakat India didapati semakin bertambah apabila British semakin berjaya meluaskan kuasa pemerintahan di beberapa buah negeri-negeri Melayu. Pada tempoh terawal kedatangan India, kebanyakan daripada mereka bekerja dan tinggal di estet (Mohd Irman & Abdul Qayuum, 2016).

Dewasa ini, dapat dilihat bahawa mereka telah mampu mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik, khususnya dari segi ekonomi kerana mereka telah berhijrah ke beberapa buah bandar dan menceburi pelbagai bidang pekerjaan. Kebanyakan mereka mempunyai agama Sikhisme, Hindu dan Islam, manakala dari segi budaya, mereka memiliki keunikan tersendiri iaitu menggemari makanan pedas, sari sebagai pakaian tradisional, dan pembinaan kuil sebagai tempat ibadah. Terdapat juga kumpulan subetnik yang popular dalam kalangan masyarakat India seperti Tamil, Singhala, Sikh dan Malayam.

Ekonomi dan Pasaran

Pada zaman sebelum penjajahan Inggeris, kebanyakan kaum Melayu mempunyai kegiatan ekonomi yang tersendiri, iaitu ekonomi sara diri yang merupakan kegiatan asas untuk menyara keperluan diri dan keluarga. Kemudian pada era Kesultanan Melayu Melaka, aktiviti perekonomian dan perdagangan menjadi semakin meluas dan ia adalah salah satu kegiatan terpenting dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Ini adalah kerana taraf kehidupan mereka masih lagi bersifat tradisional dan belum berkembang.

Manakala pada zaman penjajahan British, mereka mengembang dan menaik taraf kualiti ekonomi Tanah Melayu dengan membuka lombong bijih timah, tanah untuk penanaman pokok getah, dan membawa masuk tenaga buruh secara besar-besaran dari India

dan China. Walaupun ekonomi di Tanah Melayu terus berkembang maju, namun kerajaan British menggalakkan masyarakat Melayu untuk terus mengusahakan kegiatan pertanian secara tradisional semata-mata dan tidak memberi peluang kepada kaum tersebut untuk terlibat dalam sektor lain seperti perladangan dan perlombongan.

Selain itu, kesan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan di Tanah Melayu menyebabkan pembentukan beberapa kawasan penempatan dan ia dibahagikan mengikut etnik tertentu, contohnya kaum Melayu bekerja sebagai nelayan dan petani, etnik Cina sebagai pelombong dan peniaga di kawasan bandar yang lebih maju, manakala kaum India pula terlibat dalam perladangan getah, atau bekerja sebagai penoreh getah. Hal ini tidak menyumbang ke arah pembangunan masyarakat Melayu kerana mereka masih berada di takuk lama iaitu sebagai petani dan tidak berkembang ke arah yang lebih maju dan menguntungkan.

Dasar pemerintahan British sedikit sebanyak menyumbang kepada pembentukan masyarakat majmuk yang mampu berkongsi satu peradaban. Proses perubahan itu berlaku apabila terdapat keperluan untuk memenuhi tuntutan kemajuan ekonomi yang menyebabkan kemasukan kaum lain seperti India dan Cina. Kesenambungan daripada isu tersebut menyebabkan diskriminasi terhadap kaum Melayu dan mereka dianggap sebagai golongan bawahan dan ketinggalan dalam beberapa sektor seperti pendidikan, ekonomi dan sebagainya.

Corak ekonomi yang diperkenalkan British adalah lebih bercorak prakapitalis iaitu pihak British menekankan aspek mengaut sumber keuntungan semata-mata. Ia adalah berbeza dengan corak ekonomi yang diamalkan oleh orang Melayu bawahan yang mengamalkan corak ekonomi sara diri dan tidak bermotifkan keuntungan dan pemilikan tanah semata-mata. Ini adalah kerana golongan atasan lebih berhak mendapat keuntungan dan pengumpulan harta disebabkan mereka lebih berpeluang untuk menikmati kemudahan-kemudahan tersebut.

Kemudian pada zaman pascakolonial, pihak kerajaan telah menyusun semula beberapa golongan masyarakat yang ada di Tanah Melayu agar masalah ketidakseimbangan penguasaan ekonomi ini dapat diatasi. Kerajaan telah menggalakkan agar setiap kaum dapat bersatu dalam memajukan industri ekonomi dan jurang yang wujud itu dapat diselesaikan. Selain itu, dasar ekonomi yang bersifat kapitalisme dan komersial ini telah memberi kesan kepada sistem ekonomi yang ada di Tanah Melayu, iaitu pembukaan tanah baharu dan peningkatan industri perlombongan dan lain-lain. Kemodenan dan peradaban yang berlaku itu menyebabkan pihak kerajaan lebih memerlukan banyak tenaga buruh-buruh asing untuk memastikan ekonomi dapat dijana dengan baik dan lebih menguntungkan.

SASARAN DAN OBJEKTIF DASAR EKONOMI BARU

Dasar Ekonomi Baru atau DEB telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1970 hingga 1990. Tujuan kerajaan memperkenalkan DEB adalah untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi antara setiap etnik yang ada di Tanah Melayu. Selepas tragedi rüşhan antara kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969, kerajaan perlu merangka dasar baharu agar perpaduan nasional dapat dibentuk di Malaysia.

DEB menggalakkan keseimbangan ekonomi dan ia berfungsi membaiki segala krisis yang wujud antara kaum tertentu di Malaysia sekali gus perpaduan dapat dibentuk. Ia juga diperkenalkan untuk membendung masalah kemiskinan dan membantu golongan miskin menaik taraf hidup dengan penyusunan semula masyarakat tanpa pengelasan fungsi ekonomi tertentu. DEB juga bermotifkan ‘serampang dua mata’, iaitu bertindak ke arah perpaduan antara masyarakat yang pelbagai etnik dan menjadi titik permulaan kepada masyarakat Melayu untuk lebih giat mencebut diri dalam bidang ekonomi khususnya.

Di dalam Dasar Ekonomi Baru juga, kerajaan mensasarkan agar peratus kemiskinan dapat dikurangkan sehingga 16.7%, iaitu kemiskinan di kawasan bandar diharapkan agar dapat diminimalkan sehingga 9.1%, manakala di kawasan luar bandar sehingga 23%. Pada tahun 1990, pemilikan ekuiti korporat bumiputera dibentuk dan dirancang agar mencapai kadar sehingga 30%. Kadar pemilikan ekuiti bukan bumiputera dan pemodal asing pula masing-masing ditetapkan pada kadar 40% dan 30%.

Strategi Membasmi Kemiskinan

Strategi membasmi kemiskinan dirangka bertujuan untuk memastikan kualiti hidup masyarakat dapat ditingkatkan dan kerajaan dapat memberi kemudahan-kemudahan lain seperti perkhidmatan sosial, pemberian subsidi atau bantuan modal, latihan dan teknologi. Selain daripada itu, kerajaan juga merancang ke arah pembukaan lebih banyak sektor pekerjaan yang membolehkan golongan miskin menyara kehidupan masing-masing dan meningkatkan kualiti dan taraf hidup, iaitu daripada bekerja dalam sektor produktiviti rendah kepada sektor produktiviti tinggi.

Manakala dari segi penyusunan semula masyarakat, antara pelan yang dijalankan adalah menyusun semula cara penggunaan tenaga dan juga pemilikan modal saham dalam industri korporat. Seterusnya Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPP) juga diperkenalkan bagi membantu kaum Melayu komersial terlibat sama dalam bidang korporat, contohnya dalam sektor perniagaan, perdagangan, dan perindustrian. Dengan penglibatan sama antara masyarakat, ia dijangkakan dapat menaikkan nilai pegangan ekuiti dalam kalangan bumiputera di Malaysia dan membantu ke arah paningkatan dalam sektor ekonomi.

Falsafah dan Pemikiran

Falsafah dan pemikiran merupakan salah satu komponen yang membentuk etika dan peradaban masyarakat kepelbagaian. Falsafah dan pemikiran tradisional berbeza dengan falsafah dan pemikiran moden. Dalam konsep falsafah dan pemikiran tradisional, matlamat telah pun ditentukan dan ditetapkan, manakala manusia hanya diberi ruang untuk memilih cara bagaimana untuk mengecapi matlamat tersebut. Falsafah dan pemikiran moden pula memberi ruang untuk manusia menentukan matlamat hidupnya dan manusia berhak memilih cara dan kaedah untuk mengecapi matlamat tersebut.

Ibn Khaldun adalah tokoh besar dalam bidang falsafah dan pemikiran. Beliau dilahirkan di Tunisia pada 27 Mei, tahun 1332M-1406M. Pada tahun 1387M, beliau mula menumpukan perhatian dalam bidang penulisan. Beliau menuntut ilmu dalam pelbagai bidang seperti ilmu agama, logik, falsafah, matematik dan bahasa Arab. Ketokohnya diakui oleh sarjana Barat seperti Arnold Toynbee, R. Flint, dan G. Sarton. Menurut mereka, falsafah sejarah yang dihasilkan Ibn Khaldun merupakan sumbangan terbesar pernah dilahirkan manusia di atas muka bumi ini. Selain itu, mereka mengakui bahawa, Ibn Khaldun merupakan ahli falsafah Islam yang tiada taranya, dan beliau merupakan ahli sejarah dan falsafah agung bukan sahaja pada kurun-kurun pertengahan, malah sepanjang zaman.

Selat Melaka Gelanggang Kepelbagaian

Proses interaksi kepelbagaian etnik bermula di Selat Melaka dengan proses pembudayaan yang mengintegrasikan masyarakat berbilang ras atau etnik melalui aktiviti perdagangan dan perkahwinan. Orang Melayu, Cina dan India mempamerkan kepelbagaian budaya, adat

resam keturunan dan pegangan agama yang berbeza. Proses interaksi antara budaya ini kemudiannya membentuk interaksi peringkat tamadun. Golongan masyarakat Hindu di India Utara menerima unsur-unsur keislaman dalam budaya berpakaian, pemakanan dan seni bina. Masyarakat Muslim di India pula menerima unsur-unsur tertentu termasuk seni bina, muzik, pemakanan dan gaya hidup masyarakat Hindu.

Interaksi dalam Kepelbagaian

Sejarah telah membuktikan bahawa wujudnya interaksi antara tamadun Hindu dan Buddha pada suatu ketika dahulu. Buddhisme adalah agama yang wujud dalam kalangan masyarakat Hindu dan ia mempunyai pemikiran dan prinsip tertentu. Antara ciri-ciri falsafah Hinduisme termasuklah unsur *Dhamma (Righteousness)*, *Mokhsa (Liberation)* dan *Karma (Rebirth)*. Manakala reformasi agama Hindu pula dipengaruhi oleh beberapa aliran tertentu seperti Buddha. Antaranya ialah kritikan terhadap sistem kasta, penguasaan elemen spiritual oleh golongan Brahmin dan ketidakadilan dan penindasan kepada kaum wanita.

Kemudian, interaksi antara agama Islam dan Konfusianisme juga wujud sejak kurun ke-7 Masihi. Pada peringkat awal, interaksi tersebut berlaku hasil daripada aktiviti perdagangan antara saudagar Parsi dan Arab dengan saudagar-saudagar yang datang dari China. Bagi saudagar-saudagar Arab dan Parsi yang singgah di China, mereka akan melalui interaksi dari pelbagai aspek, antaranya ialah hasil perkahwinan campur antara masyarakat tempatan dan saudagar tersebut. Hasilnya, kita dapat lihat beberapa tokoh Islam yang banyak menyumbang kepada peradaban dan tamadun Cina, contohnya Panglima Zheng He/Laksamana Cheng Ho.

Kesultanan Melayu Melaka: Lambang Pertemuan Masyarakat Pelbagai Etnik

Bandar Melaka sangat terkenal dari segi sejarah kegemilangannya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ia juga dikenali sebagai *The Venice of the East* kerana ia menjadi tempat bertemu antara pedagang daripada pelbagai negara seperti India, Parsi, Arab, China dan lain-lain negara yang singgah berdagang di Melaka pada ketika itu. Justeru, terdapat beberapa kesan dari pelbagai aspek, contohnya dari segi pemerintahan. Melaka mempunyai perlembagaan khusus, dan antara kandungan perlembagaan tersebut adalah selari dengan elemen agama iaitu agama Islam. Kemudian, negeri tersebut juga mempunyai Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka yang menjadi teras kepada sistem pemerintahan negeri tersebut. Pada waktu itu, pemimpin bertindak secara diplomasi dan begitu menekankan aspek keharmonian setiap kaum yang ada di negeri tersebut. Pembahagian kerja juga diberi secara adil, contohnya terdapat pegawai istana yang terdiri daripada kaum Melayu dan India, manakala perkahwinan campur juga popular di Melaka, contohnya perkahwinan antara puteri Hang Li Po dengan Sultan Mansur Shah yang menunjukkan integrasi antara kaum mula terbentuk sedikit demi sedikit di Tanah Melayu.

Faktor seterusnya yang menyumbang kepada peradaban di negeri Melaka adalah aspek perdagangan yang merangkumi undang-undang Laut Melaka yang diaplikasi bagi memelihara keselamatan laut Melaka. Ia juga bertujuan mengelakkan dari ancaman lanun dan perompak dan konsep pemerintahan yang diperkenalkan juga adalah bersifat terbuka. Selain daripada itu, mereka memiliki laksamana yang dilatih dengan baik dan dapat menjalankan tugas dengan cekap.

Kemudian dari segi kependudukan pula, zaman pluraliti wujud disebabkan oleh kadar penghijrahan pedagang dari pelbagai negara, contohnya India, Arab, Cina dan beberapa negara lain. Mereka juga boleh datang secara bebas tanpa memerlukan sebarang dokumen

pengenalan diri seperti visa atau pasport. Selain itu juga, mereka dibenarkan berinteraksi dan berdagang antara masyarakat di Tanah Melayu, oleh sebab itu berlaku beberapa konsep integrasi seperti amalgamasi dan asimilasi. Kewujudan masyarakat baharu seperti Baba dan Nyonya, Melayu Arab dan Melayu India juga terhasil akibat daripada proses perkahwinan dan interaksi antara kaum tertentu di Tanah Melayu.

Selain itu, aspek budaya juga memberi penyumbang kepada identiti peradaban di Melaka. Ini kerana Melaka merupakan kota yang mempunyai pelbagai budaya dan ia juga adalah salah satu kota metropolitan. Justeru, pluralisme budaya itu wujud hasil gabungan interaksi pelbagai budaya seperti Hinduisme, Arab, Buddhisme, pra-Islam, Arab Islam dan Eropah (British, Portugis, Sepanyol dan Belanda) dengan budaya alam Melayu sejak abad ke-5 Masihi.

Pembentukan Masyarakat Majmuk Era Kolonialisme British

Pada zaman penjajahan British, konsep serampang tiga mata yang diperkenalkan seperti kekayaan, keagamaan dan kemegahan menjadi faktor utama kepada pengasingan antara agama dan sains. Di Eropah, fenomena ini berlaku pada abad ke-15M dan ia juga disebut sebagai *Rocks of Ages: Sciences and Religion in the Fullness of Life* oleh Stephen Jay Gould (2002).

Dengan tersebarnya pemikiran tersebut, maka agama dilihat sebagai pencetus perselisihan pandangan antara manusia, seterusnya mewujudkan krisis yang lebih besar seperti peperangan dan pergaduhan. Manakala sains pula dilihat sebagai wahana untuk menyatukan masyarakat yang mempunyai aliran pemikiran yang sama dan dapat hidup dengan aman dan harmoni. Konsep ini juga dikenali sebagai sekularisme, iaitu pemisahan elemen agama dan pemerintahan sesuatu negara. Kemudian idea ini diteruskan oleh British semasa penjajahannya di Tanah Melayu, iaitu British akan

menguruskan urusan pentadbiran, manakala sultan akan mengawal hal ehwal agama dan adat istiadat orang Melayu Islam. Kemudian, British juga menerapkan konsep pentadbiran berdasarkan tiga kuasa utama iaitu kehakiman, eksekutif dan perundangan.

Antara negara lain yang mengalami proses ini adalah beberapa negara Asia Selatan seperti India, Bhutan, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan Nepal. Bernard Cohn, ahli antropologi Amerika yang mengkaji sejarah India mengutarakan kolonialisme bukan hanya melibatkan penaklukan ruang fizikal tetapi juga penaklukan ruang epistemologi melalui siri modus penyiasatan dengan proses penguraian sistem pemikiran peribumi yang mengakibatkan hilangnya kekuatan sistem pemikiran peribumi sebagai kuasa pentakrifan kehidupan. Ilmu yang dihipunkan diklasifikasi dan ditransformasi dalam bentuk laporan, sejarah, gazet, kanun undang-undang dan ensiklopedia.

Pada zaman kolonial ini juga bermulanya detik pembentukan masyarakat majmuk dan pembangunan negara. Sebelum ini, hampir kesemua jumlah populasi di Tanah Melayu adalah hanya terdiri daripada kaum Melayu sahaja. Kemudian ia berkembang dengan kedatangan orang Cina pada pertengahan abad ke-19 dan mereka terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Selepas itu pula, orang India mula berhijrah pada awal abad ke-20 sebagai peladang dan penoreh getah. Menjelang tahun 1931, didapati bahawa orang bukan Melayu melebihi penduduk Melayu. Kepelbagaian ini memungkinan mereka untuk mengekalkan identiti masing-masing, namun terdapat pembahagian dari segi ruang dan ekonomi. Contohnya kaum tertentu akan bekerja dalam bidang tertentu sahaja, justeru fenomena ini mendorong ke arah pembentukan masyarakat majmuk (*plural society*).

Warisan dan Pendigitalan Sejangat

Perkembangan dari segi teknologi digital adalah satu cabaran bagi seluruh peradaban masyarakat. Ini kerana kuasa teknologi yang

diperkenalkan oleh Barat itu sedikit sebanyak dapat mempengaruhi elemen etika masyarakat dalam sesuatu tempat. Media massa sama ada media elektronik atau media cetak mampu memberi pengaruh besar kepada seluruh masyarakat sedunia kerana ia mudah diakses oleh setiap individu sekiranya memiliki beberapa perkara asas seperti gajet dan data Internet. Justeru, dibimbangi bahawa elemen yang tidak baik dan menyalahi etika akan diserap masuk dalam sesuatu komuniti lalu melahirkan satu peradaban yang menyalahi etika dan norma masyarakat. Ia dapat dilihat melalui penjajahan dari segi pemikiran dan pelbagai budaya diserap masuk dan diterima pakai sebagai norma baharu masyarakat.

Dari aspek positif pula, kesan media digital ini dapat dilihat dalam etika dan peradaban sesuatu kelompok masyarakat, antaranya ialah kemajuan jaringan komunikasi, kemudahan penyampaian ilmu dalam peringkat antarabangsa melalui atas talian, dan juga peningkatan taraf hidup masyarakat. Hal ini didorong oleh keadaan saling bergantung untuk kelangsungan hidup kerana tidak ada individu mahupun kelompok yang sempurna kebolehan, keupayaan dan kehendak naluri mereka dalam usaha memenuhi keperluan hidup masing-masing. Ini boleh dilihat dalam pengaruh media melalui rancangan realiti televisyen seperti *American Idol*, *X Factor* dan sebagainya, iaitu pemenang rancangan tersebut diangkat menjadi ikon atau idola remaja dan belia di seluruh dunia.

Pengaruh dalam bentuk penciptaan gajet komunikasi seperti iPhone dan *android* melalui rakaman gambar, video menjadikan sistem komunikasi semakin mudah, murah, menarik dan mengasyikkan. Tiada lagi penggunaan kamera yang besar dan berat serta gambar hitam putih dan kaku. Penggunaan jaringan komunikasi juga menjadi lebih meluas dan tanpa sempadan tanpa henti dengan penggunaan Facebook, WhatsApp, Instagram dan Twitter.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapatlah dinilai bahawa pencapaian dalam sesuatu peradaban itu adalah merangkumi pelbagai aspek iaitu dari segi pemikiran, kemajuan teknologi, nilai dan akhlak yang ada dalam sesuatu kelompok masyarakat. Ia amat penting dan perlu dipelihara nilai yang baik itu agar menjadi identiti dalam setiap kelompok masyarakat. Ilmu yang berkaitan dengan etika dan peradaban adalah amat penting kerana ia boleh dijadikan panduan asas kepada setiap kejayaan peradaban sesuatu masyarakat. Pengajaran yang diperoleh daripada sejarah seharusnya dijadikan iktibar agar kemewahan yang diperoleh pada hari ini dapat digunakan dan dimanfaatkan bersama untuk memastikan peradaban masyarakat adalah selari dengan kehendak agama dan etika masing-masing. Selain itu, memahami persoalan sejarah juga membantu masyarakat agar dapat berinteraksi dengan lebih baik bagi mewujudkan persefahaman dan kebersamaan antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Johari, Y. (2019). Adab Falsafah Konfusianisme. Sinar Harian, diambil pada 27/2/2021.
- Mohd, S. M. (2018). *Historiografi Dasar Ekonomi Imperial British di Tanah Melayu, 1895-1940*. Wacana Utara Siri Pertama, Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman.
- Mohamed, A. (2017). *Pendudukan Jepun dan Konflik Kaum di Tanah Melayu: Penelitian Awal Berasaskan Sumber Lisan*, Jurnal Peradaban, 10: 16-37, Universiti Malaya. Malaysia (2017). *Jabatan Penerangan Malaysia*, <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30120?language=my>, diambil pada 26/2/2021.
- Mohd, A. D., Junaidi, A. B. (2016). Mahathir dan Berakhirnya Dasar Aparteid di Afrika Selatan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8): 123-134.
- Mohd Irman, M.A.N., Abdul Qayuum, A.R. (2016). Analisis Jenis Bahasa Masyarakat India Muslim di Malaysia, Jurnal Peradaban, Jil. 9: 32-50.
- Mohamad, R. A. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan, *JEBAT* 36: 90-106.
- Mohammadia. (2019). Sejarah dan Budaya Masyarakat Cina di Sandakan Sabah. Blog Sejarah STPM Cikgu Mohammadia, <http://mohammadia5193.blogspot.com/2019/05/sejarah-dan-budaya-masyarakat-cina-di.html>, diambil pada 26/2/2021.

BAB 4

PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MALAYSIA

Zaleha Embong

Objektif:

Memahami konsep kesepaduan yang wujud di Malaysia.

Hasil Pembelajaran:

1. Menghuraikan bagaimana proses pembentukan kesepaduan sosial di Malaysia
2. Mengaplikasikan konsep kesepaduan sosial dalam komuniti pelajar seterusnya memperkembang ke peringkat lokal dan global.
3. Menghayati tahap kesepaduan yang dicapai dan proses penyatupaduan berlaku.

Kandungan Bab:

1. Daripada konsep kesepaduan kepada perpaduan
2. Kesatuan melalui tapak integrasi
3. Detik perpaduan dan detik perbezaan
4. Kesepaduan dalam pelbagai aspek

PENGENALAN

Tajuk ini menjelaskan tentang pemantapan kesepaduan nasional Malaysia. Selain itu, bab ini turut membincangkan kepelbagaian masyarakat. Kepelbagaian ini menimbulkan berbagai-bagai cabaran kepada sesebuah masyarakat, seperti Malaysia. Setiap komuniti misalnya mempunyai etika dan peradaban yang berbeza dan terjelma dalam pemikiran dan praktis kehidupan masing-masing. Namun, kesemuanya perlu hidup dalam sebuah masyarakat Malaysia, berkongsi persamaan dan mencari titik pertemuan ketika terjadi perbezaan. Kesediaan tawar-menawar, berunding dan melakukan mediasi telah membawa keamanan, kestabilan dan keharmonian di Malaysia semenjak merdeka. Hal ini menunjukkan kesepaduan nasional yang telah wujud, didukung dan mesti terus-menerus dimantapkan. Hal ini dilaksanakan melalui tiga rangkaian proses yang bergerak serentak dipacu oleh tiga motivasi, iaitu perpaduan yang diidamkan, kesepaduan yang dicapai dan penyatupaduan yang diusahakan.

PERPADUAN: MATLAMAT DIIDAMKAN

Perpaduan merupakan istilah umum yang biasa kita dengar. Hal ini sering digunakan semasa perbualan harian dan ucapan dalam kalangan pemimpin politik. Istilah tersebut amat penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang memerlukan kesatuan dan kesepaduan dalam kalangan rakyat dalam konteks keunikan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya. Oleh sebab itu, pentingnya gagasan perpaduan dalam kepelbagaian atau *unity in diversity* (Kassim Tukiman, 2020).

Perpaduan menjadi idaman seluruh masyarakat Malaysia, tetapi masih belum tercapai. Perpaduan merujuk kepada satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap

anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga akan tanah air. Perpaduan sebagai suatu hasrat yang diidamkan oleh seluruh rakyat Malaysia namun hal ini sukar diukur, dilihat secara nyata mahupun berkekalan. Perkara ini biasanya hadir mengikut keadaan, keperluan dan detik-detik tertentu secara formal atau tidak formal dalam kehidupan seharian masyarakat. Kita perlu sentiasa berusaha mencari jalan ke arah penyatupaduan. Kesemua ini dilakukan berdasarkan tiga prinsip utama, iaitu tawar-menawar (*bargaining*), berunding (*negotiation*) dan perantaraan (*mediation*). Hasil yang dicapai selama ini adalah berasaskan platform integrasi yang telah dibina. Perpaduan merupakan matlamat akhir yang diidamkan dalam sebuah negara yang berbilang etnik (Shamsul, 2007).

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012), sejarah hubungan kaum di Malaysia berlaku trend pasang dan surut yang boleh dibahagikan kepada tiga tempoh masa iaitu selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 iaitu fasa konflik (1945-1960), fasa kestabilan tetapi tegang (1961-1970) dan fasa kesepaduan sosial (1971 hingga kini). Ketiga-tiga fasa tersebut mencerminkan senario hubungan kaum di Malaysia dan menjelaskan bahawa perpaduan kaum dalam konteks kesepaduan sosial perlu dijaga agar pengalaman pahit dalam dekad-dekad lalu menjadi pengajaran untuk kebaikan bersama.

Oleh sebab itu, perpaduan nasional menjadi misi penting bagi negara dan memerlukan kerangka bersifat komprehensif yang mampu menterjemahkan wajah kerencaman masyarakat majmuk Malaysia. Keadilan, penerimaan dan toleransi perlu menjadi nilai asas kepada kerangka perpaduan nasional ini. Nilai itu perlu digarap dengan menjadikan Islam sebagai kayu ukur utama dalam mendukung agenda perpaduan nasional dalam konteks Malaysia. Selain melihat sifat Islam sebagai *rahmatan lil alamin* atau rahmah seluruh alam, ciri agama bersifat sejagat sebenarnya amat penting dalam memastikan umat Islam kekal menerajui usaha baik ini. Perlu wujud kesedaran

dalam masyarakat, supaya berusaha membina peradaban dan mencapai status kemajuan bagi Malaysia, terutama dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Bagi mencapai misi ini, masyarakat perlu mewujudkan nilai persefahaman, tolak ansur dan hormat-menghormati. Kesantunan insan dalam mengurus perbezaan dalam masyarakat pelbagai agama dan bangsa perlu dititkeberatkan serta difahami oleh semua pihak.

Pendekatan integrasi menjadi tunjang agenda perpaduan negara yang membolehkan masyarakat berbilang bangsa dan agama hidup bersama dalam suasana harmoni di samping mengekalkan identiti dan ciri bangsa masing-masing. Walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai penganut agama dan budaya berbeza, sifat kebersamaan serta cinta akan keharmonian perlu ada bagi merealisasikan matlamat perpaduan nasional. Justeru, keutamaan kepada usaha membina sikap penerimaan diiringi nilai keluhuran budi pekerti dalam masyarakat perlu diberi perhatian. Maka, peranan individu dan masyarakat memahami peranan masing-masing untuk menerapkan nilai murni dalam interaksi seharian.

Detik Perpaduan - Detik Perbezaan

Detik perpaduan dan detik perbezaan adalah saat yang boleh dilihat berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat majmuk di negara kita. Detik perpaduan merupakan detik yang mampu melihat masyarakat majmuk mencapai kesepaduan melalui nilai kebersamaan, toleransi dan saling menghormati. Hal ini menggambarkan penerimaan dan kefahaman masyarakat terhadap perbezaan latar belakang sosial masyarakat Malaysia. Detik perpaduan dapat dilihat melalui detik-detik masyarakat ketika pergaulan di pasar, mengadakan majlis perkahwinan, tempat makan, sokongan dalam sukan, memberi bantuan ketika bencana, mengunjungi tempat percutian, menikmati cuti umum pelbagai perayaan, hadir menonton filem di pawagam dan sebagainya.

Detik perbezaan pula dilihat berlakunya isu-isu menimbulkan konflik antara kaum. Isu-isu yang sensitif tidak disantuni oleh sebahagian kecil masyarakat kita antaranya penggunaan bahasa, budaya, ideologi, agama, tingkah laku sosial, tulisan, rasisme dan sebagainya. Terdapat segelintir masyarakat juga sering membangkitkan isu-isu sensitif seperti isu agama, bahasa, hak keistimewaan orang Melayu dan sebagainya (Mohd Anuar et al., 2018). Hal ini sering kali menjadi polemik dalam kalangan masyarakat Malaysia walaupun hal ini telah jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana perkara 153, perkara 152, perkara 3(1), perkara 181(1) dan sebagainya.

KESEPADUAN: TAHAP DICAPAI

Kesepaduan sosial merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini merupakan prasyarat kepada keadaan stabil dan tanpa konflik. Perbincangan berkaitan dengan kesepaduan sosial bukan sesuatu yang baharu. Malahan, Bapa Sosiologis seperti Emile Durkheim telah memperkatakan keadaan kesepaduan sosial dalam karya beliau melalui konsep kesepaduan mekanikal dan kesepaduan organik. Kemudian, diteruskan pula oleh tokoh-tokoh selepasnya seperti Ferdinand Tonnies, Robert Redfield, Hillery dan sebagainya. Di Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin telah mengetengahkan konsep kesepaduan sosial yang diletakkan sebagai formula penting untuk menguruskan masyarakat majmuk (Mohd Syarieudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor, t.t.).

Emile Durkheim sebagai Bapa Sosiologi melihat, bahawa kesepaduan sosial dalam usaha menilai keupayaan masyarakat untuk kekal berhubung dalam pelbagai peringkat pembangunan. Kesepaduan sosial merupakan perpaduan berbentuk mekanikal (masyarakat

praindustri) kepada perpaduan berbentuk organik yang merujuk kepada dunia moden. Beliau melihat kesepaduan dapat dikekalkan melalui kerajaan dan undang-undang yang dibentuk. Antara konsep yang berkaitan untuk melihat kesepaduan berlawanan dengan konflik adalah konsep solidarisme (kesepaduan), anomie (huru-hara/perpecahan) dan *alienation* (pengasingan) untuk melihat masyarakat yang stabil dan bekerjasama, bukannya berkonflik. Justeru, kesepaduan sosial amat berkait rapat dengan proses pembangunan sesebuah negara.

Max Weber pula melihat kesepaduan sosial sebagai idea-idea yang kolektif dan merupakan nilai-nilai penting dalam pembangunan sosial. Sementara itu, Talcott Parsons melihat kesepaduan sosial daripada aspek struktur fungsional, iaitu masyarakat yang berpadu adalah diasaskan dengan sistem nilai yang dikongsi bersama. Antara sarjana terkini yang melihat kesepaduan adalah Judith Maxwell (1996). Beliau melihat kesepaduan sosial dalam dimensi perkembangan ekonomi. Justeru, pada pandangan beliau, kesepaduan sosial adalah proses yang membina dan mengekalkan perasaan kekitaan dalam masyarakat dan perasaan yang meletakkan diri seseorang dalam sesuatu komuniti. Jika diperhatikan, konsep dan definisi kesepaduan sosial adalah tidak lepas berada dalam komuniti. Nilai yang membentuk kesepaduan sosial adalah perasaan keberadaan dalam komuniti berkenaan. Perasaan kekitaan merupakan asas kepada pembentukan kesepaduan sosial. Jane Jenson (1998) menyatakan bahawa kesepaduan sosial digunakan untuk menggambarkan proses-proses yang bukan sahaja melibatkan negeri atau negara, tetapi rasa komitmen, tanggungjawab, keinginan serta keupayaan untuk hidup bersama dengan harmoni. Antara tokoh lain yang membincangkan tentang kesepaduan sosial ialah Berger (1998) dan Gough serta Olofsson (1999) yang melihat kesepaduan sosial berkaitan dengan integrasi sosial, kestabilan dan kegagalan integrasi. Justeru, kesepaduan sosial adalah berkaitan dengan keadaan dan berintegrasi.

Dari perspektif Islam pula, perpaduan sangat dititikberatkan dalam kehidupan bermasyarakat. Perbezaan bangsa dan warna kulit merupakan bukti kekuasaan Allah SWT dalam penciptaan manusia dan bukan untuk mewujudkan pergaduhan dalam masyarakat. Islam telah menggariskan asas tertentu bagi memastikan hubungan sesama manusia sentiasa terpelihara. Malah Islam mengambil berat berkaitan kelestarian keharmonian dalam hubungan masyarakat iaitu *al-taaruf* (saling berkenalan), yang membawa maksud berkenalan secara mendalam yang boleh menimbulkan kasih sayang. Tujuan Allah mencipta manusia daripada pelbagai warna kulit, bangsa dan keturunan supaya manusia saling mengenali agar dapat hidup bersama dan bukan untuk bermusuhan. *Al-Tafahum* (saling memahami) pula kehidupan bermasyarakat yang dimulakan dengan taaruf akan melahirkan masyarakat yang saling memahami. *Al-Tafahum* penting bagi mencapai tujuan kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Persefahaman perlu wujud dalam sesebuah masyarakat agar tidak berlakunya prejudis dan salah faham dalam hubungan sosial. Seterusnya, *al-mahabbah* (berkasih sayang) merupakan salah satu sifat kemanusiaan yang sewajarnya disemai dan dipupuk dalam sanubari setiap anggota masyarakat. Sifat kasih sayang mampu mengikat hubungan kemesraan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan menghindari dari sifat kebencian. *Al-Tadamun* (saling menjamin) adalah sikap saling menjamin atau saling melindungi. Keadaan ini melahirkan rasa tanggungjawab dalam diri setiap anggota masyarakat untuk saling membantu ahli masyarakat yang lain (Norafifah, 2014).

Dalam konteks Malaysia, kesepaduan sebenarnya telah tercapai di negara ini. Kesepaduan dikecapi melalui hubungan antara pemimpin dan rakyat yang mencapai persetujuan dalam banyak hal. Keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera ini hasil pembentukan tapak integrasi yang dibina berdasarkan prinsip tawar-menawar, perundingan dan pengantaraan. Situasi yang wujud seperti jalinan hubungan kerjasama antara kaum yang berkongsi budaya

dan wujudnya kesepakatan sosial dalam pelbagai bentuk seperti bertolak ansur, bertoleransi, menghormati dan sebagainya. Namun begitu, terdapat banyak perkara juga belum tercapai atau tertangguh penyelesaiannya yang dilabel sebagai defisit sosial. Beberapa perkara ini menyumbang kepada defisit sosial antaranya isu etnisiti, gender, agama, politik federalisme, pendidikan, ruang bandar dan luar bandar, bahasa, jurang generasi dan media massa. Kesepaduan sosial merupakan faktor penting dalam membawa pembentukan perpaduan dan keutuhan masyarakat Malaysia. Maka, kesepaduan sosial yang kukuh akan membentuk kesepaduan nasional.

Kesepaduan Nasional

Malaysia adalah tanah pertemuan pelbagai bangsa, agama, budaya dan keturunan. Hal ini bermula dari dulu lagi tempat yang didatangi pedagang, pelaut, dan pengembara dari seluruh dunia. Kedatangan semua imigran ini telah diterima secara terbuka oleh masyarakat peribumi. Mereka menemui formula untuk hidup bersama-sama, membina, dan memajukan tanah air. Formulanya adalah permuafakatan antara masyarakat Melayu, India, Cina, bumiputera dan anak negeri Sabah dan Sarawak demi mencapai keharmonian dalam masyarakat pelbagai. Kemerdekaan ini tidak dikecapi melalui konflik persenjataan atau pertumpahan darah tetapi diselesaikan dengan semangat permuafakatan.

Oleh sebab itu, apabila Malaysia berhadapan dengan pelbagai krisis, keadaan politik yang tidak stabil, wujudnya golongan rasis dan chauvinis yang tidak bertanggungjawab cuba mengganggu-gugat kesepaduan nasional, pelbagai inisiatif digunakan untuk mengurus krisis tersebut. Kesepakatan dan kerjasama pelbagai pihak telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran. Kesepaduan nasional melibatkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang mempunyai masyarakat dinamik yang bermula dari tani ke

industri komersial, dari miskin ke kelas menengah, dari kampung ke kosmopolitan, dari kemajmukan, budaya modeniti mengutamakan kestabilan dan kemajuan, perkongsian norma hidup, persamaan nilai dan kerencaman sosial, hubungan horizontal rentas etnik dan agama serta membina negara bangsa integrasi (etos bangsa) (Mansor Mohd Noor & Mohd Sobhi Ishak, 2019).

Kesepaduan Sosial - Defisit Sosial

Shamsul Amri Baharuddin (2011) menjelaskan kesepaduan sosial ialah suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Wujud kesepakatan sosial yang kuat terbina sejak sekian lama berasaskan interaksi aktif dan pertukaran hubungan positif dan wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana. Kesepaduan sosial tidak bergantung kepada persamaan sosial, homogeniti nilai, pendapat atau mengkehendaki setiap orang berkongsi persamaan kepercayaan dan gaya hidup. Kesepaduan sosial ini melibatkan norma-norma sosial yang melibatkan perlakuan dan tatasusila tertentu dalam masyarakat seperti kesantunan bertingkah laku dan sikap ramah mesra dalam hubungan seharian antara pihak berbeza agama dan etnik. Masyarakat dikatakan dapat mewujudkan kesepaduan sosial sekiranya mampu mengeneppikan ketidaksamarataan, keterpinggiran etnik, kelas sosial, kewarganegaraan atau sebarang perbezaan dan dapat mengurangkan jurang atau kesenggangan sosial, konflik dan ketidakpercayaan. Ahli masyarakat juga aktif melibatkan diri untuk saling bekerjasama mencapai matlamat yang sama dan bersetuju meningkatkan keadaan sosial yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Tiga elemen yang berkaitan dengan kesepaduan sosial ialah keterangkuman sosial, sumber bahan atau dana sosial yang dikongsi bersama dan keupayaan meningkatkan kelas sosial. Kesepaduan sosial jua merupakan fenomena sosial yang mempengaruhi anggota masyarakat untuk

merungkai pelbagai ikhtiar dan kegiatan untuk membentuk keamanan dalam masyarakat.

Dalam konteks pembentukan kesepaduan sosial sebagai suatu fenomena praperpaduan, peranan agensi bersifat *everyday-defined (bottom-up)* jauh lebih penting dan berkesan daripada struktur atau institusi yang bersifat *authority-defined (top-down)*. Hal ini kerana setiap anggota masyarakat majmuk bebas untuk bertindak dan berperilaku prokeamanan, prokeharmonian dan antikeganasan demi survival diri, keluarga dan kelompok sosial. Oleh itu, jika timbul sebarang konflik pergeseran dan pertelingkahan disebabkan perbezaan sosial, para anggotanya akan segera mencari jalan penyelesaian melalui perundingan dalam pelbagai cara dan bentuk. Perundingan ini akan mewujudkan persetujuan, kompromi dan tolak ansur dalam banyak hal. Hal ini tidak bermakna semua cabaran, rasa tidak puas hati dan potensi konflik selesai. Ia tetap ada, tetapi dalam keadaan terkawal kerana anggota masyarakat amnya menolak keganasan sebagai jalan penyelesaian dalam perbezaan sosial. Dapat dijelaskan bahawa kesepaduan sosial ialah keinginan dan kerelaan individu untuk saling bekerjasama, bersedia menerima, berkompromi dan tidak berkonfrantasi dalam menghadapi sebarang konflik yang melibatkan perbezaan sosial. Kesepaduan sosial menggambarkan satu tahap keterikatan norma dan nilai masyarakat serta perkongsian matlamat yang sama untuk membina komuniti yang harmoni. Kesepaduan sosial juga merupakan indikator yang menunjukkan kemampuan masyarakat tinggal bersama dan bersikap saling menerima untuk membina keharmonian serta bersikap matang dalam menghadapi cabaran (Shamsul Amri Baharuddin, 2011).

Defisit sosial pula kekurangan dalam konteks sosial yang memerlukan usaha penyatuan berterusan untuk meningkatkan tahap kesepaduan. Kekurangan ini disebabkan jurang perbezaan dari segi persepsi dan pendapat dalam kalangan kelompok yang berbeza bermula dengan individu, keluarga dan masyarakat. Defisit sosial dalam

masyarakat adalah suatu kerencaman yang tidak boleh dielakkan. Antara kategori defisit sosial adalah etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik generalisme, ruang (bandar/desa) dan media (Kartini,2019). Sebagai contoh defisit sosial dari sudut pembangunan negara adalah golongan miskin tanpa mengira etnik di bandar dan dalam sektor pertanian sara diri dan estet, negeri-negeri yang masih terperangkap dengan kemiskinan, peluang dan akses kepada pendidikan dan kesihatan. Manakala, defisit sosial dari segi pembinaan bangsa pula melibatkan isu-isu berkaitan etnik, bahasa, budaya, agama, kekeluargaan, raja, Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Negeri, sejarah dan lain-lain.

Etos Nasional

Etos bangsa boleh menjadi suatu unsur yang ideal, membentuk nilai, prinsip dan norma-norma yang memberi panduan normatif kepada sesebuah masyarakat (Schwaninger, 2006). Ikatan etos bangsa yang kuat menjadi asas utama dalam masyarakat yang bersifat pelbagai etnik, multibudaya dan multiagama. Hal ini kerana etos bangsa yang kuat boleh menjadi faktor yang menyatukan masyarakat (Ezhar et al., 2005). Terdapat beberapa dimensi utama yang dapat menjelaskan etos bangsa sesebuah masyarakat. Etos bangsa terbina apabila masyarakat berkongsi nilai yang sama. Nilai masyarakat yang dikongsi bersama merangkumi elemen kerjasama, menghormati setiap individu, toleransi, disiplin diri dan demokrasi. Di samping itu, etos bangsa juga terbina melalui perkongsian perasaan dan semangat. Perasaan dan semangat dalam konteks etos bangsa dapat dikategorikan kepada perasaan kekitaan bersama, semangat patriotisme dan nasionalisme dan perasaan sebagai seorang warganegara Malaysia.

Semangat kebangsaan ini penting bagi sesebuah masyarakat untuk wujud sebagai suatu kolektiviti yang positif dan perasaan identiti yang jelas. Semangat yang bersifat kebangsaan ini perlu dikekalkan

bagi mencapai kesepaduan sosial dan menjamin kelestarian survival sesebuah masyarakat. Etos bangsa membawa suatu unsur kepercayaan atau pegangan yang dikongsi bersama oleh anggota masyarakat. Unsur kepercayaan tersebut melibatkan perkongsian sejarah, perkongsian masa depan, mempercayai perlembagaan negara, dasar negara dan kepimpinan negara. Etos bangsa juga membawa kepada pembentukan satu identiti. Identiti itu menggambarkan suatu unsur unik sesebuah masyarakat yang stabil dan seragam. Sesebuah masyarakat yang unggul akan berkongsi identiti sosial yang sama (Nazri Muslim, Mohd Mahadee Ismail & Azizah Ya'acob, 2016).

PENYATUPADUAN: PROSES DIUSAHA

Penyatupaduan terjelma dalam pelbagai bentuk usaha yang dilakukan secara berterusan bagi mencari penyelesaian defisit sosial dengan membina tapak integrasi di semua lapisan masyarakat. Shamsul Amri Baharuddin (2015) menjelaskan naratif masyarakat Malaysia sebenarnya berada dalam keadaan kesepaduan sosial. Selain itu, masyarakat juga perlu berdepan dengan cabaran *stable tension* yang muncul apabila parti politik, organisasi bukan kerajaan atau individu memainkan isu-isu sensitif seperti bahasa, agama, pendidikan vernakular, perlembagaan dan hak yang diperuntukan kepada orang Melayu dan bumiputera, hubungan negeri dan persekutuan, *spatial* antara bandar dan luar bandar dan sebagainya. Keadaan kesepaduan sosial yang masih belum mencapai tahap perpaduan ini memerlukan mekanisme penyatupaduan sosial untuk memastikan hubungan persaingan yang wujud dalam kalangan pelbagai kaum dapat hidup secara harmoni.

Mekanisme penyatupaduan ini dinamakan tapak integrasi. Tapak integrasi ini wujud dalam bentuk dasar, acara sukan, festival budaya, perayaan agama, seni muzik dan budaya, dan sebagainya.

Pelbagai ruang dan peluang dicipta dan direka bagi membolehkan tapak integrasi sentiasa ada dan muncul silih berganti. Tapak integrasi ini boleh dilihat dalam bentuk *top down* seperti kewujudan dasar-dasar pembangunan yang direka oleh pembuat dasar bagi memastikan hala tuju pembangunan yang dirancang, dipantau oleh kementerian atau jabatan kerajaan tertentu di peringkat pusat dan negeri (Kartini & Rachel; 2018). Hal ini dalam menilai beberapa dasar utama negara iaitu Rancangan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru dan aspirasi seperti Wawasan 2020 dan TN50. Hal ini bertujuan memberi penekanan utama kepada matlamat pembangunan bagi memastikan perpaduan dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum dapat dicapai. Tapak integrasi yang diformulakan oleh badan-badan pembuat dasar juga diiktiraf sebagai mekanisme formal yang berkuasa untuk melaksanakan. Perpaduan yang diidamkan boleh dicapai dengan usaha berterusan dengan pemantauan kesepaduan dan pembinaan tapak integrasi sebagai instrumen utama penyatupaduan.

Etnik - Tahap Keetnikan, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik

Kategori etnik merujuk kepada warisan sosiobudaya seseorang. Antara ciri konsep etnik ialah budaya, adat, bahasa, agama dan negara asal nenek moyang. Kumpulan etnik memiliki satu set ciri sosiobudaya yang tersendiri. Menurut Martin (2003), etnik ialah kumpulan manusia yang wujud sebagai sebahagian daripada satu masyarakat yang lebih besar dengan ahli-ahli kumpulan ini dengan mengamalkan budaya yang agak seragam. Maka, etnik boleh didefinisikan sebagai sekelompok manusia yang mengamalkan budaya termasuk adat resam, bahasa, agama yang seragam dan berasal dari negara nenek moyang yang sama.

Tahap Keetnikan merupakan budaya modeniti yang mengutamakan kestabilan dan kemajuan. Menyengarai dan meneliti

perbezaan serta cabaran antara komuniti untuk diselesaikan. Negara kita mempunyai rakyat yang terdiri dari pelbagai bahasa, budaya, agama dan tradisi kehidupan. Menjadi matlamat utama negara bagi memastikan kehidupan rakyat pelbagai budaya ini hidup saling bersatu dan berintegrasi. Dengan jaminan keharmonian kaum di negara ini, kita dapat memastikan pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa terus maju dan terbina. Masyarakat perlu terus memupuk sikap dan tindakan toleransi dan penerimaan etnik dalam kalangan masyarakat yang terdiri dari Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Bidayuh, Iban, Melanau, Bajau, Senoi dan 200 lebih suku etnik lain. Masyarakat perlu memperakui, menerima dan menghormati perbezaan bahasa, budaya, agama dan tradisi hidup kerana masing-masing etnik berpegang dengan teras pembentukan berkumpulan yang berbeza. Orang Melayu, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Cina dan India membina batas kumpulan mereka berdasarkan bahasa, budaya, agama dan tradisi hidup (Mansor Mohd Noor, 2010).

Batas Etnik iaitu kepelbagaian masyarakat yang berbeza etnik, agama, bahasa, budaya dan sebagainya. Semakin nipis batas etnik akan semakin mudah terbentuknya interaksi antara masyarakat. Menurut Mansor et al. (2006), sama ada tebal, nipis atau pupusnya batas etnik seseorang individu itu akan menentukan sama ada tingkah lakunya dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak. Individu yang tebal batas etniknya akan mengutamakan perkiraan etnik di dalam tingkah lakunya. Berbeza dengan individu yang nipis atau pupus batas etniknya akan mengutamakan perkiraan bersifat bukan etnik hingga boleh berhubung dengan individu-individu lain secara silang kumpulan. Dalam suasana sosial begini, masyarakatnya lebih bersifat bersatu dan harmoni. Sebaliknya pula, jika batas etnik itu tebal, individu hanya berhubung dengan individu lain berdasarkan persamaan etnik hingga wujud masyarakat majmuk, terasing dan terpisah tanpa diikat oleh nilai yang dikongsi bersama.

Hubungan Sosial Rentas Etnik adalah menggalakkan aktiviti kolektif dan pembangunan individu dan komuniti. Pengukuhan struktur hubungan organisasi antara berbilang agama dan etnik di setiap peringkat masyarakat. Hubungan pelbagai etnik di Malaysia menjadi intipati penting dalam menjamin kesepaduan sosial dalam masyarakat. Hubungan ini wujud dalam pelbagai bentuk sama ada melalui aspek politik, ekonomi, sosio-budaya termasuklah hal ehwal pentadbiran.

Alat Penyatupaduan Melalui Tawar-menawar, Perundingan dan Pengantaraan

Kesepaduan sudah dicapai melalui pembentukan tapak integrasi yang dibina berasaskan prinsip tawar-menawar, perundingan dan pengantaraan. Prinsip ini dilaksanakan dengan kerjasama yang baik antara pemimpin dan masyarakat. Perlembagaan Persekutuan ialah mercu tanda tapak integrasi yang menjadi asas dan teras kesepaduan rakyat Malaysia. Penyatupaduan pula terjelma dalam pelbagai bentuk usaha yang perlu terus dilaksanakan untuk mencari penyelesaian defisit sosial dengan membina tapak integrasi di semua lapisan masyarakat.

KESIMPULAN

Dalam konteks masyarakat berbilang etnik seperti Malaysia, usaha ke arah mencapai perpaduan berterusan dilaksanakan walaupun sukar dicapai. Kesepaduan sosial yang dikecapi ini adalah hasil usaha pelbagai pihak yang cinta akan keamanan dan keharmonian. Usaha yang berterusan ini telah menjadi alat penyatuan masyarakat yang pelbagai sehingga negara kita mencapai keharmonian dan kesejahteraan.

RUJUKAN

- Ezhar, T., Wendy, Y., Fazilah, I., Azimi, H., Zainal, A.M., Wong, S.L. dan Mansor, M.N. (2005). The Relationship of Exposure to News Media with attachment to the National Ethos. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 13(2): 187-198.
- Kartini, A.T. (2019). Defisit Sosial dan Usaha Penyatupaduan Malaysia. *Seminar Penyelidikan IPNas*. Putrajaya.
- Kartini, A.T., Rachel, C.S. (2018). Dasar-Dasar ‘Top-Down’ dan Mekanisme Penyatupaduan Kaum. Dalam Kartini, A.T., Noorulhawa, A.B., Phoon, L.J. Akal Budi Alam Melayu, International Colloquium on Integration Platform (Binding Differences and Diversity). 15 November 2018. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor Mohd Noor & Mohd Sobhi Ishak (2019). *IPNas: Model Integrasi Kesepaduan Nasional Rakyat Malaysia*. Putrajaya.
- Mansor, M.N. (2010). Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara. *Demokrasi*, 9(20): 185-207.
- Mohd Anuar, R., Muhammad Izzul, S.Z., Rahimin Affandi, A.R., Muhd Imran, A.R., Mohamad Naqib, H., Syamsul, Azizul, M. (2018). Isu-Isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (Pru14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan, Prosiding Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu (Pendidikan, Kewangan, Kehartaan, Kenegaraan dan Isu Kontemporari). Dalam: Mohd Roslan, M.N., Khadher, A., Mohd Yakub @ Zulkifli, M.Y. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1-12.
- Nazri, M., Mohd Mahadee, I. & Azizah, Y. (2016). Persepsi Belia Terhadap Etos Bangsa: Kajian di Lembah Kelang. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(3): 23-39.
- Norafifah, A. H. (2014). Prinsip Islam dan Nilai-Nilai Kemanusiaan. Dlm. Mohd Faizal P.Rameli (ed.). *Islam & Hubungan Etnik: Sorotan Sejarah & Isu Kontemporari Di Malaysia*. Melaka: Academy Of Contemporary Islamic Studies, UiTM Melaka, 245-268.
- Schwaninger, M. (2006). *Intelligent Organizations Powerful Models for Systemic Management*. Berlin: Springer.

- Shamsul, A.B. (2015). *Politics of Language and Language of Politics: Theory and Practice of the Nation of Intent as articulated in Malaysia*. UKM Ethnic Studies Paper Series. No. 35 (June), Bangi: KITA Press.
- Shamsul, A.B. (2011). *Kesepaduan dalam Kepelbagaian. Perpaduan di Malaysia sebagai Work-in-Progress*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shamsul, A.B. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shamsul, A.B. (2008). *Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience*. Institut Kajian Etnik. Bangi: Penerbit UKM..
- Shamsul, A.B. (2008). *Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengekalkan Kejernihan dalam Kekeruhan*. Institut Kajian Etnik. Bangi: Penerbit UKM.

TOPIK 5

PEMBINAAN PERADABAN MAJMUK DI MALAYSIA

Marwan Ismail

Objektif:

Memahami proses pembinaan negara bangsa Malaysia melalui kemajmukan peradaban.

Hasil Pembelajaran:

1. Menghuraikan proses pembentukan negara bangsa di Malaysia daripada perspektif peradaban.
2. Menganalisis cabaran dan hala tuju pembinaan negara bangsa idaman.
3. Menghayati bagaimana bermulanya konsep negara bangsa dalam negara Malaysia.

Kandungan Bab:

1. Pengaruh Peradaban Dunia dalam Pembinaan Negara Bangsa
2. Peradaban Beridentitikan Malaysia
3. Peradaban Peribumi Alam Melayu
4. Sejarah Sistem Pemerintahan di Tanah Melayu

PENGENALAN

Bab ini mengupas mengenai pembinaan peradaban majmuk yang wujud di negara Malaysia. Ia merupakan kerangka asas dalam membina dan mengukuhkan konsep negara bangsa di negara kita. Selain itu, usaha ini diharap dapat mewujudkan sebuah bangsa idaman iaitu bangsa Malaysia yang bersatu padu berasaskan etos budaya bangsa. Ia juga dilihat sebagai inisiatif bagi memupuk nilai taat setia dalam masyarakat dan dapat menggembelng tenaga dalam menjayakan sebuah negara yang memiliki peradaban yang tinggi. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini memberi tumpuan untuk memahami etos budaya kenegaraan yang melibatkan perkembangan awal kewujudan alam Melayu sebagai sebuah peradaban yang telah pun wujud sebelum lahirnya Malaysia moden pada hari ini. Oleh yang demikian, keperluan untuk menyentuh peradaban awal akan memberikan asas kefahaman yang penting untuk dihayati dengan mengambil kira proses interaksi peradaban Melayu dengan peradaban lain seperti Arab, India, Cina dan Eropah, khususnya British di Tanah Melayu. Selain itu, proses kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 turut memberi implikasi dari aspek sejarah sosial di Malaysia. Selain itu, dapat dilihat bahawa perkembangan dunia tanpa sempadan atau turut dikenali sebagai era Globalisasi ini dipacu oleh pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi. Selain faktor migrasi dari luar, elemen lain juga perlu difahami agar masyarakat mampu mengenal pasti cabaran dan hala tuju negara bangsa. Hal ini kerana – juga merupakan terminologi penting kepada pembentukan sebuah bangsa idaman yang dicita-citakan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kesemua ini amat perlu difahami oleh setiap warganegara Malaysia untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang utuh dalam pembangunan sebuah peradaban Malaysia. Oleh yang demikian, perkara asas yang melibatkan etos budaya masyarakat peribumi hendaklah menjadi satu tunjang asas dalam merangka pembinaan bangsa idaman. Dalam

pada masa yang sama, perlu dipertimbangkan unsur peradaban lain untuk diserap dan disesuaikan dengan perkembangan arus globalisasi.

PERKEMBANGAN SEJARAH PERADABAN DI ALAM MELAYU

Sebelum kita mengesapi kemerdekaan dan era moden kini, adalah perlu untuk kita memahami sejarah peradaban Alam Melayu terlebih dahulu. Ia telah wujud hasil keterlibatan masyarakat di pelbagai rantau, antaranya ialah Nusantara yang berlaku ribuan tahun dahulu. Sejarah peradaban silam alam Nusantara yang melibatkan zaman prasejarah bermula empat dekad sebelum Masihi. Di zaman prasejarah ini belum wujud sebuah entiti politik atau sempadan negara bangsa yang dikenali sebagai Tanah Melayu mahupun Malaysia. Namun ia telah pun mempunyai sebuah unit geografi yang dikenali sebagai alam nusantara (Syed Hussein Ali, 2017). Sehubungan itu, dalam konteks pembinaan bangsa Malaysia, adalah perlu untuk mendalami perkembangan sejarah peradaban yang lalu bagi memahami etos budaya rantau Melayu sebagai teras penting dalam pembinaan bangsa Malaysia. Rantau alam Nusantara dalam catatan India disebut dalam bahasa Sanskrit sebagai *Suvarnabhumi* atau Tanah Emas (Sailendra & Nath Sen, 1988). Perkembangan sejarah peradaban di Nusantara dan Malaysia moden ini dapatlah dibahagikan kepada beberapa zaman sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Ringkasan Perkembangan Peradaban Melayu Nusantara

| Pertama: Zaman Prasejarah | Kedua: Zaman Protosejarah |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Zaman Paleolitik• Zaman Mesolitik• Zaman Neolitik | <p>Kewujudan kerajaan purba/ kerajaan awal</p> <ul style="list-style-type: none">• Langkasuka• Kedah Tua |

| | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Zaman Logam/Gangsa Besi | <ul style="list-style-type: none"> • Phang-Hang • Chih-Tu • Lo-Yueh • Tan-Tan Champa • Funan • Sriwijaya |
| <p>Ketiga: Zaman Pensejarahan</p> <p>Kerajaan Melayu di alam Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pattani (1390) • Kelantan (1411) • Pahang (1470) • Brunei (1368) • Melaka (1411) • Aceh (1496) | <p>Keempat: Zaman Pembentukan Negara Bangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Malayan Union 1948 • Merdeka 1957 • Persekutuan Malaysia 1963 • Perpaduan – penyatuan • Ke arah pembinaan Negara bangsa Malaysia |

Peradaban Peribumi

Sebagai asas ke arah pembinaan negara bangsa, maka adalah perlu untuk menelusuri sejarah perkembangan peradaban di Nusantara sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 5.1. Selain faktor alam semula jadi, pengalaman dengan persekitaran dan latar kehidupan yang dilalui oleh manusia juga mempengaruhi sesuatu peradaban. Interaksi masyarakat peribumi dengan peradaban lain yang berlaku secara semula jadi telah membentuk etos budaya peradaban dalam kalangan masyarakat peribumi. Oleh itu, Bellwood (1989), F.E Sarasin (1905), Skeat dan Blagden (1906) berpendapat bahawa telah wujud masyarakat manusia di alam Nusantara semenjak ribuan tahun dahulu. Pernyataan berasaskan kepada kajian dalam pelbagai bidang yang berkaitan antaranya adalah dalam bidang fizikal antropologi, arkeologi

dan sejarah linguistik (Nik Hassan Suhaimi, 1990). Sehubungan itu, projek ekskavasi arkeologi yang diketuai oleh Profesor Zuriana Majid di Gua Gunong Runtuh, Lenggong, Perak telah menemukan rangka manusia yang dikenali sebagai Perak Man. Penemuan rangka manusia prasejarah ini merupakan penemuan rangka manusia yang paling lengkap ditemui di rantau Asia Tenggara (MyMetro, 2021).

Usia rangka manusia itu dianggap telah berusia lebih 10,000 tahun. Ini membuktikan bahawa di alam Nusantara telah ada penempatan awal masyarakat manusia (Stephen Chia & Zuriana Majid, 2002). Sehubungan itu, peradaban Melayu purba turut dikesan di kawasan Sungai Batu berikutan penemuan bukti arkeologi di kawasan berkenaan. Hasil kajian mengenai artifak yang ditemui menunjukkan telah wujud peradaban manusia semenjak 500 tahun sebelum Masihi di kawasan berkenaan. Selain itu, hasil ekskavasi arkeologi melalui penemuan artifak di Lenggong, Perak menunjukkan wujudnya penempatan manusia yang lebih tua yang wujud di Asia Tenggara iaitu semenjak 74,000 tahun yang lampau. Manakala kajian dalam aspek genetik pula telah menunjukkan bahawa asal usul orang Melayu Kelantan telah wujud semenjak 60,000 tahun yang lalu di Semenanjung Tanah Melayu (Abdul Mutalib et al., 2015). Sementara itu, terdapat catatan penting mengenai peradaban Melayu Nusantara yang ditemui dari teks kuno peradaban Cina, Arab dan Yunani yang merujuk mengenai alam Melayu, seperti istilah yang digunakan merujuk kepada alam Melayu seperti perkataan “Kun Lun” (Cina), “Qumr” (Arab). Selain itu, dalam catatan Hebrew dan Mesir Kuno pula memperihalkan tentang kemasukan rempah ratus ke rantau mereka. Ini menunjukkan ia mempunyai kaitan dengan alam Nusantara (Mohd Arof Ishak, 2009).

Berdasarkan catatan Ptolemy, pada kurun pertama Masihi telah wujud satu penempatan yang dikenali sebagai semenanjung emas yang merujuk kepada semenanjung Tanah Melayu. Manakala di zaman prasejarah, telah mula menemukan kewujudan kerajaan

Melayu purba di rantau ini seperti Sriwijaya, Champa, Funan, Chih-Tu, Brunei purba, Pasai, Kelantan Purba, Sri Dharmaraja, dan beratus-ratus kerajaan Melayu yang lain.

Kerajaan Melayu purba ini turut menerima pengaruh peradaban lain hasil daripada interaksi mereka dengan peradaban India. Hal ini berlaku khususnya dari aspek sistem kepercayaan keagamaan yang berpaksikan kepada Hindu-Buddha. Namun pengaruh ini bukanlah membawa perubahan secara menyeluruh kepada sistem kehidupan tetapi ia lebih kepada unsur sinkretisme yang turut bercampur baur dengan amalan animisme dan budaya setempat yang sedia ada. Selain memberi kesan kepada aspek kepercayaan, ia turut mempengaruhi konteks ekonomi seperti penggunaan mata wang, seni bina (Angkor Wat, Borobudur), bahasa dan kesusasteraan dan kesenian (Sanskrit, *Hikayat Pendawa Lima*, wayang kulit dan sebagainya), sains dan teknologi (ilmu matematik dan astronomi). Manakala interaksi alam Melayu dengan peradaban Cina pula bermula semenjak 3,000 – 4,000 tahun yang lalu iaitu di Zaman Yin (17 – 11 SM). Ia turut berlaku pada 131 M semasa era pemerintahan Dinasti Han. Hubungan antara peradaban Melayu dan Cina semakin meningkat pada abad ke-7 Masihi semasa era Dinasti Tang dan Kerajaan Melayu Sriwijaya dengan kehadiran pedagang Cina dan agamawan yang datang untuk mempelajari agama Buddha di Sriwijaya. Keakraban hubungan ini dilanjutkan semasa Dinasti Song (960 – 1279 M) dan Yuan (1206 – 1368 M). Zaman gemilang hubungan antara tamadun Melayu dan Cina ini berlaku semasa Dinasti Ming dan empayar Melayu Melaka pada abad ke-15 melalui hubungan diplomatik dan aktiviti perdagangan di antara kedua-dua peradaban tersebut secara bertimbal balik (Liang, 1996).

Peradaban Timur Tengah

Peradaban Timur Tengah dan interaksinya dengan alam Melayu telah lama terjalin. Ini memberikan implikasi yang besar terhadap perkembangan peradaban terutamanya dengan kehadiran golongan pedagang dan ulama yang datang dengan tujuan untuk berdagang dan menyebarkan ajaran Islam di rantau tersebut semenjak abad ke-7 Masihi lagi. Penyebaran agama Islam dari Timur Tengah telah memberi kesan kepada sistem kepercayaan, pemerintahan, perundangan, ekonomi dan sosial. Meskipun kehadiran Islam ke alam Melayu sedikit demi sedikit telah menghakis sistem kepercayaan hinduisme dan animisme, namun amalan yang berunsur animisme dan hinduisme masih lagi wujud di alam Melayu. Kehadiran ajaran Islam ini turut mempengaruhi pembentukan peradaban Melayu sama ada dari aspek sosial, ekonomi, politik, pendidikan, tulisan, kesusasteraan dan sebagainya. Malah Islam terus kekal menjadi pegangan agama dalam kalangan masyarakat Melayu meskipun Tanah Melayu turut mengalami penjajahan dari kuasa kolonial Barat seperti Portugis, Belanda dan British. Oleh itu, pengaruh Islam yang turut membentuk peradaban dan etos budaya Melayu yang menjadi asas kepada Tanah Melayu.

SEJARAH SOSIAL DI MALAYSIA

Sebelum abad ke-18 dan ke-19, etnik Melayu dan etnik bumiputera Sabah dan Sarawak adalah penduduk majoriti di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Meskipun wujudnya migrasi dari luar, namun jumlah kumpulan penghijrah tidaklah begitu ramai yang boleh mewujudkan polarisasi etnik yang ketara di kawasan tersebut. Daripada tinjauan mengenai penghijrahan orang dari Sulawesi, Aceh, Jawa, Sumatera, Pattani dan lain-lain dari lingkungan alam Nusantara, didapati mereka

telah berasimilasi dengan sosiobudaya dan masyarakat tempatan. Namun orang penghijrah ini turut berada dalam kelompok etnik Melayu yang serba sedikit berkongsi nilai dan etos budaya yang mempunyai persamaan antara satu dengan lain. Contohnya, orang Jawa, Bugis, Rawa, Aceh, Minang, Orang Asli dan sebagainya merupakan subetnik yang berada dalam kelompok etnik Melayu. Begitu juga kelompok bumiputera Sabah dan Sarawak turut dikategorikan berada dalam kumpulan etnik Melayu (Mohammed Anwar, 2011).

Setelah kehadiran British di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak menjelang abad 18 Masihi memberikan implikasi yang ketara dari aspek struktur sosial masyarakat terutama sekali di Semenanjung Tanah Melayu. Kehadiran British yang mula campur tangan dalam hal ehwal pemerintahan dan pentadbiran serta ekonomi turut membawa perubahan dari aspek kependudukan di Tanah Melayu. Kepentingan ekonomi British seperti penglibatan mereka dalam aktiviti pelombongan bijih timah dan perladangan getah di samping keperluan membangunkan infrastruktur seperti jalan kereta api memerlukan kepada keperluan tenaga buruh yang murah. Oleh yang demikian, perkara ini menyebabkan British telah mengimport tenaga buruh dari India dan China secara beramai-ramai untuk menggerakkan sektor ekonomi di Tanah Melayu pada waktu itu. Sehubungan itu, kehadiran imigran dari China dan India pada waktu itu turut disebabkan oleh faktor penarik yang melibatkan peluang ekonomi dan kehidupan yang lebih baik di Tanah Melayu. Ia juga disebabkan oleh faktor penolak yang berlaku seperti faktor kemiskinan dan konflik politik yang berlaku di tanah air mereka. Penghijrahan secara besar-besaran dengan jumlah bilangan yang ramai semenjak akhir abad ke-18, 19 dan awal abad ke-20 dari China dan India telah menyebabkan struktur kependudukan dan sosial telah berubah dengan ketara di Tanah Melayu khususnya di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pertambahan bilangan penduduk ini boleh dilihat dalam jangka masa sepuluh tahun. Misalnya dari tahun 1891 sehingga

1901 didapati bahawa kadar pertambahan penduduk di Negeri Melayu Bersekutu hanya naik 34.9 peratus berbanding etnik Cina seramai 83.4 peratus, manakala etnik India sebanyak 188.8 peratus (Azmah, 2001).

Kesan Migrasi

Kesan migrasi ini telah membentuk polarisasi etnik dan pembentukan masyarakat majmuk yang ketara di Tanah Melayu. Malah etnik Melayu bukan lagi penduduk majoriti di Semenanjung Tanah Melayu. Kewujudan masyarakat majmuk ini telah mewujudkan polarisasi dan perbezaan yang ketara dari aspek budaya, nilai, penempatan, bidang pekerjaan dan kegiatan perekonomian dan sistem pendidikan di Tanah Melayu. Hal ini berlaku kerana kepelbagaian etnik yang ada terdiri daripada agama dan budaya. Justeru faktor ini menjadi penyumbang kepada ketidakpuasan hati sesetengah pihak dalam proses mengadaptasi kepelbagaian etnik tersebut. Hasrat dan tuntutan ini telah dipenuhi oleh British sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Begitu juga apabila wujudnya kerjasama antara etnik bagi memperolehi kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, hak-hak ini sebagai warganegara telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (Azmah, 2001).

Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 telah membentuk sebuah negara bangsa yang lebih luas dan besar. Secara tidak langsung ia turut memberi kesan kepada pertambahan penduduk di Malaysia. Sehubungan itu, ia turut membentuk kerencaman dan kemajmukan etnik di Malaysia. Kemasukan Sabah dan Sarawak antara lain bertujuan untuk mengimbangi jumlah penduduk bumiputera dan bukan di Malaysia. Penduduk bumiputera di Sabah terdiri daripada kumpulan etnik terbesar iaitu orang Kadazan Dusun, Murut, Bajau dan kumpulan etnik bumiputera yang lain. Manakala di Sarawak pula, kumpulan etnik bumiputera yang terbesar terdiri daripada orang Iban, Bidayah,

Melanau, Melayu dan orang Ulu (Jeniri, 2015). Kemajmukan etnik di Malaysia telah membentuk kumpulan sosial yang mempunyai ciri perbezaan budaya yang terbentuk melalui pengalaman sejarah dan persekitaran kehidupan yang telah dilalui seperti bahasa, cara hidup, agama dan pelbagai ciri perbezaan yang lain (Budi & Saidatul, 2020). Oleh yang demikian, ia merupakan satu cabaran kepada pembinaan sebuah negara bangsa di Malaysia.

KONSEP NEGARA DAN BANGSA

Konsep negara secara ringkasnya merujuk kepada wujudnya sekumpulan penduduk yang mendiami sesebuah wilayah yang mempunyai sistem pemerintahan yang berdaulat dengan mempunyai sesuatu sistem undang-undang bagi menguruskan kepentingan dan kehidupan rakyatnya. Kebiasaanya konsep bangsa dihubungkan kepada persamaan nilai sepunya yang melibatkan persamaan fizikal, agama dan nilai budaya. Namun Freidrich Meinecke (1907) telah mentakrifkan bangsa dalam dua perspektif.

Pertama, bangsa dalam konteks budaya yang terbentuk melalui sejarah, bahasa, dan etnik yang merujuk kepada zaman pramoden yang membentuk identiti kebangsaan. Kedua, bangsa yang terbentuk melalui ikatan prinsip-prinsip politik seperti kebebasan, perlembagaan, dan prinsip kedaulatan undang-undang. Sebaiknya, bangsa boleh ditakrifkan sebagai sekumpulan manusia yang mempercayai bahawa diri mereka merupakan sebahagian dari sebuah bangsa, mempunyai perasaan kebersamaan dan berkongsi perasaan kebangsaan. Bangsa boleh juga ditakrifkan sebagai bangsa idaman iaitu mereka mempunyai satu ikatan antara satu sama lain, atau mempunyai komitmen antara satu sama lain, meskipun mereka tidak pernah bertemu (Kevin & Tony, 2003).

Bangsa ialah sesuatu keadaan yang melibatkan suatu proses secara beransur dan bersifat semula jadi berdasarkan keadaan sejarah yang khusus. Ia telah mengalami perkembangan berasaskan latar sejarah yang telah terbina. Ini juga berasaskan realiti sejarah dan pengalaman negara bangsa di Eropah. Bagi negara di bawah kolonialisme, pembentukan bangsa idaman juga merupakan wawasan yang dibentuk dalam proses mencapai kemerdekaan. Selepas itu, suatu perjuangan dibentuk untuk mengisi dan memperkukuhkan maksud kemerdekaan itu (Abdul Rahman Embong, 2000).

Ciri Negara Bangsa

Negara bangsa itu merupakan satu proses melahirkan bangsa baharu, yakni sebuah negara yang mempunyai kedaulatan dan semua rakyatnya disatukan oleh ikatan-ikatan seperti bahasa, budaya, nilai-nilai dan lain-lain yang membentuk bangsanya. Tujuan utama pembinaan bangsa itu adalah untuk melahirkan perasaan taat setia dan perpaduan terhadap sesuatu pertubuhan bangsa itu (Chew, 2006).

Manakala ciri-ciri sesebuah negara bangsa adalah seperti mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, namun dapat hidup dengan bersatu padu, berkongsi pegangan ideologi politik, dan mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada sistem pemerintahan negara dan perlembagaan serta undang-undang negara. Faktor-faktor yang menjadi pemangkin kepada penubuhan sebuah negara bangsa yang berjaya adalah seperti demokrasi, nasionalisme, patriotisme, dan integrasi (Aizat, 2011).

Negara bangsa adalah satu konsep kenegaraan yang memperoleh pengesahan politik; satu entiti bagi satu-satu bangsa dalam sebuah wilayah berdaulat; istilah negara bangsa menyepadukan negara dan bangsa; dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, serta mempunyai unsur-unsur subjektif bersama; ia menandakan bahawa warganya telah bersedia berkongsi

satu bahasa - satu budaya - satu nilai - satu wawasan (Raja Nazrin Shah, 2017).

Kerajaan Malaysia telah memilih pendekatan integrasi dalam usaha pembinaan negara bangsa, dan bukannya pendekatan asimilasi seperti yang dilaksanakan di Indonesia. Cara integrasi yang dikenali sebagai dasar Kesatuan dalam Kepelbagaian (*Unity in Diversity*) menjadi pilihan kerana menjamin keamanan dalam masyarakat majmuk, sebaliknya cara asimilasi lebih terdorong untuk ‘memaksa’ penduduk minoriti untuk menyertai kumpulan majoriti dengan menghilangkan identiti etnik itu, dan cara ini biasanya berakhir dengan kegagalan (Cheah, 2004).

Pembinaan negara bangsa merupakan matlamat utama sesebuah negara dan boleh dianggap sebagai kemuncak kejayaan bagi sesebuah negara, pentadbiran serta penduduknya. Merujuk kepada Malaysia, proses awal pembinaan negara bangsa lebih tertumpu kepada keperluan politik. Usaha-usaha secara intensif bagi mencapai matlamat mula dilaksanakan selepas peristiwa 13 Mei 1969 khususnya menerusi rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Matlamat yang lebih jelas pula hanya muncul ekoran pengenalan Wawasan 2020 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1991. Wawasan yang menekankan terhadap keperluan wujudnya bangsa Malaysia yang mantap mula diberikan perhatian yang lebih serius oleh pelbagai pihak. Pembinaan negara bangsa Malaysia berdasarkan acuan sendiri harus dilaksanakan melalui pelbagai saluran (Mohd Rodzi, 2009).

IDEA BANGSA MALAYSIA

Idea bangsa Malaysia bertitik tolak dari konsep bangsa idaman, ia bukan sesuatu yang baharu dalam konteks Malaysia. Malah Shamsul Amri telah membahagikan konsep bangsa idaman ini dalam konteks Malaysia:

1. Sebelum merdeka, melalui pergerakan nasionalisme yang berjuang dalam kerangka bangsa idaman yang bersesuaian dengan agenda dan kepentingan ekonomi, politik, sosial dan budaya yang turut berpaksikan kepada ideologi politik sama ada secara demokratik mahupun secara bersenjata.
2. Selepas merdeka, keinginan untuk mewujudkan persamaan identiti nasional. Contohnya konsep bangsa idaman Malaysian Malaysia dan masyarakat majmuk pimpinan Melayu.
3. Bangsa idaman selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) bangsa Malaysia, Gagasan 1 Malaysia. (Shamsul, 2019).

Menurut Abdul Rahman Embong (2000), “Ditinjau dari segi sejarah, bangsa Malaysia adalah satu konsep baharu bagi rakyat berbilang kaum di negara ini. Apabila Malaya diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957, yang dilahirkan ialah sebuah negara, bukan bangsa. Begitu juga, apabila Malaysia terbentuk pada tahun 1963, yang kita miliki hanyalah negara Malaysia, sedangkan bangsa Malaysia yang utuh dan bersatu padu masih jauh daripada terwujud”.

Dr. Mahathir telah mencetuskan kepentingan pembinaan bangsa Malaysia melalui Wawasan 2020 pada tahun 1991. Cabaran pertama yang ditonjolkan dalam gagasan tersebut dengan jelas meletakkan matlamat berkenaan; “Mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama, berintegrasi di peringkat Wilayah dan antara kaum berasaskan persamaan hak dan keadilan.”

Manakala menurut Tun Abdullah Ahmad Badawi (2007) dalam ucapannya sempena sambutan kemerdekaan Malaysia yang ke 50; “Kejayaan Malaysia telah dibina atas usaha bersama. Negara Malaysia akan terus dibangunkan secara bersama dalam semangat yang tidak membenarkan berlakunya tafsiran sempit dari segi identiti warga, tidak membenarkan berlakunya amalan ekstremisme agama, tidak mengizinkan berlaku ketidakadilan dalam kalangan warga

dan tidak mengizinkan tercetusnya sebarang kebimbangan terhadap jaminan masa hadapan mana-mana warga. Bumi dan langit Malaysia adalah tempat bertapak, tempat berteduh setiap warga Malaysia, bumi dan langit Malaysia menjanjikan tapak kukuh dan langit cerah untuk setiap warga dapat hidup bersatu penuh muafakat.”

Najib Razak (2010): Gagasan 1Malaysia, iaitu satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum yang berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia Dato’ Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak, Perdana Menteri Malaysia (JPA, 2010).

Teras Kepada Pembinaan Bangsa Malaysia

Berikut adalah beberapa teras penting dalam pembinaan bangsa Malaysia:

1. Kefahaman dan penghayatan terhadap sejarah peradaban dalam pembentuk etos nasional di Malaysia.
2. Pematuhan kepada Perlembagaan Persekutuan yang telah termaktub setiap hak setiap warganegara Malaysia. Berasaskan kontrak sosial yang berkaitan institusi raja berperlembagaan sebagai simbol perpaduan, Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan hak Melayu bumiputera Sabah dan Sarawak.
3. Toleransi dan keikhlasan setiap individu yang mengidentifikasikan dirinya sebagai warganegara Malaysia.
4. Pendekatan integrasi dan inklusif dalam agenda pembangunan sosioekonomi negara yang holistik.

Etos Bangsa

Etos bangsa merupakan peringkat kefahaman dan keyakinan terhadap nilai-nilai yang secara dasarnya sangat mempengaruhi kehidupan, menjadi prinsip-prinsip dan cara berinteraksi yang khusus bagi sekelompok manusia dan budayanya. Namun dalam konteks Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat bahawa pemupukan etos bangsa dalam kalangan masyarakat adalah kaedah yang boleh digunakan untuk membentuk bangsa Malaysia. Dalam hal ini, etos bangsa rakyat Malaysia pula perlu mengambil kira bentuk hubungan etnik yang terjalin dalam masyarakat multietnik selama ini. Bentuk hubungan inilah yang menjadi penentu kepada proses pembinaan negara bangsa (Mansor & Khairul, 2015).

Etos Nasional

1. Etos kebangsaan seseorang adalah akidah yang terbentuk daripada nilai dan tradisi bersama iaitu negara memandang masa lalu, masa kini dan masa depannya; elemen penyatuan yang menentukan identiti negara dan mengikatnya menjadi kumpulan sosial yang koheren (Lewin & Eyal, 2016).
2. Dalam konteks Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad (1992) telah mengemukakan etos bangsa sebagaimana berikut:
Membangun negara daripada pelbagai bangsa dengan latar belakang sejarah, etnik, linguistik, agama, budaya dan geografi yang berbeza adalah lebih daripada sekadar memupuk persetujuan mengenai watak dasar sebuah negara atau bangsa. Ini melibatkan pemupukan (1) pengalaman sejarah bersama, (2) nilai bersama, (3) perasaan identiti bersama, (4) takdir bersama yang melampaui batas etnik tanpa merosakkan identiti etnik, (5) kesetiaan, (6) komitmen dan (7) keterikatan emosional terhadap bangsa, dan pengukuhan etos kebangsaan yang jelas (Mansor & Khairul, 2015).

3. Etos nasional merupakan ciri-ciri tersendiri yang dimiliki oleh sekumpulan masyarakat yang mengikat setiap warganegara dalam sempadan wilayah tertentu dengan institusi negara yang berkongsi nilai persamaan, semangat patriotisme, identiti, simbol dan perjuangan ke arah kemajuan bangsa.

Globalisasi dan Pembentukan Peradaban Majmuk: Satu Realiti

Realitinya perkembangan peradaban sesuatu masyarakat merupakan suatu proses interaksi. Semenjak zaman prasejarah, pensejarahan mahupun pembentukan negara bangsa Malaysia moden, proses interaksi dan globalisasi telah terjadi dengan kekuatan teknologi perhubungan dan komunikasi pada setiap era. Proses penyerapan dan asimilasi sudah berlaku sama ada secara besar-besaran atau kecil-kecilan, secara satu pihak mahupun kedua-dua belah pihak. Namun, apa yang menjadi teras kepada peradaban Melayu/peribumi berasaskan pembentukan sejarah peradaban yang lama ialah ia berpasak kepada pengalaman sosial, latar budaya, ekologi dan persekitaran geografi yang telah mereka diami semenjak dahulu lagi. Itulah yang menjadi teras kepada peradaban majmuk di Malaysia sebagai sesuatu yang perlu dijadikan teras kepada proses pembinaan bangsa idaman/bangsa Malaysia.

Oleh itu, peradaban Malaysia yang kita diami pada hari ini merupakan hasil dari penyerapan dan penyesuaian dalam konteks alam Melayu Nusantara yang bercampur dengan peradaban lain di sepanjang sejarah peradabannya. Selain itu, pembentukan peradaban Malaysia merupakan satu proses yang dinamik dan berterusan berlaku khususnya di era globalisasi yang telah membawa kepada percampuran pelbagai sumber peradaban tanpa sempadan menerusi jaringan digital yang kompleks. Oleh yang demikian, semua pengaruh peradaban yang datangnya dari luar telah membentuk peradaban majmuk di Malaysia hari ini.

Pembinaan Negara Bangsa Cabaran dan Hala Tuju

Idea pembinaan negara bangsa merupakan suatu proses yang panjang. Meskipun Malaysia telah berjaya membentuk sebuah negara, namun proses ini masih terus berlaku dan belum menemui titik noktahnya. Oleh itu, Malaysia tidak menggunakan pendekatan asimilasi dalam pembinaan dan pembentukan negara bangsanya. Setakat ini, Malaysia terus menggunakan pendekatan integrasi dalam pembinaan bangsa Malaysia. Begitu juga, bentuk amalgasi juga tidak diamalkan sebagai sesuatu strategi Malaysia untuk menyatukan dari aspek biologi, budaya dan nilai. Apa yang boleh dilakukan adalah untuk kita memahami tentang kepelbagaian yang wujud antara manusia dengan mengambil kira konsep *Unity in Diversity*. Pembinaan negara bangsa perlu merujuk kepada beberapa inti pati kenegaraan yang melibatkan etos budaya peribumi yang terikat melalui peruntukan perlembagaan yang telah pun dipersetujui dan perlu digembleng bersama dengan nilai peradaban lain dan keadilan sosial. Namun cabaran dalam menghadapi pembentukan negara bangsa ini melibatkan elemen dalaman dan luaran seperti politik dan isu sensitiviti perkauman. Manakala isu luaran pula melibatkan ancaman globalisasi yang dipacu oleh teknologi dan komunikasi maklumat yang melibatkan budaya dan pemikiran yang tidak selari dengan asas serta etos budaya timur dan masyarakat Malaysia. Selain itu, peranan pemerintah serta rakyat perlu memperkukuhkan institusi kenegaraan yang disesuaikan dengan tuntutan globalisasi dalam menggembleng kefahaman untuk merealisasikan konsep bangsa Malaysia yang bersatu padu dan menumpukan taat setia kepada bangsa Malaysia. Sebagai renungan bersama dalam usaha untuk merealisasikan pembinaan bangsa Malaysia, titah ucapan Sultan Nazrin Muizzudin Shah Ibni Sultan Azlan Shah yang berbunyi:

“Kesungguhan hasrat membina negara bangsa perlu dilandaskan atas minda dan melalui hati terbuka, diperkukuhkan dengan keikhlasan mahu mencipta penyatuan dan bekerja untuk mencapai penyatuan. Hasrat membina negara bangsa hanya akan tercapai jika ada penyatuan niat dan penyatuan kesungguhan di antara kerajaan dan warga, diterima sebagai agenda nasional bersama, dilaksanakan dengan satu tekad dan satu kesungguhan, menjiwai semangat ‘di mana bumi dipijak - di situ langit dijunjung’, menjunjung prinsip kesetiaan kepada Raja dan Negara” (Berita Harian, 23 Mei 2017).

KESIMPULAN

Pembinaan negara bangsa dalam kerangka pembentukan bangsa Malaysia merupakan sesuatu proses yang panjang yang telah menemui pelbagai cabaran sama ada dalam konteks dalaman mahupun luaran. Oleh yang demikian, ia menuntut kesedaran dan keikhlasan kepada setiap warganya tentang kesatuan dan persamaan identiti sepunya yang membentuk etos bangsa Malaysia. Ia semestinya bertunjang kepada peradaban peribumi sebagai teras dan menerapkan budaya peradaban yang pelbagai dengan pematuhan dan kesetiaan kepada institusi dan simbol kenegaraan bagi menjayakan pembentukan bangsa Malaysia yang diimpikan bagi menerajui kejayaan peradaban Malaysia yang gemilang.

RUJUKAN

- Abdul M., Juhari, S., Juliani & Razita. (2015). Tracing the Malays in Malay Land, *Third Global Conference on Business and Social Science, (GCBSS-2015)*, 16-17 Disember, Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman, E. (2000). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Aizat, K. (2011). Konsep 1 Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan sebuah Negara-Bangsa. *Sosiohumanika*, 4(1): 129-140.
- Budi Anto, M.T. & Saidatul, N. (2020). Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(10): 95-104.
- Chew F.P. (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Sastera, *Jurnal Pengajian Melayu*. 17: 136-168.
- Jeniri, A. (2015). Etnik di Sabah, Sarawak terima baik status Bumiputera. *Berita Harian Online*, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/01/31300/etnik-di-sabah-sarawak-terima-baik-status-bumiputera>, diambil pada 27/2/2021.
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Bahagian Pengurusan Psikologi. (2010). *1 Malaysia: Satu Perspektif Psikologi*, Cyberjaya: Bahagian Pengurusan Psikologi.
- Kevin, H. & Tony, B. (2003). *Understanding Political Ideas and Movement*. Manchester University Press: Manchester.
- Liang, L. (1996). *Lembaran Sejarah Gemilang Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit UKM.
- Lewin, E. (2016). The Importance of National Ethos in Military Victories, *Social Science*, 5(45): 1-16.
- Mansor & Khairul. (2015). Keberkesanan Mata Pelajaran Sejarah dalam Membina Etos Bangsa Generasi Muda di Malaysia, *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas* (Konvokesyen ke-17 UMS).
- Mohd Arof, I. (2009). *Tamadun Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd Rodzi. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan, *JEBAT*, 36: 90-106.
- MyMetro. (2021). Rangka manusia Perak Man akhirnya miliki wajah. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/678095/rangka-manusia-perak-man-akhirnya-miliki-wajah>, diambil pada 27/2/2021.

- Nik Hassan, S. (1990). Masyarakat Pra-Sejarah dan Perkaitannya dengan Masyarakat Peribumi Semenanjung Malaysia, *JEBAT*, 18: 3-14.
- Sailendra, N.S. (1988). *Ancient India History and Civilization*. New Delhi: New Age International Limited Publisher.
- Stephen, C. & Zuriana, M. (2002). *The Conservation and Preservation of Perak Man from Gunong Runtuh Site in Lenggong Perak, Malaysia*. The International Symposium on the Conservation and Preservation of Java Man Site (Indonesia) and Peking Man Site (China) Solo, Indonesia, 15-20 April.
- Shamsul, A. (2019). Konsep Bangsa Idaman: Sebuah Kupasan Mengenai Usaha Merintis Malaysia Baru. *Syarahana Naratif Malaysia, Anjuran Penang Institute*, Pulau Pinang, 26 Ogos.
- Kheru. (2017). Bersatu Bina Negara Bangsa, *Berita Harian Online*, Mei 23. <https://kheru2006.livejournal.com/tag/credibility>
- Mohammed Anwar, O.D. (2011). Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya, *Jurnal Melayu (7)*: 1 - 82

BAB 6

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SEBAGAI TAPAK INTEGRASI, WAHANA ETIKA DAN PERADABAN

Nazri Muslim, Nik Yusri Musa dan Ateerah Abdul Razak

Objektif:

Memahami konsep asas dan perkara yang melingkapi Perlembagaan Persekutuan di Malaysia.

Hasil Pembelajaran:

1. Menjelaskan konsep tapak integrasi dalam kehidupan bermasyarakat.
2. Menghuraikan definisi dan konsep perlembagaan sebagai asas etika dan peradaban di Malaysia.
3. Menjelaskan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi utama negara.
4. Menganalisis perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kandungan Bab:

1. Konsep Tapak Integrasi (Makro, Meso dan Mikro)
2. Peranan Perlembagaan Persekutuan
3. Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Rakyat
4. Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

PENGENALAN

Malaysia terdiri daripada pelbagai wilayah, etnik bahasa serta agama, dan sebagai rakyat Malaysia yang mementingkan keharmonian dan kesepaduan, maka perlulah difahami bagaimana cara membentuk semangat perpaduan dan integrasi antara masyarakat yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Antara isu-isu yang berkaitan dengan konsep integrasi ini adalah pemahaman tentang kedudukan orang Melayu, raja-raja Melayu, isu agama dan juga bahasa. Justeru, fungsi Perlembagaan Persekutuan amat signifikan dalam memberi panduan kepada konsep pemerintahan negara. Ia juga disebut sebagai kontrak sosial kerana kandungannya meliputi keperluan untuk memenuhi kepentingan pelbagai pihak khususnya masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pihak yang mempunyai kepentingan peribadi sering menyaltahtafsirkan fungsi Perlembagaan Persekutuan sehingga menimbulkan pelbagai krisis dan salah faham dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, masyarakat Malaysia masih mampu mengekalkan keamanan dan tidak timbul pertelingkahan serius yang membahayakan masyarakat lain. Pada masa yang sama, keluhuran Perlembagaan Persekutuan itu terbukti setelah 60 tahun Malaysia mampu mengekalkan keamanan dan keharmonian.

DEFINISI DAN KONSEP TAPAK INTEGRASI

Tapak integrasi juga dikenali sebagai satu ruang yang abstrak dan nyata yang memberi ruang kepada pelbagai kelompok masyarakat yang berbeza agama, etnik dan politik untuk bertemu dan mencari kata sepakat secara aman tanpa pertumpahan darah. Ia wujud dalam pelbagai peringkat iaitu makro, meso dan mikro. Justeru, masyarakat perlu merujuk Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan kemajmukan etika dan peradaban dapat diteruskan oleh generasi yang akan datang.

Antara ciri-ciri tapak integrasi adalah berkaitan dengan satu ruang sosial sama ada abstrak dan nyata. Ia juga menjadi titik pertemuan antara pelbagai kelompok dan berlaku prinsip tawar-menawar (*bargaining*), perundingan (*negotiation*) & pengantaraan (*mediation*). Selain itu, tapak integrasi juga terhasil daripada perbincangan yang mengikut acuan Perlembagaan Persekutuan yang menghasilkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pembahagian Tapak Integrasi

1. Makro (Dari Atas ke Bawah)

Kategori ini lebih bersifat dasar atau undang-undang yang dibuat oleh kerajaan bagi menyediakan tapak integrasi untuk rakyat menyelesaikan isu-isu yang wujud. Dasar ini akan dipantau dan diberi peruntukan oleh kerajaan. Sebagai contoh, Rukun Tetangga (1975) diperkenalkan untuk memberi tumpuan kepada konsep keselamatan dan kejiranan. Ia juga merupakan salah satu proses urbanisasi yang berlaku di antara pelbagai etnik. Selain itu, contoh lain tapak integrasi yang bersifat makro ialah Perlembagaan Persekutuan, politik permuafakatan, sistem pendidikan kebangsaan dan sebagainya.

2. Meso (Bawah ke Atas)

Kategori ini lebih bersifat diusahakan oleh rakyat melalui persatuan, jawatankuasa masjid atau surau, institusi rumah ibadah bagi etnik bukan Islam dan NGO. Bagi badan di luar lingkungan kerajaan dan mempunyai ciri-ciri kesukarelaan seperti NGO, ia juga dikategorikan sebagai salah satu elemen tapak integrasi meso. Ia juga berdaftar dan mempunyai peraturan tertentu dalam sesuatu organisasi, dan tidak meletakkan keuntungan sebagai motif utama penubuhan (*non-profit*). Badan ini juga bersifat pengurusan secara persendirian (*self-governing*) dan dibuat secara sukarela (*voluntary*). Ia juga tidak meletakkan parti politik tertentu kerana ia tidak terlibat secara langsung dengan parti

tertentu (*Non-political*). Selain itu, badan-badan di bawah meso atau disebut NGO merupakan salah satu wahana suara rakyat dan juga sektor penyampaian perkhidmatan (Laila et al., 2016).

3. Mikro (Inisiatif Akar Umbi)

Kategori bersifat mikro ini adalah inisiatif yang diusahakan oleh rakyat atau individu seperti kedai mamak, undangan perkahwinan, kenduri dan lain-lain. Contohnya, kedai mamak dihadiri pelbagai kaum dan menjadi tempat pertukaran budaya, idea dan simbol perpaduan.

DEFINISI DAN KONSEP PERLEMBAGAN

Perlembagaan berasal daripada bahasa Perancis yang bermaksud membentuk. Ia merujuk kepada pembentukan dan penyusunan sesuatu negara. Manakala dalam bahasa Latin, ia disebut *cume* (bersama dengan) dan *statuere* (membuat sesuatu agar dapat mendirikan/ menetapkan). Strong (1972) menjelaskan perlembagaan merujuk kepada suatu kumpulan yang mengurus kekuasaan kerajaan, hubungan antara pemimpin dan rakyat, dan juga perkara yang berkaitan dengan hak-hak yang dimiliki dalam sesebuah negara. Justeru, perlembagaan merujuk kepada undang-undang tertinggi dan kewujudannya tidak boleh ditentang oleh mana-mana pihak. Ia juga dapat menghapuskan mana-mana perkara yang bertentangan dengan kandungan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan (Mohd salleh Abas, 1980). Ia juga didefinisikan sebagai formula kepada petugas awam dalam negara agar pembahagian sesuatu tugas atau perkara lain dapat dilaksanakan secara terbaik (Abdul Aziz Bari, 2001).

Berdasarkan takrifan ini, kita dapat menyimpulkan bahawa perlembagaan merangkumi elemen dasar dan panduan asas dalam pemerintahan sesuatu negara. Ia juga dapat memandu pemimpin negara dalam menjalankan tugas di samping menjadi undang-undang tertinggi

dan batu asas kepada undang-undang lain yang berkaitan. Selain itu, perlembagan juga dapat dijadikan pelan asas dalam pemerintahan dan dapat mempertahankan kesinambungan kepada keharmonian negara. Ia juga terbahagi kepada perlembagaan bertulis dan perlembagaan tidak bertulis. Perlembagaan bertulis merujuk kepada undang-undang atau peraturan yang disusun dalam satu dokumen. Manakala perlembagaan tidak bertulis pula merujuk kepada aspek peraturan yang tidak dikumpul dalam dokumen tertentu, contohnya keputusan mahkamah dan undang-undang yang dipersetujui oleh parlimen seperti United Kingdom. Perlembagaannya terdapat dalam pelbagai akta parlimen, keputusan mahkamah, konvensyen perlembagaan dan fikiran serta pendapat tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang perundangan.

Di dalam Perlembagaan Persekutuan, beberapa badan seperti badan kehakiman, perundangan dan eksekutif yang memperoleh kuasa secara terus daripada perlembagaan dan ia mengandungi 13 Jadual dan 183 Perkara. Di dalamnya merangkumi bidang kuasa eksekutif, legislatif, kewarganegaraan, agama Islam, kedudukan kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak serta lain-lain perkara. Perkara yang menjadi keunikan Perlembagaan Persekutuan adalah ia tidak mempunyai persamaan dengan mana-mana perlembagaan di dunia. Selain itu juga, beberapa nilai seperti pengekalan elemen keagamaan bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan pemerintahan beraja yang merupakan aspek yang mendasari ruang lingkup tempatan.

Manakala pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan boleh dilakukan melalui beberapa cara iaitu:

1. Perkara 159 (4) merangkumi perkara yang boleh dipinda dan memerlukan sokongan 2/3 ahli dewan seperti ikrar dan taat setia, pencalonan dan persaraan ahli Dewan Negara.

2. Perkara 161 (E) yang memerlukan persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak dan juga sokongan 2/3 ahli dewan sekiranya terdapat sebarang pindaan. Contohnya isu yang berkaitan dengan kepentingan Sabah dan Sarawak. Ia berkait rapat dengan isu kedudukan istimewa kaum bumiputera dan juga bidang kuasa kerajaan negeri.
3. Perkara 159 (5) pula menjelaskan bahawa sebarang pindaan perlu mendapat sokongan 2/3 setiap dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja. Perkara ini berkaitan dengan kedudukan istimewa orang Melayu, kedaulatan raja-raja, bumiputera Sabah dan Sarawak, bahasa kebangsaan dan agama persekutuan.

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PERLEMBAGAAN

Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

Pada zaman kemuncak Yunani iaitu antara tahun 624-404 SM, perlembagaan telah terbentuk sebagai satu aspek kehidupan berpolitik dan sejarah menunjukkan bahawa Athena pada ketika itu mempunyai lebih kurang 11 perlembagaan. Tulisan Aristotle sendiri terhasil dengan merujuk kepada 158 buah perlembagaan dari pelbagai negara. Kemudian pada masa pemerintahan Rom, pengertian perlembagaan diperluaskan sebagai aspek peraturan yang disusun oleh pemerintah, termasuk di dalamnya para negarawan, adat kebiasaan setempat dan undang-undang sedia ada.

Di Malaysia, sebelum kewujudan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446-1456), agama Islam telah berkembang lebih awal berdasarkan catatan Prasasti Terengganu (1303). Ia mengandungi beberapa peraturan yang berkaitan jenayah, perniagaan dan pentadbiran. Kemudian Undang-Undang Pahang yang wujud pada

zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Mahaiyuddin Shah (1592-1614), diikuti dengan Undang-Undang Pelabuhan (1650) di Kedah. Kemudian, terdapat juga Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang dibawa masuk ke negeri Perak dari Hadramaut pada zaman Sultan Ahmad Tajuddin Shah (1577-1584), yang menunjukkan bahawa telah terdapat undang-undang secara bertulis di Tanah Melayu pada ketika itu yang lebih menjurus kepada undang-undang Islam. Ini menunjukkan hukum syarak telah digunakan oleh masyarakat Melayu bagi hal ehwal yang melibatkan keagamaan, pewarisan, perkahwinan dan hal-hal tempatan. Namun, hal-hal yang menyentuh ketatanegaraan tidak terdapat dalam undang-undang tersebut.

Antara perlembagaan bertulis terawal di Tanah Melayu adalah Perlembagaan Negeri Johor (1895). Kemudian diikuti dengan Perlembagaan Terengganu pada tahun 1911 yang memperuntukkan bahawa syarat seorang raja adalah baginda mesti berbangsa Melayu dan beragama Islam serta berketurunan sultan Terengganu. Justeru itu, kedua-dua perlembagaan bertulis ini menjadi tapak asas munculnya perlembagaan di negeri masing-masing di Tanah Melayu.

Malayan Union

Selepas berlakunya Perang Dunia Kedua, beberapa idea tercetus untuk mewujudkan negeri persekutuan di Tanah Melayu, seperti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Ia dicadangkan untuk menjadi satu unit politik yang dikenali sebagai Malayan Union (1946). Di dalam agenda tersebut, Singapura dikekalkan sebagai jajahan yang berasingan, dan sultan-sultan akan menganggotai majlis hal ehwal agama Islam yang dipengerusikan oleh Gabenor. Perlembagaan Malayan Union ini memberi hak kerakyatan kepada orang bukan Melayu yang dikenali sebagai prinsip jus soli. Dari segi pentadbiran, gabenor dan Majlis Penasihat bertindak sebagai pemerintah dan kemudian mereka

menubuhkan Majlis Perundangan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, bagaimanapun Malayan Union dibubar setelah mendapat penentangan dari orang Melayu.

Persekutuan Tanah Melayu 1948

Satu pertemuan telah diadakan di King's House di Kuala Lumpur dalam bulan Julai 1946. Dalam pertemuan ini, Sultan Perak bagi pihak sultan-sultan, telah menyerahkan cadangan perlembagaan yang baharu kepada Sir Edward Gent. Akhirnya, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan bagi menggantikan Malayan Union. Di dalam sistem ini, kerajaan pusat mempunyai kuasa dalam semua perkara namun kuasa negeri-negeri masih dikekalkan dan bidang kuasa raja-raja dalam urusan adat istiadat, hal ehwal agama dapat diurus dengan baik. Ia diisytihar pada 1 Februari 1948 yang merangkumi sembilan negeri-negeri Melayu dan dua daripadanya iaitu Pulau Pinang dan Melaka adalah Negeri Selat. Manakala Singapura dikategorikan sebagai Tanah Jajahan Mahkota kerana orang Melayu beranggapan bahawa sekiranya Singapura digabungkan, maka orang Cina akan menguasai Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya Reid

Suruhanjaya Reid (1956) ditubuhkan setelah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu digubal, dan ahli-ahli Suruhanjaya Reid terdiri daripada Lord Reid, B. Malik, Sir William Mckell, dan Hakim Abdul Hamid. Ia bermula dengan menjemput pertubuhan dengan mengemukakan memorandum dengan menganalisis kembali beberapa unit perlembagaan dalam Persekutuan, di samping lawatan ke negeri-negeri Melayu dan juga Negeri Selat. Selain itu, mereka membuat pertemuan antara raja-raja, Menteri Besar, Penasihat British serta pegawai-pegawai Negeri Selat. Ia bertujuan meneliti aspek-aspek

perlembagaan yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan mengambil kira autonomi Baginda Ratu dan raja-raja Melayu dengan mencadangkan bahawa satu perlembagaan yang berbentuk persekutuan ditubuhkan bagi keselarasan seluruh negeri. Ia juga mengambil kira aspek pemerintahan diri dalam Komanwel berteraskan demokrasi berparlimen yang mengandungi badan perundangan dwidewan.

Antara objektif Suruhanjaya Reid ialah memberi peluang kepada pertumbuhan sebuah negara agar membentuk sifat bebas, demokratik dan bersatu padu. Ia juga perlu menyediakan kemudahan asas kepada pembangunan negara ke arah peningkatan taraf hidup rakyat.

Jawatankuasa Kerja atau *Working Party*

Hasil persepakatan perbincangan daripada pihak pemerintah seperti raja-raja Melayu dan penjajah Inggeris, mereka telah menilai semula cadangan Suruhanjaya Reid kerana terdapat pelbagai tentangan. Jawatankuasa yang dikenali sebagai *Working Party* telah diberi tanggungjawab bagi mengeluarkan Kertas Putih, iaitu laporan hasil semakan penelitian Suruhanjaya Reid yang diserahkan pada tahun 1957 kepada Baginda Ratu dan raja-raja Melayu.

Perisytiharan Perlembagaan

Satu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (1957) telah ditandatangani dan ia merangkumi Perlembagaan Persekutuan yang baharu dan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka. Ia juga telah membatalkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Di United Kingdom, Akta Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah diluluskan dan memberi kuasa undang-undang kepada perlembagaan dan membatalkan perintah dalam Majlis Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Di peringkat Persekutuan, Ordinan Perlembagaan Persekutuan 1957 telah dikanunkan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Manakala di setiap negeri pula, suatu Enakmen Negeri telah diluluskan dan memberi kuasa undang-undang kepada Perlembagaan Persekutuan. Kemudian ia diperbaharui apabila Singapura, Sabah dan Sarawak disatukan dengan Tanah Melayu dan membentuk Malaysia pada 16 September 1963. Etnik bumiputera di Sabah dan Sarawak mendapat status yang sama sebagaimana orang-orang Melayu iaitu mereka turut dimasukkan ke dalam Perkara 153. Pada tahun 1963, perjanjian yang dibuat merupakan persepakatan antara pemimpin Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak yang dikenali sebagai Perkara Dua Puluh. Ia mengandungi persetujuan Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia dan ia termasuklah perkara yang berkaitan dengan imigresen, bahasa, kewangan dan hak istimewa bumiputera Sabah dan Sarawak. Ia terkandung dalam Senarai II dan Senarai III dan perkara yang berkaitan dengan peruntukan tambahan bagi rakyat Sabah dan Sarawak.

TIANG SERI PERLEMBAGAAN

Sebelum kewujudan Perlembagaan Persekutuan, Tiang Seri telah ada beberapa ratus tahun dahulu dan ia menjadi pencetus kewujudan identiti Malaysia agar persefahaman dan perpaduan dapat dipupuk. Ia juga merupakan satu kontrak sosial yang dipersetujui semasa penggubalan perlembagaan. Kemudian ia juga mengambil kira beberapa aspek seperti pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan juga kedudukan istimewa orang Melayu. Hal ini diambil kira berdasarkan aspek sejarah, ekonomi, sosial yang wujud pada tahun 1957, dan ini membuktikan bahawa pentingnya elemen tradisi yang dilindungi di bawah Akta Hasutan dan dikategorikan sebagai perkara yang sensitif dan tidak boleh dijadikan isu perbincangan pihak awam.

Kesultanan atau Pemerintahan Beraja

Pemerintahan beraja secara tradisinya telah ada sejak berabad-abad lamanya dan raja berkuasa mutlak dalam pentadbiran negeri dan dibantu oleh pembesar-pembesar tertentu. Sebelum Perang Dunia Kedua (1939-1945), sultan memiliki daulat dan berkuasa penuh dalam negeri masing-masing. Namun, terdapat perjanjian yang memerlukan sultan menerima nasihat pemerintah British kecuali isu-isu yang berkaitan dengan agama. Selepas kemerdekaan, institusi beraja dipinda dan disesuaikan mengikut demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Mereka dikehendaki mengambil kira nasihat menteri dan perlu bertindak selari dengan nasihat itu. Secara umumnya, merujuk Perkara 40 yang menjelaskan bahawa YDP Agong perlu menurut nasihat melainkan perkara yang terletak dalam budi bicara baginda. Dalam hal ini, perlu diambil kira Perkara 4(1) di dalam Perlembagaan Persekutuan. Antara isi kandungannya ialah YDPA Agong perlu bersumpah memberikan taat setia dalam menjalankan pemerintahan. Selain itu, baginda berikrar untuk menjaga agama Islam setiap masa dan berdiri di atas pemerintahan yang adil dan aman. Selain daripada YDP Agong, Jemaah menteri, ahli parlimen, hakim dan ahli suruhanjaya juga perlu berikrar sebelum menjalankan tugas masing-masing. Ini dapat difahami bahawa nasihat yang disebut dalam Perkara 40 itu adalah bersifat tidak mutlak. Sebagai contoh, sebarang nasihat yang dibuat tidak boleh bercanggah dengan konteks perlembagaan. Sekiranya didapati tidak selari dengan isi kandungan perlembagaan, maka nasihat itu terbatal (Wan Ahmad Fauzi, 2018).

Manakala di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong mestilah dilantik dalam kalangan sultan yang dipilih daripada sembilan buah negeri Melayu. Sekiranya tidak mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja, maka sebarang undang-undang yang berkaitan dengan keistimewaan, kemuliaan dan kedudukan atau kebesaran raja-

raja tidak boleh diluluskan, seperti yang terdapat dalam Perkara 38(4). Ia merupakan elemen yang tidak boleh dipinda, iaitu perkara yang berkaitan dengan susunan keutamaan dalam sistem pemerintahan raja-raja tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Agama Islam

Perkara 3 (1) merupakan aspek yang berkaitan dengan agama Islam sebagai agama persekutuan. Hal ini dibina berdasarkan penelitian terhadap penduduk Tanah Melayu yang mempunyai pelbagai etnik. Ini adalah disebabkan kemasukan imigran semasa penjajahan British dan agama lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha wujud dalam komuniti Tanah Melayu. Oleh itu, perkara 3 (1) membolehkan pengamalan agama lain secara aman seperti menguruskan institusi agama masing-masing dan mentadbirnya mengikut pentadbiran yang selari dengan undang-undang di Malaysia.

Bahasa Melayu

Bahasa kebangsaan telah diperincikan dalam Perkara 152 iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan secara aplikasinya perlu digunakan untuk maksud-maksud rasmi. Bagaimanapun, bahasa lain juga dilindungi dan ia dibenarkan (selain daripada maksud rasmi) untuk diguna pakai semasa mengajar atau belajar bahasa lain. Bahasa kebangsaan juga menjadi medium pertuturan umum dan bahasa rasmi negara selain menjadi simbol perpaduan rakyat Malaysia.

Kedudukan Istimewa Orang Melayu

Melalui Perkara 153 ini, kedudukan istimewa orang Melayu dihuraikan dan ia menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi hak istimewa kaum Melayu, bumiputera dan

kepentingan sah kaum lain. Kedudukan istimewa orang Melayu perlu diseimbangkan dengan hak etnik lain seperti isu kewarganegaraan, hak untuk mengamalkan agama masing-masing, penggunaan bahasa ibunda dan juga mendapat layanan yang adil. Keistimewaan ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu dari segi perkhidmatan awam, pemberian biasiswa, dan lesen perniagaan. Selain Perkara 153, ia juga dijelaskan dalam Perkara 89 dan 90 iaitu berkaitan dengan tanah rizab orang Melayu yang dilindungi daripada diselenggara oleh orang bukan Melayu. Manakala perkhidmatan orang Melayu di dalam Rejimen Askar Melayu di had kepada orang Melayu sahaja, dan ia diperincikan dalam Perkara 8(5).

Isu Semasa Berkaitan Perlembagaan: Konvensyen Perlembagaan

Di Malaysia, pentafsiran perlembagaan itu dilihat lebih diutamakan daripada konvensyen perlembagaan. Ini kerana bagi sesebuah negara yang baru merdeka, ia merupakan sesuatu perkara yang baharu untuk diamalkan. Tambahan pula, sesebuah negara perlu kepada pengalaman yang agak lama untuk mengaplikasi konsep konvensyen perlembagaan. Ia juga perlu diamalkan beberapa kali sebelum dijadikan konvensyen. Namun, setelah lebih 61 tahun mencapai kemerdekaan, adakah konvensyen perlembagaan itu diambil kira dan difahami oleh masyarakat Malaysia apabila timbul isu yang melibatkan Perlembagaan Persekutuan?

Konvensyen perlembagaan adalah berkait rapat dengan kontrak sosial dan ia merupakan persetujuan yang disepakati dan diterima oleh orang Melayu dan bukan Melayu. Contohnya orang bukan Melayu mematuhi undang-undang yang berkait rapat dengan kedudukan istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan institusi beraja dikekalkan. Sebagai imbuhan, orang bukan Melayu diberi status warganegara Malaysia dan mendapat peluang untuk mengundi dan seumpamanya. Selain

itu, pelantikan jawatan Perdana Menteri Malaysia dipilih dalam kalangan individu yang memenangi pilihan raya dan mendapat sokongan majoriti dalam Dewan Rakyat. Kemudian pemilihan pentadbir utama kerajaan terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Hakim Negara, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Setiausaha Negara, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya dan sebagainya. Kesemua aspek yang disebut di atas adalah merupakan amalan konvensyen perlembagaan kerana ia termasuk dalam isu melindungi hak istimewa orang Melayu. Ia juga sebagai platform untuk memberi peluang kepada orang Melayu dalam pelantikan utama jawatan kerajaan walaupun di dalam perlembagaan tidak meletakkan syarat pelantikan tersebut adalah dalam kalangan orang Melayu dan beragama Islam. Seterusnya, tanggungjawab bersama dalam Kabinet Malaysia adalah merujuk kepada pematuhan dasar yang ditetapkan oleh kabinet walaupun terdapat seorang menteri yang tidak bersetuju dengan keputusan tersebut. Oleh itu, sekiranya seorang menteri tidak bersetuju dengan keputusan kabinet, maka ia perlu meletak jawatan sebagai menteri. Perkara yang dibincangkan ini tidak disebut secara langsung di dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi ia diterima pakai sebagai sebahagian daripada konvensyen perlembagaan.

Justeru, amat penting bagi rakyat Malaysia untuk memahami konsep konvensyen perlembagaan dan perlu seiring dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana konsep pentafsiran perlembagaan adalah selari dengan aplikasi dalam konvensyen perlembagaan, sejarah Malaysia, isu politik, sosial dan ekonomi. Sekiranya rakyat mampu memahami dengan baik, maka sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan perlembagaan dapat diselesaikan dengan cara yang baik oleh rakyat Malaysia.

Isu Semasa Berkaitan Perlembagaan: Tergadaikah Islam Pasca Pru-14?

Kemenangan Pakatan Harapan (PH) berdasarkan PRU 14 pada 10 Mei 2018 telah menimbulkan pelbagai persepsi kepada rakyat Malaysia. Isu seperti tercabarnya kedudukan Islam, pembubaran JAKIM, pelantikan Peguam Negara, mempertikaikan peranan institusi beraja, berkembangnya pemikiran liberal dan sebagainya. Ini dapat ditunjukkan melalui beberapa kes yang menjadi perbincangan masyarakat seperti Azlina Jailani, Kamariah Ali, Muhammad Abdullah@Moorthy, desakan meminda atau memansuhkan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, cadangan penubuhan Interfaith Commission of Malaysia (IFC), penubuhan kumpulan pendesak hak kebebasan beragama yang dikenali sebagai Article 11 dan lain-lain.

Oleh itu, isu ini perlu dikaji melalui aspek Perlembagaan Persekutuan kerana kita perlu memahami bahawa terdapat perbezaan antara pindaan akta dan perlembagaan. Pindaan akta hanya memerlukan sokongan majoriti mudah dalam Dewan Rakyat yang terdapat 222 kerusi, maka majoriti mudah ialah 112. Justeru, ahli parti yang berjaya mendapat majoriti ini, mereka mudah untuk membuat pindaan, seperti Akta Hasutan, Akta Universiti, Akta Berita Palsu, dan sebagainya. Hal ini terdapat perbezaan dengan pindaan perlembagaan, contohnya:

1. Perkara 159(4): Pindaan boleh dibuat sekiranya mendapat sokongan 2/3 ahli dewan, contohnya sumpah dan ikrar taat setia, pemilihan dan persaraan ahli Dewan Negara.
2. Perkara 159(5): Pindaan boleh dibuat sekiranya mendapat sokongan 2/3 ahli dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja seperti kedaulatan raja-raja, kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, bahasa kebangsaan dan agama persekutuan.

3. Perkara 161(E): Pindaan boleh dibuat sekiranya mendapat sokongan 2/3 ahli dewan dan persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak bagi melibatkan kepentingan Sabah dan Sarawak seperti bidang kuasa kerajaan negeri dan kedudukan istimewa bumiputera.

Berdasarkan perkara di atas, maka dapat dilihat bahawa proses pindaan amat sukar untuk dilakukan kerana memerlukan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Sejarah menunjukkan bahawa selepas pilihan raya pada tahun 2008, kerajaan tidak mendapat majoriti 2/3. Oleh itu, jelaslah bahawa sebarang pindaan tidak boleh dilakukan. Pindaan terhadap Islam, Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, bahasa kebangsaan, kedudukan raja-raja Melayu dan kewarganegaraan ditambah dengan syarat lain iaitu di samping perlu 2/3 undi majoriti, pindaan kepada perkara tersebut perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja Melayu. Justeru, mana-mana parti sama ada Pakatan Harapan, Barisan Nasional mahupun Parti Tindakan Demokratik (DAP), sekiranya mereka mendapat majoriti lebih 2/3, mereka perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja. Perlu diketahui juga bahawa peruntukan Islam dalam perlembagaan bukan hanya terbatas dalam Perkara 3 iaitu Islam adalah agama persekutuan, tetapi juga meliputi Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12, Perkara 121, Perkara 150 dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam.

Isu Semasa Berkaitan Perlembagaan: Diskriminasi Perlindungan

Dalam menganalisis orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan, perlu dilihat konsep diskriminasi perlindungan yang menguatkan lagi perkaitan antara perlembagaan dan hubungan etnik di Malaysia. Sebelum dijelaskan konsep diskriminasi perlindungan, perlu difahami apakah yang dikatakan dengan diskriminasi? Diskriminasi ditakrifkan sebagai suatu perlakuan membeza-bezakan dalam suatu hal kerana

warna kulit, keturunan dan lain-lain. Diskriminasi juga membawa maksud layanan berbeza-beza yang diberikan kepada orang atau kumpulan orang di dalam suasana yang sama atau berbeza.

Diskriminasi perlindungan juga adalah salah satu peruntukan yang perlu diiktiraf dalam sesebuah negara majmuk bagi mengukuhkan perlembagaan sesebuah negara itu. Dalam konteks diskriminasi perlindungan ini, setiap golongan dan etnik dalam negara akan diberi perlindungan dan hak istimewa dan mereka mendapat peluang dari segi perkhidmatan awam, pendidikan, ekonomi, dan lain-lain. Manakala golongan yang dilihat ketinggalan akan mendapat bantuan supaya kehidupan mereka dapat dinaik taraf dan bersaing antara etnik yang lain. Sebagai contoh, India melaksanakan konsep diskriminasi perlindungan kerana mereka mempunyai penduduk yang pelbagai latar belakang dari segi bahasa, agama dan budaya. Perbezaan ini sedikit sebanyak memberi kesan negatif kerana sebahagian daripada mereka akan mundur dan kebanyakannya adalah puak minoriti. Justeru, Perlembagaan India memperuntukkan perlindungan kepada mereka.

Dalam Perlembagaan India, Perkara 46 yang memperuntukkan bahawa kerajaan perlu memberi perlindungan istimewa untuk memastikan kemajuan rakyat dari segi ekonomi dan pelajaran. Ini adalah hak yang diberi kepada sesuatu kumpulan yang mundur khususnya 'kasta yang dijudualkan' atau 'puak yang dijudualkan'. Begitu juga dengan Perkara 15(1) yang menggariskan bahawa kerajaan tidak boleh mendiskriminasikan mana-mana warganegara atas alasan agama, bangsa, kasta, jantina atau tempat lahir. Tetapi Perkara 15(4) pula memperuntukkan pengecualian iaitu tiada apa-apa dalam Perkara ini atau dalam Perkara 24(2) yang boleh menghalang kerajaan daripada membuat apa-apa peruntukan istimewa untuk kemajuan sosial dan ekonomi kepada golongan masyarakat yang ketinggalan. Maka konsep diskriminasi perlindungan yang diguna pakai di India juga dilihat sebagai meraikan golongan yang miskin dan mundur,

selain daripada perlindungan kepada 'kasta yang dijadualkan' dan 'puak yang dijadualkan'.

Hal ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana terdapat peruntukan yang lebih kurang sama dalam perlembagaan lain, khususnya dalam masyarakat pelbagai etnik seperti Perlembagaan India (keistimewaan golongan Angola-Indian di India). Contohnya, keutamaan dalam lantikan dalam perkhidmatan tertentu seperti kereta api, pos, kastam dan perkhidmatan telegraf, Perlembagaan Cyprus (peruntukan kuasa-kuasa antara golongan Greek dan Turki mengikut perwakilan dalam Dewan

Jemaah Menteri, Dewan Perwakilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan perkhidmatan awam dengan nisbah asalnya 70:30). Kebanyakan daripada peruntukan ini adalah bersifat langkah sementara untuk menjamin pertandingan yang adil atas dasar yang sama. Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan boleh dibandingkan dengan diskriminasi perlindungan dalam Perlembagaan India adalah satu cara perlembagaan untuk memajukan etnik dan kasta yang ketinggalan (Nazri, 2011).

Selain daripada itu, satu sistem sosial yang wujud sejak beribu-ribu tahun, tidak boleh sewenang-wenangnya dilupakan dengan pengambilan satu ayat persamaan. Adalah dengan itu mustahak untuk memperbuat undang-undang selain dari peruntukan umum Perkara 14 yang memberi satu darjah diskriminasi bagi memelihara golongan masyarakat yang tertinggal di belakang, yang juga boleh mempercepatkan proses persamaan (dalam Hashim Yeop Sani, 1980).

Konsep ini juga wujud di Malaysia, contohnya dalam Perkara 153 yang memberi hak istimewa kepada etnik Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sejarah menunjukkan bahawa kedatangan Inggeris di Tanah Melayu adalah hasil perjanjian antara raja-raja Melayu dan Inggeris. Kita dapat lihat bahawa kedaulatan raja-raja Melayu tidak dipertikai, contohnya dalam perjanjian antara raja-raja di setiap negeri dapat melengkapi perjanjian Persekutuan

Tanah Melayu 1948. Ia menunjukkan hasrat secara umum, contohnya perjanjian menyatakan bahawa sebagaimana raja-raja berkehendakkan dan baginda bersetuju bahawa adalah menjadi tanggungjawab ke atas kerajaan negeri itu untuk menyediakan dan menggalakkan perkembangan pelajaran dan latihan kepada penduduk Melayu dalam negeri itu. Pada Februari 1952, General Templer iaitu Pesuruhjaya Tinggi British telah menerima arahan dari Setiausaha Negara British untuk negeri-negeri jajahan yang mengandungi polisi kerajaan British terhadap Persekutuan Tanah Melayu. Di antara arahan tersebut ialah untuk mendapatkan satu bangsa Malaya yang bersatu mestilah ada satu formula umum kerakyatan untuk semua yang menganggap Persekutuan ini atau mana-mana bahagian darinya sebagai tempat tinggal sebenar mereka dan objek kesetiaan mereka, satu bangsa Malaya yang bersatu dan ideal tidak melibatkan mana-mana golongan meninggalkan kebudayaan dan kebiasaan dan adat resam, tetapi sebelum ianya dapat dicapai, orang Melayu mestilah diberi galakan dan pertolongan untuk memainkan peranan mereka dalam kegiatan ekonomi di negeri ini bagi membolehkan ketidakseimbangan ekonomi pada masa ini dibetulkan.

Sebagai balasan kepada isu kerakyatan bersama, kajian semula mengenai draf Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dengan mengambil kira aspek kedudukan istimewa orang Melayu dan Jawatankuasa Kerja mencadangkan agar disahkan semula perkara tersebut. Penilaian semula ini terdapat dalam Perkara 19 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu iaitu berkaitan dengan tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi untuk memelihara hak, kuasa dan institusi raja-raja Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu bersama dengan kepentingan yang sah kaum lain. Peruntukan ini adalah berasal daripada Perkara 153.

Dalam perdebatan Dewan Perundangan pada mesyuarat kali ke-13 dan ke-14, sesi kedua Dewan Perundangan Kedua Persekutuan Tanah Melayu 1956, Menteri Kewangan telah menjelaskan bahawa:

“Golongan Melayu terhimpit dari segi ekonomi, dalam Persekutuan Tanah Melayu yang kaya, tidak akan memberi erti Persekutuan Tanah Melayu yang aman. Golongan Melayu yang terhimpit dari segi ekonomi tidak akan mencapai darjah kerjasama yang diharapkan dengan golongan bukan Melayu yang lebih kaya. Oleh kerana itu, adalah untuk kepentingan jangka masa panjang kita semua untuk membantu sebarang langkah yang membolehkan saudara Melayu kita untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka... pendirian dan sikap demikian adalah didorongkan bukan sahaja dari perasaan belas kasihan tetapi juga dari fikiran yang waras (dalam Hashim Yeop Sani 1980).”

Secara ringkasnya dapatlah dinyatakan bahawa diskriminasi perlindungan itu dibuat dengan tujuan berikut iaitu:

Diskriminasi perlindungan diadakan bertujuan untuk:

1. Membentuk keseimbangan politik dalam sesebuah negara yang majmuk dan baru mendapat kemerdekaan. Seperti di Malaysia, keutamaan dalam perkhidmatan awam dibuka kepada golongan Melayu supaya mereka berpeluang menguasai politik negara. Ini kerana pegawai kerajaan memainkan peranan yang penting untuk pelaksanaan polisi dan pemerintahan. Begitu juga dengan institusi ketenteraan dan polis yang majoritinya dibuka kepada orang Melayu untuk motif yang sama.

2. Diskriminasi perlindungan juga meraihan puak minoriti agar negara dapat mempertahankan kepentingan mereka. Contohnya, Perlembagaan India memberi ruang kepada golongan minoriti untuk mendapat hak mempertahankan penggunaan bahasa, budaya dan mengamalkan kepercayaan.
3. Diskriminasi perlindungan memberi ruang kepada golongan yang sebelum ini mendapat keutamaan supaya perubahan yang mendadak tidak berlaku dalam sistem pemerintahan. Jika keistimewaan yang dikecapi oleh kumpulan terdahulu ditarik balik, sudah tentu ia akan menimbulkan krisis dan kemarahan kumpulan tersebut. Contohnya, hak keistimewaan orang Melayu telah wujud sekian lama hasil perjanjian antara penjajah Inggeris dengan raja-raja Melayu.
4. Perlembagaan memberi peluang kepada kerajaan untuk menaik taraf kehidupan dari segi ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat yang mundur. Diskriminasi perlindungan ini mampu membangunkan masyarakat yang agak ketinggalan supaya dapat bersaing antara satu sama lain.
5. Diskriminasi perlindungan juga wujud hasil kompromi antara kaum tertentu semasa penggubalan perlembagaan. Sesuatu yang diberi kepada kumpulan lain bererti kumpulan memberi itu berhak kepada beberapa keistimewaan yang lain. Sebagai contoh, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa taraf kewarganegaraan yang diberi kepada kaum pendatang harus diganti dengan pemberian beberapa keistimewaan kepada kaum bumiputera atau apa yang dikenali sebagai Kontrak Sosial.

KESIMPULAN

Di Malaysia, pendekatan yang digunakan ialah pendekatan perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan adalah hasil proses tawar-menawar antara tiga etnik terbesar pada ketika itu yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India melalui UMNO, MCA dan MIC. Proses tawar-menawar tersebut telah mewujudkan keseimbangan kepentingan pelbagai etnik dalam Perlembagaan Persekutuan sekarang. Jelasnya pada tahun 1957, sewaktu penggubalan perlembagaan, orang Melayu dan bukan Melayu begitu menjaga kepentingan mereka bagi sebuah negara yang merdeka. Orang Melayu bukan sahaja prihatin terhadap sosioekonomi mereka, tetapi juga tentang kedudukan mereka. Namun, ini tidak menghalang setiap etnik untuk bekerjasama dan akhirnya bersetuju dalam beberapa perkara seperti kerakyatan yang longgar, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Maka perkara ini perlu difahami oleh setiap lapisan masyarakat khususnya generasi muda agar sentiasa berlapang dada dalam sesuatu isu yang melibatkan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan. Ini sepertimana yang pernah dinyatakan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-215 iaitu Islam dan orang Melayu merupakan asas utama pembentukan negara Malaysia. Keadaan ini yang menjadikan perlembagaan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban.

RUJUKAN

- Abdul, A.B. (2001). *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, I. (1987). Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Dlm. Mohamed Suffian Hashim, H.P Lee dan F.A Trindade. *Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya 1957-1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Brita, S.W. (1977). *Discrimination on Groups of Nationality*. Holland: North-Holland Pub. Co.
- Faridah, J. (2007). Perlembagaan Persekutuan Menangani Cabaran Semasa dan Mendatang. Dlm. Faridah Jalil (penyt.). *Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman*. Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM.
- Fernando, J.M. (2002). *The Making of the Malayan Constitution*. Kuala Lumpur: JMBRAS.
- Hashim, Y. (1973). *Perlembagaan Kita*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.
- Laila, S.A., Mohd Dino, K.S., Nik Nor Suhaida, A. (2016). Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia, Prosiding Konferens Antarabangsa Kerajaan dan Perhubungan Awam (*Proceeding of The International Conference on Government & Public Affairs*) (ICOGPA) ISBN 978-983-44661-7-6
- Mansor, M.N, Abdul, R. & Mohamad, A.I. (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Mohamed, S.H. (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd, S.A. (1984). Sejarah Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd, S.A. (1985). Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri, M. & Ahmad, Z.H. (2014). Student Perceptions on Islamic Provisions in the Federal Constitution in the Context of Ethnic Relations in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(9): 1621-1640.
- Nazri, M. & Azizi, U. (2017). Malays Royal Institution According to the Federal Constitution Within the context of Ethnic Relations in Malaysia. *Akademika*, 87(1): 35-48.
- Nazri, M. & Mansor, M.N. (2014). Ethnic Tolerance among Students of Public Higher Learning Institutions in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 29(3): 388-401.

- Nazri, M., Jamsari, A., Wan, Z., Azizi, U., & Nasaruddin, Y. (2013). Analisis Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu*, 11: 63-78.
- Nazri M., Wan, Z. W, Jamsari, A., Norazila, M. & Abdullah, I. (2019). Malaysia Federal Constitution from Constitutional Sociology Contexts. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 14(11): 3761-3770.
- Nazri, M., Zaharah, H., & Abdul, L.S. (2011). Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. SARI: *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 29 (1): 103-120.
- Nazri, M. (2011). *Kedudukan Orang Melayu dari Sudut Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri, M. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan, *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. 2(2): 121-127.
- Nazri, M. (2014). Peranan Institusi Raja-Raja Melayu Menurut Perlembagaan dalam Memelihara Kedudukan Melayu. *Melaka Journal of Heritag*, 4: 39-52.
- Nazri, M. (2015). Level of Acceptance among Public Institution of Higher Learning towards the Institution of Malay Rulers According to Federal Constitution of Malaysia, *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4): 153-164.
- Nazri, M. (2016). Kefahaman dan Penerimaan Belia Terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 14: 29-54.
- Nazri, M. (2017). Raja dan Rakyat Berpisah Tiada. *Dewan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Mac.
- Nazri, M. (2018). Bagaimana Hak Istimewa Melayu Boleh Tergugat, *Berita Harian*, 11 Ogos.
- Nazri, M. (2018). Fahami Konsep Diskriminasi Perlindungan, *Berita Harian*, 12 Disember.
- Nazri, M. (2018). Isu Negara Islam, Sekular Kembali Dibahaskan, *Berita Harian*, 18 Jun.
- Nazri, M. (2018). Kedudukan Islam, Raja Melayu Kekal Terpelihara, *Berita Harian*, 30 Jun.
- Nazri, M. (2019). Interaksi Kaum Berpaksi Kemaslahatan, *Berita Harian*, 28 Mac.
- Nazri, M. (2019). Islam Hormati Perbezaan Agama, Bangsa, *Berita Harian*, 18 Februari.

- Nazri, M. (2019). Perkasa Agenda Memasyarakatkan Perlembagaan. *Berita Harian*. 26 Januari.
- Nazri, M. (2020). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Nazri, M. (2020). Usah Tafsir Perlembagaan Secara Harfiah, *Berita Harian*, 11 Januari.
- Seervai, H.M. (1976). *Constitutional Law of India*, University of Virginia: Tripathi.
- Shamrahyu A. Aziz. (2020). Kuasa dan Peranan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan: Sejarah dan Masa Depan, <http://www.arkib.gov.my/documents/10157/6f1c6800-188b-4885-8ba8-698102207ad1>.
- Shamsul, A.B. (Ketua Pnyt.). (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: UPENA.
- Wan, Ahmad Fauzi, W.H. (2018). Maksud nasihat mengikut Perlembagaan Persekutuan, *Berita Harian Online*, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/06/435013/maksud-nasihat-mengikut-perlembagaan-persekutuan> diambil pada 27/2/2021.

TOPIK 7
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI PENGGERAK KESEPADUAN
NASIONAL DI MALAYSIA

Nur Azuki Yusuff dan Ali Salman

Objektif:

Memahami teknologi maklumat dan komunikasi (*Information Communication Technology* (ICT)) sebagai penggerak kesepaduan nasional di Malaysia.

Hasil Pembelajaran:

1. Menghuraikan hubungan manusia dan teknologi.
2. Membincangkan etika dan peradaban dalam penggunaan ICT.
3. Menganalisis isu semasa ICT di Malaysia.

Kandungan Bab:

1. Evolusi dan Pengglobalan Teknologi
2. Konsep Hubungan Manusia dan Teknologi
3. Etika dan Peradaban dalam Penggunaan ICT
4. ICT Tapak Pengukuhan Kesepaduan Nasional
5. Isu Semasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

PENDAHULUAN

Pemantapan kesepaduan nasional berpaksikan etika dan peradaban Malaysia perlu seiring dengan perkembangan teknologi terkini, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi. ICT merupakan tapak digital yang memberi ruang kepada masyarakat berinteraksi dan membina jaringan sosial. Aplikasi digital seperti WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram, Telegram dan Zooms contohnya telah menjadi latar hidup masyarakat generasi semasa. Selain menjadi pemangkin sistem komunikasi, wujud juga isu-isu defisit sosial yang sering dibahaskan dalam pelbagai ruang sehingga ke dalam ruang digital. Secara fenomenologinya, ekoran tiada institusi sejagat yang mengawal perkembangan ini, ICT boleh menjadi alat dan sistem komunikasi yang merapatkan (positif) dan juga menjarakkan hubungan sosial (negatif). Isu berleluasanya berita palsu dan ucapan kebencian melalui tapak digital, sangat dibimbangi oleh kerajaan dan orang awam. Kini, persoalan yang perlu dijawab ialah bagaimana kesepaduan nasional di Malaysia mampu dikukuhkan dengan penghayatan etika dalam penggunaan ICT?

EVOLUSI DAN PENGGLOBALAN TEKNOLOGI

Internet merupakan rangkaian komputer terbesar di dunia yang membenarkan maklumat secara global dapat dicapai. Pada mulanya Bolt, Beranek, dan Newman, Inc., (BBN) telah mereka bentuk satu rangkaian yang dikenali sebagai *Advanced Research Projects Agency Network (ARPANET)* pada tahun 1969 untuk kegunaan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat dan hanya menghubungkan empat nod atau hos sahaja iaitu Universiti California di Los Angeles, SRI International, Universiti California di Santa Barbara dan Universiti Utah (Nor Azah, 2009). Tiga tahun kemudian ARPANET terus

berkembang dengan menghubungkan lebih daripada 20 komputer. Sejarah permulaan rangkaian komputer di dunia ini seterusnya dikenali sebagai Internet (Greenlaw, Raymond & Hepp, 2002).

Rangkaian atau jaringan komputer yang tercipta inilah yang membolehkan berlakunya interaksi dan perkongsian maklumat di antara penggunanya (Schneider & Evans, 2002). Struktur Internet pula terdiri daripada talian telefon, kabel, gentian optik, dan alat komunikasi lain yang saling bersambung di antara satu sama lain merentasi kawasan terpencil, negara, malahan benua (Mohd Juzaidin Abd. Aziz et al., 2003).

Teknologi maklumat pula merujuk kepada perkembangan teknologi memproses data menjadi maklumat menggunakan komputer, disimpan dan boleh diguna semula apabila diperlukan untuk sesuatu tujuan. Sebelum ini, maklumat dikongsikan melalui sistem rangkaian komputer sahaja. Kemudiannya, teknologi komunikasi diperkenalkan bagi memajukan sistem komunikasi analog kepada digital sehingga membolehkan data, maklumat dan suara digerakkan melalui jaringan komunikasi berasaskan talian telefon, fiber optik dan satelit.

Di Malaysia, ICT sebagai konsep teknologi berkaitan maklumat dan komunikasi mula diperkenalkan seiring dengan perkembangannya di peringkat global. Istilah *Information Communication Technology* meliputi makna yang dapat dilihat kini, bagaimana bentuk *apps* transaksi dan komunikasi berasaskan platform Internet dan digital muncul dalam peranti *smart phone* sebagai pengantara teknologi maklumat dan komunikasi terkini. Teknologi ini berevolusi dalam pelbagai bidang berkaitan kehidupan masyarakat sejak kewujudan manusia lagi. Ia telah mempengaruhi semua bidang seperti tadbir urus, pertanian dan pemakanan, pembinaan, pengangkutan, teknologi maklumat dan teknologi komunikasi secara menyeluruh. Kini, teknologi digital berasaskan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* (AI)) dan Internet benda (*Internet of Things* (IoT)) turut berkembang pesat seiring dengan keperluan pengguna dan perkembangan revolusi industri 4.0.

Evolusi dan pengglobalan teknologi telah memberi banyak manfaat dalam kehidupan manusia. Namun begitu, tidak dapat dinafikan juga wujud situasi penyalahgunaan teknologi oleh pengguna yang memudaratkan, sehingga mencetuskan kejatuhan ekonomi dunia dan lain-lain lagi. Teknologi secara khususnya tidak boleh disalahkan. Sebaliknya, manusia sebagai penghasil dan pengguna teknologi perlu bertanggungjawab sepenuhnya.

Pembinaan kesepaduan nasional yang sekali gus mewujudkan peradaban majmuk Malaysia sangat dipengaruhi oleh perkembangan teknologi semasa. ICT sebagai tapak digital yang wujud dalam bentuk Internet, aplikasi digital, Facebook, Instagram dan berbagai-bagai lagi. Manusia kini menggunakan pelbagai *apps* dan *group* media sosial untuk menjalani suatu bentuk kehidupan baharu.

EVOLUSI TEKNOLOGI DAN ICT DI MALAYSIA

Perancangan pengembangan teknologi di Malaysia sudah dirangka pada zaman Tun Razak sebagai Perdana Menteri lagi. Ia boleh dibuktikan pada kandungan bahagian pertama Rukun Negara yang dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1970) yang ke-13. Penggunaan teknologi direkod dan dimaktub sebagai objektif ke-5 dalam Rukun Negara iaitu:

“Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden”.

Kepimpinan negara dahulu telah menyediakan suatu agenda besar kepada masa depan masyarakat negara. Hal ini patut dihayati sebagai suatu manfaat yang dinikmati masa kini. Ia menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang ingin dibentuk, iaitu:

1. Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.
2. Memelihara satu cara hidup demokratik.
3. Mencipta satu masyarakat yang adil iaitu kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.
4. Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak.
5. Membina sebuah masyarakat yang progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden.

Sejarah rentetan awal pengembangan jalur lebar bermula dengan nama besar Dr. Mohamed Awang Lah (1983). Pensyarah kejuruteraan di Universiti Malaysia ini telah mencetuskan idea untuk menghubungkan Malaysia dengan dunia luar menerusi Internet di makmal Universiti Malaya. Kumpulan kerjanya telah merangkaikan Internet antarabangsa yang mula dikomersialkan di Malaysia dengan nama Rangkaian Komputer Malaysia (RangKOM) pada tahun 1989. Usaha ini, akhirnya berjaya mewujudkan JARING (*Joint Advanced Integrated Networking*) yang dilancarkan pada tahun 1991 (<https://www.majalahsains.com/sejarah-internet-malaysia/>).

Perlu dihayati bahawa kepimpinan negara mementingkan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi sebagai bahantara dalam mewujudkan masyarakat berasaskan pengetahuan. Pertumbuhan bilangan hos Internet di Malaysia telah bermula sekitar tahun 1996. Syarikat carian dan portal web pertama (Cari Internet) juga ditubuhkan pada tahun itu. ICT telah menjadi tumpuan kerajaan dalam era globalisasi dan pengetahuan baharu. Kepimpinan kerajaan seterusnya menjadikan Koridor Raya Multimedia atau *Multimedia Super Corridor* (MSC) pada tahun 1996 sebagai ejen dan bahantara utama untuk mencapai Wawasan 2020. MSC, berobjektifkan membina Malaysia memiliki persekitaran teknologi terkemuka di dunia untuk memudahkan kemajuan negara dengan memperkasakan masyarakat

dengan pengetahuan dan menarik syarikat-syarikat terkemuka bertaraf dunia melakukan pelaburan di Malaysia (*Multimedia Super Corridor*, 2003).

Koridor ini terletak di antara dua bandar baharu iaitu Putrajaya dan Cyberjaya. Cyberjaya adalah pangkalan bagi beberapa syarikat multimedia terbesar dan paling inovatif di dunia. Ia diharapkan dapat menjadi pemangkin pertumbuhan pusat perindustrian berasaskan teknologi multimedia yang paling halus untuk mengeluarkan produk dan menyediakan perkhidmatan untuk pasaran global (Ariff & Goh, 1998).

Pada tahun 1998, Akta Komunikasi dan Multimedia diwartakan bagi memenuhi keperluan untuk menyeragamkan industri komunikasi dan multimedia yang semakin berkembang. Akta ini berdasarkan prinsip asas ini: ketelusan dan kejelasan; lebih banyak persaingan dan kurang peraturan; fleksibiliti; berat sebelah terhadap peraturan generik; kesabaran peraturan; penekanan pada proses dan bukannya kandungan; ketelusan pentadbiran dan sektor; dan peraturan sendiri industri (SKMM, 1998).

Terdapat juga Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang dilancarkan. HSBB adalah projek utama Inisiatif Jalur Lebar Nasional dan bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara. Projek nasional, bernilai RM11.3 bilion ini adalah usaha bersama Telekom Malaysia (TM) dan kerajaan untuk membangunkan infrastruktur dan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi generasi akan datang. Beberapa inisiatif termasuk pelaksanaan pusat komuniti jalur lebar untuk memberi perkhidmatan kepada 615,000 isi rumah di 246 lokasi dengan peruntukan RM60 juta. Semua usaha dan inisiatif ini membawa pembangunan kepada masyarakat yang menuju kepada masyarakat yang harmoni kerana merapatkan jurang kekayaan antara golongan kaya dan miskin (Ali Salman et al., 2013).

Kini, pelbagai teknologi berkaitan ICT muncul. Masyarakat kini melihat teknologi menjadi aksesori penting kepada kehidupan

manusia, sehinggakan akses Internet menjadi seperti keperluan asas selain makanan, tempat tinggal dan pakaian.

KONSEP HUBUNGAN MANUSIA DAN TEKNOLOGI

Secara disedari, ICT adalah konsep bersifat maya yang tidak dapat dilihat. Perkara yang dapat dilihat secara mata kasar hanyalah alat teknologi seperti komputer, sistem wayar yang saling berhubung dan sistem komunikasi berperantara teknologi melibatkan telefon, wayar, menara telekomunikasi dan satelit atau alat pemancar gelombang.

Dalam konteks sains sosial, kesemua ini dilihat sebagai alat yang membantu, memudah dan mempercepatkan pemprosesan dan penghantaran maklumat. Ia menjadi alat yang menentukan kesempurnaan sistem sosial kini. Dengan teknologi ini, banyak penerokaan informasi, ilmu pengetahuan dan hiburan diperolehi termasuk dalam medium media sosial.

Penggunaan media sosial secara berterusan dan tanpa sempadan menjadi polemik kepada sistem nilai kini. Ia bukanlah suatu yang bersifat negatif atau terlalu positif nilainya. Sebaliknya, ia adalah alat untuk membina rantaian yang mempunyai akibat positif dan negatif bergantung kepada cara penggunaan dan niat penggunanya. Media sosial adalah pedang bermata dua yang tajam. Penggunaannya dapat dilihat dalam analogi pisau yang dapat menjadi alat untuk memotong makanan (kebaikan), namun dalam masa yang sama juga dapat digunakan untuk melakukan kejahatan.

Dalam dunia globalisasi masa kini, media sosial telah menjadi sebahagian dari kehidupan masyarakat yang digunakan dalam aktiviti seharian seperti bersosial, mendapatkan maklumat dan belajar. Namun, ada beberapa masalah negatif yang timbul dari penyalahgunaan media sosial yang memerlukan beberapa bentuk campur tangan dalam bagaimana masyarakat menggunakannya untuk komunikasi dan

interaksi. Tidak dapat dinafikan kenyataan bahawa media sosial telah merevolusikan cara manusia di dunia ini berinteraksi antara satu sama lain sebagai keluarga, dengan rakan dan di tempat kerja. Malangnya, penggunaan media sosial yang berlebihan menjadikan pengguna antisosial. Pengguna media sosial kebanyakannya begitu asyik dengan gajet mereka dan mengabaikan orang di sekeliling mereka.

Media Sosial dan Pemerksaan

Terdapat pelbagai kemudahan dalam media sosial yang boleh mendorong kepada pemberdayaan. Dalam revolusi industri 4.0, media sosial dan teknologi digital lain akan menjadi platform dominan yang menghubungkan manusia. Mereka yang tidak mahir menggunakan teknologi ini akan ketinggalan.

Dalam usaha pemerksaan, ICT sering kali dilihat sebagai alat yang mempercepatkan banyak urusan manusia, alat yang memudahkan dan meringankan beban kerja, alat yang membantu komunikasi lebih efisien dan alat yang menghubungkan sesiapa sahaja, walau di mana sahaja tanpa mengira masa. ICT kini adalah sebahagian daripada kehidupan manusia. Lihatlah sahaja cara masyarakat bekerja, membeli-belah dalam talian, membayar bil utiliti dan memesan makanan secara atas talian. Semua ini tidak berlaku pada era revolusi industri sebelum ini. Manusia tidak boleh mengelak daripada menggunakan teknologi.

Revolusi industri 4.0 merupakan teknologi automasi atau dengan kata lain *Internet of Things* (IoT). Konsep IoT bermula pada tahun 1999 dan diciptakan oleh Kevin Ashton, perintis teknologi Britain. Objek fizikal dibuat “pintar” dengan menghubungkannya kepada Internet menggunakan pengesan/sensor universal. Ini juga akan memberi kesan kepada cara pengguna menghasilkan sesuatu. Seperti alat komunikasi atau media lain, penggunaan media sosial memerlukan beberapa pengimbangan dan keseimbangan. Oleh itu, pelbagai usaha diperlukan untuk mengatasi limpahan teknologi

media sosial ini. Masyarakat Malaysia sebagai contohnya sedia maklum bahawa wujud peruntukan undang-undang berkaitan etika kepenggunaan teknologi. Untuk itu, kempen kesedaran penggunaan media sosial secara beretika sangat penting.

Untuk itu juga, masyarakat perlu melatih diri, menerima sistem tadbir urus moden dengan pembangunan negara berasaskan teknologi baharu ini. ICT kini muncul dalam pelbagai bentuk *apps*/aplikasi, media sosial dan model perniagaan baharu. Jadi, di manakah generasi masyarakat Malaysia berada? Adakah sebagai pengguna biasa, usahawan ICT, pelopor teknologi atau mangsa kecanggihan teknologi?

Hakikatnya, pada suatu ketika dahulu, ICT dianggap sebagai suatu bebanan bagi orang yang tidak biasa menggunakannya. Kini, ia digunakan oleh semua peringkat umur kerana banyak urusan boleh diselesaikan melalui penggunaan ICT. Contohnya pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, bayaran utiliti dan lain-lain urusan yang memudahkan pengguna ICT. Namun demikian, terdapat isu yang menyebabkan berlakunya jenayah buli siber, bertikam lidah (*hate speech*) dan mangsa *scam*. Ini berlaku kerana pengguna yang tidak beretika akan menyalahgunakan wahana ini sebagai pencetus perbalahan sesama masyarakat.

Revolusi industri 4.0 kini dilihat mencabar masyarakat dengan warna kehidupan baharu. ICT menyebabkan manusia dalam ketakutan apabila dikejar dengan mudah oleh pihak bank mengutip hutang dengan pelbagai *reminder automated call*, *auto-reminder* dan mesej.

Justeru, *prefix* teknologi diwujudkan bagi menunjukkan konsep teknologi baik dan tidak baik. Oleh kerana ICT adalah buatan manusia, maka manusia yang mereka cipta ICT telah menyusun istilah dan makna yang baik dalam ICT menggunakan *prefix* 'e'. Sebagai contoh; *e-government*, *e-hailing*, *e-training* dan sebagainya. Konsep dan makna yang tidak baik disusun bermula dengan *prefix cyber-*,

maka wujud istilah-istilah ICT yang menakutkan pengguna seperti *cyber-bullying*, *cyber-crime*, *cyber-sex* dan sebagainya. Selain itu, dalam konteks hubungan kemanusiaan iaitu perpaduan kini, wujud fenomena yang merisaukan masyarakat semasa seperti dalam istilah *hate-speech*, *scammer*, *fake news* dan *deep fake*.

Walau apapun situasinya, ICT adalah sebahagian daripada cara hidup manusia. Ia menguruskan kehidupan dan cara bekerja setiap hari. Manusia tidak boleh dielakkan daripada menggunakannya. ICT melatih masyarakat menggunakan teknologi sebagai sebahagian proses tadbir urus dan pembangunan negara.

Semua manusia perlu hidup dalam realiti semasa. Manusia tidak mampu berpatah balik daripada tidak menggunakan *smart phone*. Masyarakat kini amat memerlukan keupayaan data Internet atau menyediakan Wi-Fi percuma dalam pengkomersialan perniagaan, promosi dan segenap ruang keperluan berkaitan.

ETIKA DAN PERADABAN DALAM PENGGUNAAN ICT

Kesembilan elemen berikut menjadikan warga dunia kini sebagai warga digital, iaitu dari sudut: akses, perdagangan, komunikasi, literasi, etika, undang-undang, hak dan tanggungjawab, kesihatan dan keselamatan, keselamatan (*access, commerce, communication, literacy, etiquette, law, rights and responsibility, health and security, security*). Semasa pengguna berkongsi maklumat di media sosial, masalah etika dan integriti harus menjadi perhatian utama. Apabila pengguna ingin berkongsi sebarang maklumat, maka perlulah memeriksa dan menyelidiki terlebih dahulu sesuatu isu itu. Ini dibimbangi sekiranya maklumat itu palsu dan boleh membahayakan individu yang lain. Seseorang mungkin mengatakan bahawa mereka boleh memadamkan mesej di media sosial pada zaman sekarang. Namun setelah mesej disiarkan, untuk memadamkannya semula sudah terlambat dan

kerusakan mungkin telah dilakukan seperti kata pepatah: sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Akibatnya mungkin melibatkan pihak lain, termasuk keluarga, rakan, rakan sekerja dan juga pihak berkuasa, terutama jika komen anda atau apa yang anda kongsi akan merosakkan reputasi orang lain. Masih terdapat pengguna media sosial di luar sana yang berpendapat bahawa mereka tidak dapat dikesan. Tetapi teknologi yang sama yang membolehkan anda tidak dikenali juga memudahkan anda dikesan. Kini, pelbagai unsur etika dan peradaban ICT boleh ditemui dalam Internet. Namun apa yang penting yang perlu diketahui ialah bagaimana masyarakat menterjemah ICT sebagai penghayatan dalam kehidupan seharian.

Pelbagai peraturan boleh ditemui dalam menggunakan komputer, Internet dan media sosial. Peraturan itu diadakan bersekali dengan ada teknologi tersebut oleh pembinaanya. Isunya kini, bagaimanakah masyarakat patut menterjemah ICT sebagai suatu perkara sahaja dalam pelbagai perkara lain berkaitan kehidupan mereka? Atau dalam maksud lain, bagaimana usaha menghidupkan komunikasi maya tersebut sebagai alat komunikasi nyata yang boleh dinilai hukum secara lapangan nyata.

Untuk mencapai maksud itu, masyarakat perlu sedar bahawa apabila mereka berinteraksi melalui ICT sama ada secara formal atau tidak formal, mereka perlu mengambil kira empat peraturan:

1. Komunikasi sesama manusia.
Hakikatnya komunikasi yang dilaksanakan adalah 100% melibatkan hubungan manusia dengan manusia, walaupun sebahagiannya berhubungan dengan perisian dan sistem.
2. Mengikuti piawai kelakuan *online* seperti yang diikuti dalam kehidupan sebenar.
Walaupun dunia komunikasi ini bersifat maya, ia adalah sistem yang sama dalam dunia nyata.

3. Ketahui di mana anda sebagai pengguna berada di dunia siber. Hormati ruang maya komunikasi, contohnya dalam ruang rakan sekerja mungkin berbeza gaya bahasa dan budi bicara berbanding ruang keluarga.
4. Hormati masa dan privasi orang lain. Masa setiap individu amat berharga. Pengurusan masa perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru, perkongsian bahan yang tidak bermanfaat dan kurang nilai etika dan estetika akan membazirkan ruang masa pembaca dan ahli berkomunikasi.

ICT TAPAK PENGUKUHAN KESEPADUAN NASIONAL

ICT amat perlu dipelajari dan dipupuk sebagai agen kesepaduan sosial. ICT perlu dipelajari dan dikuasai supaya ia menjadi agen kesepaduan sosial dalam budaya kehidupan moden ini. Masyarakat pengguna perlu mendidik diri mereka, keluarga dan komuniti mengenai cara mengguna dan mengurus ICT bagi mengukuhkan kesepaduan sosial masyarakat Malaysia.

Budaya berprestasi tinggi perlu dihidupkan, sama ada daripada sudut akhlak dan tatacara bertutur, berkongsi, menampilkan diri, berhujah dan menyantuni orang lain, walaupun sewaktu tidak dapat dilihat secara nyata oleh orang lain. Begitu juga, perlu dijaga adab, adat dan etika walaupun tindakan atas kesalahan daripadanya belum dibuat terhadap diri manusia lain. Sebagai contohnya dalam melakukan aktiviti berikut:

1. Pertuturan: Perlu menggunakan bahasa yang formal, jelas dan teratur. Walaupun berkomunikasi dengan rakan rapat, kerana ia boleh menambahkan kemesraan.
2. Perkongsian: Perlu dilakukan mengambil kira implikasi perundangan supaya apa yang dikongsi itu boleh dipertanggungjawabkan.

3. Pendekatan nasihat: Perlu berhikmah dan bertatasusila supaya ia boleh memberi kesan positif kepada si penerima dan sekaligus nasihat yang disampaikan berkesan.
4. Adat berdebat: Perlu berasaskan kepada fakta dan solusi yang jelas supaya suasana perdebatan dan diskusi berlaku secara harmoni dan berhemah, serta mencapai kata sepakat yang baik.
5. Penampilan diri: Perlukan kekemasan dan keteraturan supaya memenuhi tuntutan moral, nilai sejagat dan hukum beragama.
6. Tatacara meletakkan gambar: Perlu memastikan gambar bersifat komersial dan sejagat supaya ia memenuhi tuntutan pengguna yang memuat naik dan memuat turun gambar tersebut. Maksud yang jahat akan membawa implikasi yang negatif dan buruk.
7. Kaedah berbudi: Perlu jelas maksud dan tujuan murni tersebut supaya penerima akan menghargai respon yang diberikan oleh pengirim dan suasana tersebut pastinya mengharmonikan kehidupan sejagat.
8. Menghormati orang tua dan menyayangi orang muda: Etika hidup sebegini perlu berlaku secara nyata dan maya dengan jelas kebaikannya. Ia pastinya menjadi teladan yang baik dan merapatkan hubungan manusia.
9. Menyantuni etnik berbeza: Perlu menjaga sensitiviti antara sesama manusia. Pastikan tidak wujudnya ketegangan yang menyusahkan dan merimaskan semua orang. Sebetulnya tiada pihak yang menang sekiranya sentimen perkauman ditimbulkan.
10. Mengurus privasi diri: Secara fitrahnya semua manusia perlu dihormati dan dihargai, baik dalam bentuk zahir mahupun secara maya. Tuntutan kemanusiaan ini akan meninggikan martabat individu yang memperjuangkan privasi diri dan kalangan mereka.

Secara ringkasnya, ICT perlu diaplikasikan secara bijak dan langkah ini sudah dimulakan oleh pihak kerajaan. Institusi pengajian tinggi juga turut terlibat dalam usaha tersebut, iaitu seperti penerbitan buku *Panduan Keibubapaan Siber* yang diketuai oleh Dr. Munira Abdul Razak, Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Kumpulan kerja ini turut membangunkan produk inovasi pengurusan kepelbagaian ADAM bagi mengukuhkan perpaduan antara etnik, patriotisme dan nilai jati diri. Menurut Munira, ADAM merujuk kepada perkataan Autentik, Dinamik, Altruistik dan Manusia. Kajian berkenaan ADAM dilakukan sejak tahun 2007 melalui pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Inisiatif itu dijalankan untuk melihat kefahaman dan penghayatan pelajar kejuruteraan dalam modul hubungan etnik (Amin, 2018).

ISU SEMASA ICT

Perkembangan teknologi hari ini semakin mendedahkan kecanggihannya. Teknologi baharu dicipta bagi memenuhi keperluan kehidupan masyarakat yang semakin berminat untuk bersaing dengan menggunakan alat canggih itu bagi mendapatkan berita dan maklumat mengenai pelbagai isu di sekeliling mereka. Media sosial muncul antara platform paling popular. Ciri-ciri interaktif media sosial yang unik dan meluas membolehkan setiap orang tidak hanya terhad berkongsi maklumat melalui teks, tetapi mereka boleh mengakses serta memuat turun video, foto, audio dan permainan. Secara tidak langsung, ia mengubah cara hidup, keperibadian dan identiti manusia. Mengikut Kajian Pengguna Internet oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM, 2019), peratusan pengguna Internet di Malaysia semakin meningkat. Peningkatan penggunaan Internet turut menyumbang kepada pelbagai isu yang timbul ekoran kepincangan

pengurusan ICT. Antara impak negatif paling ketara berkaitan isu berikut ialah:

1. Keruntuhan akhlak

Keruntuhan akhlak boleh dilihat dalam pelbagai sudut, seperti isu pornografi, buli siber, ketagihan permainan video dan vandalisme. Banyak kes jenayah berkaitan perkara tersebut. Ia bukan sahaja terkesan kepada golongan muda, bahkan golongan tua dan kanak-kanak. Antara aktiviti keruntuhan moral lain seperti isu *hate speech*, *hate crime* dan pembaziran masa yang amat ketara dengan alatan (*gadget*). Implikasi lain seperti dalam isu *technostress* dan *technophobia*. *Technostress* merupakan keadaan yang menyebabkan seseorang berasa tidak selesa dengan perkembangan teknologi. Ia juga berlaku disebabkan oleh ketidakmampuan untuk mengadaptasi dengan revolusi teknologi, dan ia memberi kesan kepada aspek fizikal dan mental (Suryanto & Twista, 2017). Manakala *technophobia* juga berkaitan dengan ketakutan yang tidak formal dengan perubahan teknologi, sains dan perubahan secara umum (Panji, 2020). Kedua-dua istilah itu saling berkaitan iaitu memberi kesan sampingan kepada mangsa sama ada daripada segi fizikal atau emosi.

2. Penipuan dan korupsi

Penipuan menjadi isu besar dalam penggunaan ICT, terutama melibatkan jenayah kewangan seperti *scammer*, mencuri maklumat sulit, menggodam atau manipulasi data. Isu monopoli perniagaan juga semakin meresahkan, contohnya kehadiran *grab car*, Food Panda, Shopee, Lazada dan sebagainya yang dikatakan menutup sebahagian rezeki peniaga yang menggunakan kaedah konservatif.

3. Pencerobohan hak privasi

Secara tidak sedar, masyarakat perlu terima hakikat bahawa mereka diintip oleh media sosial. Justeru pelbagai jenayah sampingan boleh berlaku.

4. Peperangan bentuk baharu

Negara-negera di dunia sudah mula menggerakkan ketumbukan tentera dengan ICT yang melibatkan senjata tanpa manusia. Antaranya dron dan logistik ketenteraan lain yang dikawal dengan menggunakan alat kawalan jauh.

5. Penyebaran berita palsu

Media sosial adalah sumber berita. Keadaan ini membuat sebilangan pengulas media sosial mengatakan bahawa itu bukan lagi sumber alternatif untuk berita, tetapi sumber utama bagi beberapa orang. Namun, berita di media sosial cenderung kepada berita palsu kerana fakta yang dipaparkan tidak menjalani prosedur kewartawanan dan pemeliharaan gerbang media arus perdana atau konvensional. Berita palsu telah menjadi duri dalam daging terutama masyarakat awam dan juga pemerintah. Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-6, Dato' Seri Najib Tun Razak pernah menyatakan kebimbangannya mengenai bahaya berita palsu dan meminta tindakan untuk mengatasi keadaan itu (Raja Hisyam, 2017).

Antara lain, terdapat juga rintihan menjelang dan setelah pilihan raya presiden AS pada tahun 2016, jumlah berita palsu meningkat dan media sosial seperti Facebook menyekat maklumat *deep fake* untuk mengelak masalah manipulasi daripada pihak tertentu. Hal ini memberi kesan negatif kepada masyarakat kerana ramai yang menyalahgunakan teknologi untuk kepentingan tertentu. Justeru, adab dan etika yang betul perlu dipatuhi dalam menggunakan kemudahan ICT ini.

AMALAN *TABAYYUN* DEMI KESEPADUAN SOSIAL

Kajian Pengguna Internet oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menganggarkan ada lebih 26 juta pengguna media sosial (SKMM, 2019). Berdasarkan maklumat itu, masyarakat Malaysia mengalami pelbagai situasi iaitu mesej sensitif serta ‘radang’ yang boleh mengancam keharmonian disebarkan melalui media sosial. Mesej-mesej itu termasuk berbentuk propaganda dan fitnah membabitkan agama, bangsa dan bahasa dengan tujuan untuk menimbulkan konflik antara rakyat berbilang agama dan kaum. Jika tidak dibendung, ia akan membawa kerosakan imej dan reputasi. Maklumat dalam media sosial tidak semestinya tepat dan benar.

Oleh itu, penting bagi pengguna mengesahkan apa yang disebarkan di media sosial. Menurut Ibn Kathir (ulama abad ke-14M), *tabayyun* adalah proses pemantauan berita atau peristiwa sebelum disebarkan. Konsep *tabayyun* memerlukan individu lebih berhati-hati membuat kesimpulan. Ia adalah konsep Islam yang bermaksud pengesahan. Konsep *tabayyun* termasuk mengesahkan watak dan kredibiliti pembawa maklumat. Istilah *tabayyun* melampaui makna linguistik untuk mengambil makna yang berakar dari al-Quran. *Tabayyun* dibentangkan dalam al-Quran diikat dengan watak pembawa maklumat. Pembawa maklumat perlu menjadi individu yang boleh dipercayai untuk penerimaan maklumat berkenaan.

Amalan *tabayyun* relevan dan perlu untuk penyebaran maklumat di media sosial. Golongan pemuda yang disoal selidik bersetuju, “Konsep *tabayyun* harus difahami dan disebarkan kepada masyarakat dalam menghadapi isu-isu baharu dalam masyarakat.” Golongan itu juga perlu berhati-hati mencari maklumat atau berita di media sosial. Selain itu, *tabayyun* di media sosial mencatat tahap hubungan paling rendah dengan tingkah laku remaja (Ali Salman, 2019).

Terlalu banyak maklumat terdapat di media sosial dan kredibilitinya boleh dipertikaikan. Dari mana maklumat dan berita itu ditemui, siapa sumber dan sejauh mana kesahihan maklumat dipaparkan di media sosial selalu menjadi tanda tanya.

Oleh itu, amalan *tabayyun* dalam media sosial menjadi aspek penting dalam memperoleh dan menyebarkan sebarang maklumat. Amalan menyelidik dan mengkaji setiap maklumat diterima dengan memastikan sumbernya sah, membolehkan orang ramai mendapat maklumat lebih tepat sambil mengelak salah faham serta fitnah.

KESIMPULAN

Pembinaan kesepaduan nasional sekali gus ‘peradaban majmuk’ Malaysia sangat dipengaruhi oleh perkembangan ICT yang terjelma dalam bentuk Internet, *Digital Apps*, Facebook, Instagram dan berbagai-bagai lagi tapak digital. Ia telah menular dalam setiap lapisan masyarakat dan membentuk warga digital (*digital citizenship*), termasuk di Malaysia. Dari satu segi, ICT merapatkan jurang komunikasi, namun tiada satu institusi sejagat yang mengawal perkembangan ini, menjadikannya seperti *digital jungle*. Serentak itu, ICT juga boleh jadi kawan atau lawan, positif atau negatif, membina atau menghancurkan. Dengan berleluasanya *fake news* melalui media sosial seperti Facebook adalah satu contoh yang sangat dirisaukan oleh kerajaan dan orang awam. Kefahaman mengenai etika dalam penggunaan ICT yang tidak bercanggah dengan peradaban di Malaysia sangat diperlukan oleh semua pihak. Kupasan mengenai *pros & cons* mengenai ICT, budaya digital dan disiplin dalam kalangan pengguna ICT perlu diwacanakan.

Ringkasnya, ICT merupakan realiti kehidupan masa kini dan masa hadapan. Secara optimis, ia mampu digerakkan untuk menjadi agen kebaikan terbaik. Oleh kerana ICT sering kali disalah guna untuk

kepentingan peribadi, organisasi dan politik di seluruh dunia, ia perlu dikuasai secara bijaksana bertepatan dengan tuntutan hidup beragama dan beretika. ICT perlu dipelajari, diurus dan dimanfaatkan untuk kebaikan manusia dengan penuh beretika demi kelestarian peradaban manusia masa hadapan khususnya di Malaysia.

RUJUKAN

- Ali Salman, Er Ah Choy, Wan Amizah Wan Mahmud & Roslina Abdul Latif. (2013). Tracing the Diffusion of Internet in Malaysia: Then and Now, *Asian Social Science*, 9(6): 1-15.
- Ali Salman. (2019, Julai 16). *Tabayyun* Bendung Maklumat Negatif. *My METRO*, <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/07/475915/tabayyun-bendung-maklumat-negatif.HWB5IBBDExLjGYAQCgAQGqAQdnd3Mtd2l6yAEIwAEB&scient=gws-wiz&ved=0ahUKEwjs6fHwstTvAhXBmeYKHTHLDVmq4dUDCA0&uact=5>, diambil pada 29 Mac 2021.
- Amin, R.I. (2018, August 29). *UMP Hasil Inovasi Pupuk Perpaduan Etnik, Patriotisme*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/08/467835/ump-hasil-inovasi-pupuk-perpaduan-etnik-patriotisme>, diambil pada 28 Februari 2021.
- Unknown. (2019). Angel Has Fallen (Bomb Drones Attack Scene), <https://www.youtube.com/watch?v=QiAyTbeBkIg> dan Eye in the Sky <https://www.youtube.com/watch?v=IY2EBKuLzW8>.
- Ariff, I., & Goh, C. C. (1998). *Multimedia Super Corridor*. Kuala Lumpur: Leeds.
- Greenlaw, R. & Hepp, E. (2002). *In-line/On-line: Fundamentals of the Internet and the World Wide Web*. United States: McGraw Hill, h. 102.
- Jacob, W. (2020, January 8). *How Deepfake Videos Are Made*, <https://www.youtube.com/watch?v=jlBNF1SucLo>, diambil pada 21 Mac 2021.
- Mohd Juzaidin, A.Z. (2003), *Pengaturcaraan Visual dan Web, COMP 2035*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia, h. 198.
- Multimedia Super Corridor. (2003). *About MSC – The Multimedia Super Corridor*, <http://www.msc.com.my/msc/msc.asp>.
- Nor Azah, A.A. (2009). Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi, *Jurnal Usuluddin*, bil 29: 147-16.
- Panji, P. (2020, September 14). *Apa itu Technophobia?* <https://dgtlz.com/apa-itu-technophobia/>, diambil pada 28 Februari 2021.
- Raja Hisyam, R.Z. (2017, Mei 8). Jangan Tertipu dengan Berita Palsu - PM Najib, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-tertipu-dengan-berita-palsu-pm-najib-141949>, diambil pada 21 Mac, 2021.

- Schneider, G. P. & Evans, J. (2002), *The Internet 3rd Edition*. United States: Course Technology Thomson Learning.
- Slide kandungan pengajaran Subjek Penghayatan Etika dan Peradaban yang dihasilkan oleh Jawatan kuasa Penggubal Modul, Institut Kajian Etnik Malaysia (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia 2020.
- Suryanto, Twista, R.S. (2017). Technostress: Pengertian, Penyebab dan Koping Pustakawan, *Journal of Library and Information Science*, 1(1): 209-221.
- The Great Hack, (2017) The Ultimate Ethical Hacking Course 2017- Beginner to Expert, [https: The Great Hack](https://www.thegreathack.com/), (2017) The Ultimate Ethical Hacking Course 2017- Beginner to Expert, [https: //drive.google.com/drive/folders/1jwQu5PgboYv3TCrHHIK0VYiKeBG1If30?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1jwQu5PgboYv3TCrHHIK0VYiKeBG1If30?usp=sharing) dan Dark Net: Season 1 and Season 2), diambil pada 20 Mac 2021.

TOPIK 8

PERANAN ETIKA DAN PERADABAN MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL DI MALAYSIA

Yohan Kurniawan dan Nur Azuki Yusuff

Objektif:

Memahami peranan etika dan peradaban dalam mendukung tanggungjawab sosial di Malaysia.

Hasil Pembelajaran:

1. Menjelaskan takrifan autoriti dan takrifan harian
2. Menghuraikan peranan etika dan peradaban ke arah mendukung tanggungjawab sosial
3. Mempamerkan minat kesukarelawanan dalam mencapai keharmonian masyarakat

Kandungan Bab:

1. Takrifan Harian dan Autoriti
2. Fungsi Etika dan Peradaban dalam Membentuk Tanggungjawab Sosial
3. Kesedaran Nasional dalam Tanggungjawab Sosial
4. Tanggungjawab Sosial Dalam dan Luar Negara
5. Kesukarelaan

PENGENALAN

Masyarakat Malaysia beridentitikan masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan mereka hidup secara harmoni. Walaupun demikian, tidak dinafikan terdapat riak-riak perselisihan yang terjadi dalam kehidupan berbangsa dan bernegara di Malaysia sebelum ini. Namun, perselisihan yang terjadi tidak menyebabkan rosaknya kesatuan dan dinamika kehidupan harmoni yang telah terbina dalam kalangan rakyat Malaysia.

Realiti sosial yang ada dalam masyarakat Malaysia tidak terlepas daripada realiti sosial yang berlaku di dunia masa kini. Realiti sosial sejagat terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. Pertama, realiti sosial yang ditentukan oleh pihak berkuasa, selalunya berasal dari atas ke bawah atau disebut juga sebagai takrifan autoriti.
2. Kedua, realiti sosial yang lebih terbuka iaitu realiti sosial yang dibentuk oleh seseorang, sesebuah keluarga dan dalam kalangan komuniti untuk memenuhi keperluan seharian masing-masing atau ia juga dipanggil takrifan harian.


Perubahan dan perkembangan realiti sosial masa kini banyak dipengaruhi oleh etika dan peradaban yang diwujudkan dalam masyarakat. Contohnya:

1. Adat istiadat adalah takrifan autoriti kerana terdapat peraturan bertulis yang menentukan susunan dan pelaksanaan adat istiadat tersebut.
2. Akan tetapi adat resam yang ada dalam masyarakat ditentukan oleh perilaku atau kebiasaan seharian atau takrifan harian tanpa ada peraturan bertulis.

Dalam konteks yang formal, adat istiadat memiliki protokol yang jelas, contohnya adat istiadat yang diamalkan oleh institusi beraja. Apabila ia melibatkan kerajaan dan negara asing, tahap formalitinya semakin ketat dan terperinci, termasuk perlunya melibatkan penggunaan pakaian rasmi dalam suatu acara. Hal ini memerlukan komitmen yang tinggi dari setiap lapisan masyarakat sebagai bentuk tanggungjawab sosial kepada negara.

Untuk konteks tidak formal, meskipun tiada peraturan tertulis, tetapi terdapat tanggungjawab sosial dalam bentuk adab dan nilai hormat-menghormati yang menjadi panduan perilaku individu. Misalnya semasa menghadiri majlis kenduri perkahwinan, kenduri kematian atau upacara memining, terdapat adab budaya yang tidak tertulis tetapi dijalankan secara turun-temurun daripada generasi ke generasi.

Etika dan peradaban adalah perilaku tanggungjawab sosial yang lahir daripada kesedaran sosial yang digerakkan dan diturunkan daripada generasi ke generasi secara berperingkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara bagi mencapai keadilan dan keharmonian seperti digambarkan dalam Rajah 8.1 di bawah ini.



Sumber: Slide Pengajaran Penghayatan Etika dan Peradaban (2020), Jawatankuasa Penggubal Buku Teks PEP, Institut Kajian Etik Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rajah 8.1: Hubungan antara Realiti Sosial dengan Kesedaran Nasional dan Tanggungjawab Sosial dalam Menghasilkan Kehidupan yang Adil dan Harmoni

TAKRIFAN HARIAN DAN AUTORITI

Konsep realiti sosial menggambarkan pengalaman hidup yang dilalui dan diterima oleh pelbagai kumpulan dan strata berdasar kepentingan peribadi dan norma hidup sejagat. Sebagai contoh, dahulu ketika kita mula belajar mengeja dan membaca, kita belajar daripada ibu bapa di rumah. Apabila masuk ke sekolah, ia juga merupakan proses pembelajaran formal. Pengalaman yang dilalui itu boleh dinikmati oleh semua tanpa mengira kumpulan etnik dan strata, iaitu sama ada seseorang itu kaya, miskin, bangsawan atau rakyat jelata. Ia juga bertujuan memperoleh ilmu pengetahuan dan dapat menggunakan ilmu tersebut untuk manfaat masyarakat seluruhnya.

KONSEP TAKRIFAN AUTORITI DAN TAKRIFAN HARIAN

Konsep takrifan autoriti realiti sosial merujuk kepada situasi dan tingkah laku yang berkait rapat dengan protokol, perundangan dan perlembagaan yang telah diseragam dan diperakui bersama. Takrifan autoriti lahir berdasarkan dokumen undang-undang formal yang disahkan oleh pihak berkuasa di dalam masyarakat. Manakala, takrifan harian yang diterima bersama oleh masyarakat tidak terikat oleh undang-undang formal tetapi lebih didasarkan kepada kebiasaan turun-temurun dan norma yang dikongsi sama oleh masyarakat.

Takrifan autoriti tertinggi yang ada di Malaysia kini adalah Perlembagaan Persekutuan. Ia merupakan undang-undang paling tinggi di Malaysia. Undang-undang paling tinggi bermakna Perlembagaan Persekutuan merupakan kekuasaan tertinggi di Malaysia, dan sebagai kekuasaan tertinggi tidak ada kekuasaan atau undang-undang lain di atasnya. Sekiranya terdapat undang-undang di bawahnya yang dihasilkan dan bertentangan dengan perlembagaan maka secara automatik undang-undang baharu tersebut akan terbatal.

Oleh sebab itu penting bagi setiap rakyat Malaysia untuk mengetahui dan memahami konsep dan isi Perlembagaan Persekutuan.

Selain perlembagaan, takrifan autoriti berhubung juga dengan Yang di-Pertuan Agong atau raja-raja Malaysia dan Perdana Menteri. Gelaran rasmi yang penuh bagi Yang di-Pertuan Agong adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong adalah salah satu daripada beberapa bentuk monarki di dunia dengan raja yang dipilih. Dari segi sejarah, konsep ini telah diamalkan oleh kerajaan terdahulu seperti Srivijaya dan Ayutthaya pada abad ke-7. Konsep ini juga berteraskan pemilihan raja yang terdiri daripada negeri-negeri kota di Srivijaya. Manakala di Malaysia, sistem raja berperlembagaan diamalkan dan Yang di-Pertuan Agong mempunyai peranan yang luas. Akan tetapi, baginda juga masih tertakluk kepada perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan dengan jelas bahawa kuasa eksekutif, secara teorinya di bawah kuasa ketua kerajaan, dilaksanakan oleh kabinet atau Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri. Yang di-Pertuan Agong memiliki kuasa untuk memilih Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai hak dan kuasa untuk menyingkirkan Perdana Menteri. Yang di-Pertuan Agong boleh menolak atau menangguhkan permohonan untuk membubarkan parlimen. Baginda juga boleh membubarkan atau menggantung parlimen tetapi hanya boleh membubarkan parlimen atas nasihat Perdana Menteri. Yang di-Pertuan Agong juga boleh menolak undang-undang baharu atau pindaan undang-undang sedia ada tetapi sekiranya tidak membuat keputusan, ia secara automatik menjadi undang-undang selepas 30 hari dari pembentangan awalnya.

Dalam takrifan autoriti, selain Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri juga memainkan peranan penting dalam pemerintahan di Malaysia. Perdana Menteri merupakan pemimpin negara dan beliau juga bertanggungjawab mengetuai beberapa badan seperti Eksekutif dan Jemaah Menteri. Manakala Yang di-Pertuan Agong yang

bertindak sebagai ketua negara akan melantik Perdana Menteri, dan kebiasaannya beliau mewakili pemimpin dalam sesuatu parti politik yang mendapat majoriti dalam parlimen (Dewan Rakyat).

Bagi takrifan harian, salah satu contoh yang nyata adalah dalam dunia sukan seperti bola sepak, badminton, hoki, dan sebagainya. Penyokong dalam pertandingan sukan akan bersatu dan bergabung tanpa memandang dan mengira kaum, agama, umur, dan budaya. Kita dapat melihat ketika penyokong dari pelbagai kaum, agama, dan budaya yang berbeza di Malaysia bersama-sama menyokong pasukan negeri atau kebangsaan semasa bertanding. Pada masa kini, bersatunya kaum muda di Malaysia dapat dilihat dalam sukan *e-sport*, daripada pelbagai kaum, agama dan budaya bersama dalam satu kumpulan untuk memenangi pertandingan.

Selain dalam bidang sukan, bersatunya rakyat Malaysia secara semula jadi dapat juga dilihat dalam perang siber semasa negara menerima ancaman daripada negara lain. Rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama akan bersama-sama untuk mempertahankan negara.

Bagi menambah kefahaman, pembaca disarankan untuk fikir dan bincangkan berkaitan penghayatan takrifan harian dan autoriti. Bagaimanakah anda mengkategorikan kes-kes di bawah ini sebagai takrifan harian atau takrifan autoriti?

1. Jalur Gemilang diterbalikkan.
2. Tidak mematuhi peraturan jalan raya.
3. Seorang Muslim yang tidak peka dengan kualiti halal atau haram makanan yang dibeli.
4. Persatuan Agama Buddha menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir tanpa mengambil kira etnik dan agama mangsa.

Bagi situasi pertama, kelihatan masyarakat yang melakukan perbuatan tersebut tidak mematuhi etika dalam bernegara. Ini menyebabkan kesan negatif kepada masyarakat lain dan menimbulkan kemarahan rakyat lain kerana bendera merupakan identiti sesebuah negara. Bagi situasi kedua pula, masyarakat yang tidak mematuhi peraturan jalan raya juga menunjukkan bahawa mereka tidak menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya yang lain dan tidak bersikap sabar dalam menunggu gilirannya di jalan raya. Kemudian situasi ketiga menunjukkan ketidakpatuhan dalam etika beragama. Ini memberi kesan spiritual seseorang individu sekiranya dia melakukan perkara yang dilarang dalam agama. Situasi keempat pula nilai empati yang ditonjolkan dan mereka mengetepikan persoalan perbezaan agama demi berkongsi kesejahteraan dan kesenangan hidup bersama.

FUNGSI ETIKA DAN PERADABAN DALAM MEMBENTUK TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Menghayati Etika dalam Tanggungjawab Sosial

Dalam konteks kehidupan yang berbagai-bagai agama dan etnik di Malaysia, perkara yang berkaitan dengan etika, akhlak dan moral amat perlu diberi perhatian untuk memastikan setiap masyarakat mempunyai teras nilai dan peradaban yang betul dalam kehidupan seharian mereka. Sering kali tanggungjawab sosial yang dimiliki oleh masyarakat berteraskan nilai yang bersumberkan kepada agama, budaya atau falsafah kehidupan yang menjadi pegangan mereka.

Sikap beretika yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia menjadi cerminan jati diri mereka sebagai warganegara Malaysia. Jati diri ini tercermin dalam perilaku dan tanggungjawab yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, mereka perlu menyemai sikap bertanggungjawab semasa membawa kenderaan di

jalan raya. Selain daripada itu, masyarakat perlu mengambil berat dan membantu mereka yang mengalami kesusahan, dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan amalan etika yang betul dalam kehidupan seharian dan sebagainya yang berkait rapat dengan etika yang betul dan bersesuaian dengan tempat.

Kemajuan tamadun dan peradaban manusia serta perkembangan teknologi pada masa kini semakin menambah kesedaran manusia terhadap tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara. Tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap tanggungjawab sosialnya masa kini semakin tinggi. Hal ini terjadi akibat pemindahan maklumat dan pengetahuan yang pantas melalui teknologi jaringan atas talian atau Internet.

Sikap beretika yang dimiliki oleh rakyat Malaysia menyebabkan wujudnya kesedaran dan perilaku bermoral serta berakhlak dalam kalangan rakyat Malaysia pada masa kini. Perilaku beretika ini akan mendorong rakyat Malaysia untuk mengambil berat dan peduli terhadap kehidupan dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat lain. Walaupun demikian, wujudnya kesedaran terhadap tanggungjawab sosial ini tidak terjadi dalam masa yang pantas. Ianya memerlukan sebuah proses yang panjang serta mengharungi pelbagai peristiwa dalam sejarah kehidupan berbangsa dan bernegara rakyat Malaysia.

Terdapat 12 nilai-nilai teras yang perlu dibangunkan untuk mewujudkan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat Malaysia. Nilai-nilai teras adalah falsafah peribadi yang dipegang kuat oleh individu dan kumpulan bagi memberi bimbingan, mempengaruhi fikiran, menetapkan matlamat dan keutamaan hidup, membuat keputusan, membina hubungan dan menguruskan konflik dalam kehidupan manusia. Kesemua nilai ini adalah nilai universal yang telah lama wujud dan terus dikembangkan dalam setiap budaya masyarakat di seluruh dunia. Cabaran pengembangan nilai-nilai teras ini adalah pada tindakan nyata dalam pekerjaan dan kehidupan seharian.

Kesemua 12 nilai-nilai teras itu mampu membentuk tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia juga dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

1. Enam teras nilai tunjang yang berkaitan dengan pengembangan dan pembangunan watak individu, iaitu: Kesahihan, Integriti, Kesedaran, Keberanian, Ketabahan dan Iman
2. Enam nilai tindakan teras kedua yang berkaitan menjadi pemangkin tindakan individu, iaitu: Tujuan, Penglihatan, Fokus, Semangat, Perkhidmatan dan Kepimpinan

Inti pati kepada kesemua teras itu berpaksikan firman Allah SWT dalam surah al-Qasas 28:26 berkaitan orang yang paling baik untuk diberikan kerja, dengan memiliki sifat *qawiyy* dan amin. *Qawiyy* merujuk kepada profesional, kuat, kompetensi, sunnatullah, peranan, itqan dan fikir yang merupakan nilai kepada khalifah Tuhan. Manakala amin merujuk kepada amanah, integriti, syariatullah, kelakuan, ihsan dan zikir yang merupakan nilai kepada hamba Tuhan.

Nilai-nilai teras yang mendasari kewujudan tanggungjawab sosial dalam kehidupan rakyat Malaysia ini berkaitan dengan nilai-nilai kepimpinan. Nilai-nilai kepimpinan ini berhubungan rapat dengan etika, moral dan akhlak individu atau pemimpin. Nilai-nilai kepimpinan yang wajib dimiliki oleh rakyat Malaysia adalah:

1. Substantif Rasionaliti iaitu; amanah, perasaan malu, jujur dan berani.
2. Formal Rasionaliti iaitu; kerajinan, kawalan diri, jangan ambil hak orang dan teratur sistem.

Tanggungjawab Sosial

Ia merujuk kepada kesedaran seseorang individu yang mempunyai pandangan hidup yang betul dan dapat memberi keadilan, kebaikan dan kesejahteraan kepada masyarakat yang lain. Individu yang mempunyai tanggungjawab sosial ini akan menghasilkan sebuah masyarakat yang mampu menyelesaikan masalah, menganalisis sesuatu perkara dan mengambil tindakan yang betul untuk keadilan dan kebaikan bersama.

Aras Tanggungjawab Sosial

Terdapat dua aras tahap tanggungjawab sosial:

1. Setiap individu boleh memiliki nilai-nilai betul dan salah tentang tindakan peribadinya.
2. Individu juga memiliki nilai betul dan salah dalam tindakan kolektifnya apabila berhubung dengan individu lain, keluarga, komuniti, negara dan masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (dunia).

Dimensi Tanggungjawab Sosial

1. Kesedaran dalam diri seseorang terhadap ketidakadilan dan kezaliman yang berlaku dalam masyarakat akan mendapat perhatiannya sehingga mahu membawa transformasi sosial dalam masyarakat.
2. Tindakan yang diambil, akan membawa perubahan sosial dalam masyarakat, negara atau pada peringkat dunia.

Revolusi Industri

Revolusi industri pertama berlaku pada akhir kurun ke-18 dan awal kurun ke-19. Perubahan besar telah berlaku dalam sektor pertanian, pembuatan dan pengangkutan hingga memberi impak yang besar kepada sosioekonomi dan budaya masyarakat di Britain. Perubahan ini seterusnya merebak ke seluruh Eropah dan Amerika Utara sehingga ke seluruh dunia melalui proses yang dikenali sebagai perindustrian.

Revolusi industri merupakan titik perubahan dan peradaban yang memberi impak yang besar dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, penemuan teknologi dalam bidang perladangan menjadikan hasil pertanian yang diperolehi lebih tinggi, seterusnya dapat mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat. Antara ciri-ciri utama dalam revolusi industri adalah peningkatan inovasi dalam sesuatu teknologi. Justeru, penciptaan mesin lebih giat dilakukan untuk memudahkan kehidupan manusia, contohnya penciptaan enjin stim. James Watt merupakan pencipta teknologi tersebut, dan ia digunakan untuk membantu proses perkilangan, perlombongan dan juga menggerakkan kereta api.

Revolusi industri telah membawa kesan dan impak yang signifikan kepada perubahan tatanan kehidupan manusia di dunia terutamanya dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Dalam bidang ekonomi, revolusi industri telah menimbulkan peningkatan kewujudan industri dan kilang secara besar-besaran melalui proses mekanisasi. Proses ini menyebabkan produksi barang dalam jumlah yang besar dapat dihasilkan dalam waktu yang singkat, cepat, mudah dan murah. Dengan penggunaan mesin-mesin maka biaya produksi menjadi relatif kecil sehingga harga barang-barang pun relatif lebih murah. Selain daripada penghasilan mesin berteknologi tinggi, ia juga memberi kesan positif kepada bidang-bidang lain seperti sistem komunikasi menjadi lebih mudah dan pantas. Daripada pasaran produk lokal berubah menjadi pasaran produk antarabangsa.

Pelayaran dan perdagangan antarabangsa semakin berkembang dan meningkat laju. Walaupun revolusi industri ini telah membawa perubahan kepada dinamika kehidupan masyarakat dunia, akan tetapi tidak terlepas daripada kesan negatif. Kesan negatif daripada revolusi industri dalam bidang ekonomi adalah ramai syarikat tradisional yang rugi dan menutup perusahaan kerana kalah bersaing dengan syarikat-syarikat besar yang memiliki modal yang banyak dan menggunakan mesin-mesin moden.

Berkembangnya industrialisasi telah merancakkan lagi proses urbanisasi kerana masyarakat boleh membuka beberapa penempatan baharu untuk membangun bersama-sama. Hal ini menarik ramai masyarakat yang duduk di luar bandar untuk berhijrah ke bandar mencari pekerjaan. Akibatnya aktiviti dan hasil pertanian menjadi berkurang. Peningkatan arus perpindahan daripada luar bandar ke bandar-bandar industri sehinggakan jumlah pekerja juga semakin meningkat. Sementara itu, kilang-kilang banyak yang menggunakan tenaga mesin sehingga upah pekerja menjadi murah, jaminan sosial berkurang sehingga kehidupan mereka menjadi susah.

Kesan daripada revolusi industri kepada bidang sosial adalah terjadinya konflik antara majikan dengan pekerja. Situasi ini telah menimbulkan kumpulan baharu iaitu kumpulan usahawan (kaum kapitalis) yang hidup mewah dengan kumpulan pekerja atau buruh yang hidup dalam kemiskinan. Keadaan ini yang menimbulkan kecemburuan daripada kumpulan buruh kepada kumpulan majikan, seterusnya menimbulkan kebencian terhadap sistem ekonomi kapitalis, sehingga kaum buruh lebih condong kepada fahaman sosialis.

Dalam bidang politik, kaum buruh yang diperlakukan tidak adil oleh kaum usahawan membentuk organisasi yang dikenali sebagai gerakan sosialis. Tokoh yang paling popular dalam penggerakan pemikiran ini adalah Karl Marx dengan bukunya yang terkenal *Das Kapital*. Kedudukan kaum buruh di parlimen cukup kuat pada masa itu sehingga mendorong dibentuknya suatu parti perjuangan politik

iaitu Parti Buruh yang berpandangan kepada sosialis. Di pihak usahawan, kaum kapitalis juga mendirikan parti yang dikenali sebagai Parti Liberal. Kaum kapitalis ini memiliki pengaruh yang kuat dalam kerajaan sehingga berjaya mempengaruhi terjadinya imperialisme moden iaitu perluasan kawasan-kawasan tempat pemasaran hasil industrinya, mencari bahan mentah, penanaman modal yang menguntungkan, dan kawasan untuk mendapatkan tenaga buruh yang murah.

Revolusi industri yang terjadi juga menimbulkan kefahaman etnosentrisme. Etnosentrisme merujuk kepada kepercayaan atau rasa bangga yang wujud dalam kalangan anggota sesebuah kelompok etnik bahawa budaya dan etnisiti mereka adalah jauh lebih baik dan hebat daripada kelompok lain. Keadaan ini menyebabkan sesetengah kaum atau puak yang mempunyai taraf hidup yang lebih rendah akan disisihkan. Walaupun ia tidak berlaku secara terang-terangan, akan tetapi sebilangan puak minoriti atau golongan rakyat berpendapatan kecil akan berasa rendah diri dan tidak mendapat layanan yang sama rata dengan puak yang lain. Perkara ini boleh mencetus konflik sosial yang lebih teruk antara kaum atau etnik tertentu. Walhal isu ini sepatutnya tidak berlaku pada hari ini memandangkan masyarakat dapat didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan dapat berkongsi kelebihan yang ada dengan orang lain dan tidak mementingkan diri.

KESEDARAN NASIONAL DALAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Kesedaran nasional merujuk kepada kesedaran yang wujud dalam kalangan individu dan kumpulan dalam suatu negara atau dengan kata lain kesedaran yang wujud dalam kalangan rakyat suatu negara. Contohnya ketika berlaku krisis mata wang yang menjejaskan hampir seluruh negara di dunia pada tahun 1998, negara Korea Selatan

merupakan salah satu negara yang terjejas teruk. Pada masa itu, rakyat Korea Selatan telah bersatu padu dengan memberikan sebahagian harta kekayaan yang dimiliki seperti emas, wang bagi membantu kerajaan keluar dari krisis ekonomi yang terjadi masa itu. Ini merupakan salah satu contoh kesedaran rakyat bahawa permasalahan yang negara sedang hadapi adalah tanggungjawab mereka sebagai warganegara dan tidak hanya bergantung kepada kerajaan sahaja.

Di Malaysia, rakyat Malaysia juga memiliki tahap kesedaran yang cukup tinggi terutamanya ketika berlaku bencana seperti banjir, pandemik penyakit, mereka bersatu padu menyumbangkan tenaga dan harta untuk meringankan beban mangsa dan juga untuk membantu kerajaan menanggung kos pengurusan bencana. Kesedaran untuk membantu sesama masyarakat yang sedang menghadapi kesusahan tidak dapat terjadi begitu sahaja. Ia merupakan sebuah proses yang agak panjang perlu dilalui oleh rakyat Malaysia. Proses ini bermula di rumah dan diperkukuhkan di sekolah serta universiti dan dimatangkan di persekitaran hidupnya semasa dewasa. Justeru, proses untuk mewujudkan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat Malaysia perlu diajarkan sejak kanak-kanak. Ia juga boleh dijalankan melalui aktiviti sederhana seperti memberi derma untuk membantu masyarakat yang dilanda bencana, terlibat dengan aktiviti persatuan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan sebagainya.

Untuk menubuhkan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat Malaysia pada masa kini, kurikulum pengajaran yang berkaitan dengan isu ini patut ditambah baik dan diperkenalkan sejak tadika dan diteruskan sehingga peringkat pengajian tinggi. Hal ini bagi membolehkan proses pendidikan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat Malaysia dapat mencapai objektifnya.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL DALAM DAN LUAR NEGARA

Tanggungjawab sosial adalah kewajiban atau tanggungjawab pihak individu atau perusahaan untuk membuat keputusan atau mengambil tindakan yang dapat memberikan manfaat, kesejahteraan dan kebajikan kepada masyarakat dan organisasi. Contoh tanggungjawab sosial adalah program-program komunitas yang dijalankan oleh pihak perusahaan AEON bagi membantu menjaga kelestarian alam sekitar. Setiap syarikat besar biasanya memiliki program berbentuk tanggungjawab sosial atau yang dikenali sebagai *corporate social responsibility* (CSR).

Tanggungjawab sosial ini dapat dilakukan oleh individu atau organisasi yang berada di dalam negeri dan juga di negara luar. Contohnya CSR yang dijalankan oleh syarikat-syarikat antarabangsa seperti Microsoft, Danone, Nestle, dan sebagainya. Salah satu contoh tanggungjawab sosial yang sangat terkenal pada masa kini adalah Grameen Bank yang didirikan oleh Muhammad Yunus. Grameen Bank adalah sebuah bentuk keusahawanan sosial yang bertujuan untuk membantu masyarakat miskin, khususnya kaum wanita di Bangladesh. Walaupun pada awalnya, Grameen Bank bermula di Bangladesh tetapi pada saat ini hampir di semua negara terutamanya negara-negara membangun terdapat Grameen Bank atau organisasi berkonsepkan Grameen Bank. Contohnya Amanah Ikhtiar Malaysia yang banyak membantu golongan miskin, khususnya kaum wanita di Malaysia.

Tanggungjawab sosial ini banyak dijalankan di seluruh dunia masa kini yang bertujuan untuk membantu mengurangi permasalahan sosial, ekonomi, persekitaran, kaum, dan sebagainya. Banyak aktiviti berbentuk tanggungjawab sosial dijalankan oleh individu mahupun kumpulan terutamanya yang berhubungan dengan alam sekitar, hak asasi manusia, kemiskinan, pendidikan dan sebagainya.

Perubahan iklim merupakan isu global masa kini. Ramai kumpulan pencinta alam bersama kumpulan saintifik di seluruh dunia

menjalankan aktiviti dan penyelidikan berkaitan perubahan iklim ini. Perubahan iklim yang terjadi hampir di seluruh dunia pada masa kini disebabkan oleh perbuatan tidak bertanggungjawab daripada individu mahupun kumpulan tertentu.

Perubahan iklim memberi kesan kepada kesediaan sumber pangan yang mencukupi. Kekurangan sumber pangan dan faktor kemiskinan menyebabkan ramai berlaku kes kebuluran saat ini. Perubahan iklim yang terjadi di seluruh dunia terutamanya di kawasan Asia Tenggara telah memberi kesan kepada masyarakat di Malaysia. Keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan produksi sumber makanan menjadi tidak stabil dan dapat mengganggu kecukupan sumber makanan sehingga berlaku kebuluran. Oleh kerana itu kita terpacu untuk membantu meringankan beban kehidupan mereka dengan menjalankan beberapa aktiviti sosial dan program keusahawanan sosial.

Selain itu juga, setiap individu di negara ini perlu menjaga kestabilan kehidupan berbangsa dan bernegara dengan mempertahankan kestabilan politik. Hal ini merupakan salah satu contoh tanggungjawab sosial seseorang kepada negara, kerana sekiranya keadaan politik tidak stabil sehingga menyebabkan berlakunya rusuhan maka rakyat yang akan menderita dan sengsara.

Kesukarelawanan

Merujuk kepada *Kamus Dewan*, perkataan sukarela, bermakna dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa, tidak dikerah dan dengan rela hati. Manakala perkataan kesukarelaan pula bermakna sikap sukarela. Berdasarkan makna tersebut, kesukarelawanan secara umumnya dapat dimaksudkan sebagai melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah dengan niat yang ikhlas dan dengan tidak mengharap apa-apa pulangan untuk diri sendiri.

Dari sudut pandangan Islam, kesukarelawanan bermakna memberi khidmat bakti kepada manusia lain dengan hati yang ikhlas kerana Tuhan dengan sentiasa menjaga sahsiah yang baik dan memelihara batas-batas yang diizinkan. Islam memberikan petunjuk untuk menggalakkan amalan kesukarelawanan melalui ayat dalam al-Quran yang merujuk kepada konsep *fastabiqul khairat*, iaitu berlumba-lumbalah berbuat kebajikan (Al-Quran: 2-148).

Individu yang sanggup berkorban dan melakukan kerja-kerja kesukarelawan ini dikenali sebagai “sukarelawan” bagi lelaki dan “sukarelawati” bagi perempuan. Akan tetapi dalam konteks penggunaan dan pengamalan harian, istilah sukarelawan ini yang digunakan untuk mewakili sukarelawan lelaki dan juga perempuan. Contoh NGO yang menjalankan aktiviti kesukarelawanan di dalam dan luar negara adalah Mercy Malaysia, HALUAN, Muslim Care, EZ Qurban dan Yayasan Sejahtera.

Sikap sukarelawan mendorong seseorang untuk dapat terus hidup secara bermasyarakat dan berkongsi ukhuwah serta kasih sayang. Pada hakikatnya para sukarelawan adalah insan-insan berbudi yang dengan ikhlas membantu sesamanya tanpa mengharapkan sebarang balasan. Sekiranya individu atau kumpulan yang dibantunya berjaya keluar daripada permasalahan mereka, ia merupakan suatu kepuasan dan kebahagiaan tersendiri bagi para sukarelawan. Seringkali kita tidak mengenali para sukarelawan ini kerana sebahagian tidak ingin dikenali dan tidak ingin mencari publisiti. Bahkan mereka telah menabur jasa dan meninggalkan kesan abadi pada jiwa-jiwa manusia lain yang dibantunya. Walaupun demikian, terdapat segolongan individu yang mengaku sukarelawan tetapi meletakkan namanya untuk dikenali oleh masyarakat dan mereka yang ditolongnya. Setiap manusia seharusnya sentiasa menampilkan sifat sukarelawan yang tulus tanpa mengharapkan balasan atau untuk suatu tujuan tertentu, serta sentiasa bersedia berkongsi khidmat dan keringat untuk membantu orang lain.

KESIMPULAN

Etika, moral dan akhlak adalah elemen penting dalam suatu perhubungan di antara manusia dengan penciptanya, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Sikap beretika, bermoral dan berakhlak ini berkaitan dan mencerminkan emosi dalaman seseorang. Etika dan akhlak merupakan tali pengikat di antara sesama manusia kerana manusia yang beretika, bermoral dan berakhlak akan membentuk masyarakat yang harmoni, negara yang selamat dan dunia yang damai. Akan tetapi ia bukan suatu perkara yang mudah kerana manusia memiliki pelbagai sifat dan keinginan yang sukar untuk diramal dan dikawal. Oleh kerana itu perlu dilakukan kajian yang mendalam secara holistik mencakupi individu, institusi, dan pihak-pihak yang berkuasa bagi mendapatkan pandangan untuk membina suatu aturan dan norma-norma am dan khas bagi menguruskan perilaku manusia.

“Seorang saintis bukan sahaja mahir dalam fakta saintifik bidangnya, tetapi sedar bahawa sains dan dunia ilmu wujud dalam kerangka masyarakat. Maka setiap kerja saintifik pada dasarnya bermatlamatkan untuk mempromosi dan menjaga kesejahteraan hidup manusia dan masyarakat.” (Donald, 2013)

RUJUKAN

- Donald, K.J., Kovac, J. (2013). The Scientist's Education and a Civic Conscience. *Science and Engineering Ethics*, 19(3): 1229-1240.
- Kamus Online Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). <https://prpm.dbp.gov.my/Search?k=kamus>
- Muhammad, Y. (2010). Building Social Business: *The New Kind of Capitalism That Serves Humanity's Most Pressing Needs*, USA: Perseus Books Group.
- Slide Pengajaran Penghayatan Etika dan Peradaban (2020). Jawatankuasa Penggubal Buku Teks PEP, Institut Kajian Etnik Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman, M. & Mohd, N. (2009). Memupuk Kesedaran Tanggungjawab Sosial Melalui Penglibatan dalam Aktiviti Kejiranan dari Kaca Mata Islam. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kerja Sosial*, Melaka, 24 Julai 2009.
- Tye, J. (2010). *The Twelve Core Action Values*, USA: Values Coach Inc.
- Laws of Malaysia (Online Version of Updated Text of Reprint. (2012). Civil List Act 1982. *Attorney-General Chamber*.
- Centre for Public Policy Studies. (2020). *Policy Factsheet: Remuneration of Elected Officials in Malaysia*, <http://cpps.org.my/>, diambil pada 20 Mac 2021.
- Tylecote, R.F. (1992). *A History of Metallurgy*, Second Edition. London: Maney Publishing.
- Yamani, E. (2015). *Tanggungjawab Sosial*. <https://prezi.com/qnfiadj91wz/tanggungjawab-sosial/> diambil pada 12 Disember 2020.

TOPIK 9

CABARAN KELESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

Burhan Che Daud dan Nur Azuki Yusuff



Objektif:

Memahami Cabaran Kelestarian Etika dan Peradaban di Malaysia.

Hasil Pembelajaran:

1. Menjelaskan kelestarian etika dan peradaban dalam kepelbagaian masyarakat dan negara bangsa.
2. Menghuraikan etika dan peradaban Malaysia dalam konteks pengalaman negara dan perspektif antarabangsa
3. Menganalisis matlamat pembangunan lestari dan kesejahteraan bersama.

Kandungan Bab:

1. Kelestarian Etika dan Peradaban Malaysia
2. Kedinamikan Etika dan Peradaban Malaysia
3. DEB Pemangkin Kemiskinan Bersama (*shared poverty*) Tetapi Gagal Membawa Kemakmuran Bersama (*Shared Prosperity*)
4. Hakisan Sosial ke atas Kelestarian Etika dan Peradaban:
 - a) Defisit Sosial
 - b) Tadbir Urus dan Pembangunan
 - c) Ekonomi Gelap (*Black Economy*) dan Rasuah
5. Kelangsungan Kelestarian Etika dan Peradaban Malaysia ke arah Pembangunan Serta Kemakmuran Negara Bangsa:
 - a) Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Matlamat Pembangunan Lestari
 - b) Kesepaduan Nasional dan Perpaduan Negara
 - c) Perkongsian Pengalaman Etika dan Peradaban Malaysia Demi Keharmonian, Kestabilan dan Kemajuan Peradaban Sejagat

PENGENALAN

Era Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0) menyaksikan perubahan drastik dalam kehidupan masyarakat lokal dan global. Cabaran IR4.0 telah memberikan impak yang besar dalam aspek ekonomi, politik dan sosial masyarakat. Namun, jika diteliti secara mendalam dalam konteks realiti sosial masyarakat sejagat, ia terbahagi kepada dua perspektif utama. Pertama, realiti sosial yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang secara praktiknya berciri dari atas ke bawah (*top-down*) atau disebut juga sebagai takrifan autoriti. Kedua, realiti sosial yang lebih terbuka iaitu ditentukan oleh setiap individu, keluarga dan komuniti demi keperluan seharian masing-masing atau diistilahkan juga sebagai takrifan harian.

Dalam kedua-dua konteks realiti sosial ini, etika dan peradaban mempunyai pengaruh yang besar. Sebagai contoh, adat istiadat yang diamalkan dalam masyarakat adalah termasuk dalam kategori takrifan autoriti kerana wujud peraturan bertulis menentukan susunan adat istiadat yang perlu dilaksanakan. Sebaliknya, adat resam masyarakat ditentukan oleh perilaku kebiasaan seharian berasaskan takrifan harian tanpa apa-apa peraturan bertulis. Dalam konteks yang formal seperti adat istiadat, wujud protokol yang telah ditentukan untuk dipatuhi. Apabila ianya melibatkan peringkat yang lebih tinggi dan formal seperti peringkat negara dan antarabangsa, prosedur dan protokolnya semakin ketat dan terperinci, termasuk keperluan berpakaian rasmi. Ini memerlukan tanggungjawab sosial dan kesedaran nasional yang lebih tinggi dan formal. Dalam konteks tidak formal, walaupun tiada peraturan tetapi wujud tanggungjawab sosial dalam bentuk adab dan nilai hormat-menghormati yang menjadi panduan perilaku individu. Perihal amalan dapat dilihat secara jelas dalam aktiviti sosial masyarakat seumpama majlis kenduri kahwin, kenduri kematian, upacara meminang dan acara sambutan dalam tradisi masyarakat.

Etika dan peradaban adalah perilaku tanggungjawab sosial yang lahir daripada kesedaran sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, masyarakat, dan negara yang bertujuan mencapai keharmonian, kesepaduan dan kesaksamaan dalam masyarakat.

KELESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN MALAYSIA

Etika dan peradaban sepanjang sejarah tamadun manusia adalah berciri dinamik, sentiasa mengukuh, berubah-ubah dan tidak kekal. Tekad dan usaha memahami dan menghayati bentuk-bentuk etika serta peradaban ini termasuk inisiatif mengemukakan penjelasan berdasarkan kerangka yang tepat secara kritis, analitikal, saintifik dan merupakan tugas penting komuniti terpelajar.

Etika dan peradaban Malaysia telah berkembang dari tapak peradaban alam Melayu dengan kewatanan Melayu dan bumiputera sebagai terasnya. Tapak peradaban peribumi ini telah bergaul dengan ketamadunan majmuk melalui gelanggang Selat Melaka sebagai pertemuan sedunia dari China, India, Timur Tengah dan Barat dalam membina negara bangsa dan ketamadunan acuan Malaysia pada hari ini.

Bertitik tolak daripada kerangka peradaban majmuk, Malaysia membina etika dan peradaban beracuan sendiri dengan menyulam kepelbagaian etika dan peradaban dalam melahirkan sebuah negara dan ketamadunan yang damai, stabil, maju dan kesejahteraan Obama, mantan Presiden Amerika Syarikat mempotretkan Malaysia sebagai sebuah negara masyarakat Islam yang moderat, maju dan terkini (Awani, 2015). Imran Khan, Perdana Menteri Pakistan pula menyatakan bahawa Malaysia mempunyai masyarakat yang beradab dan bertamadun (Bernama, 2020).

Oleh kerana usaha membina ketamadunan bukan suatu perkara mudah dan dijamin berkekalan, maka masyarakat kontemporari perlu

mengambil iktibar daripada sejarah lampau. Sejarah pasti berulang bagi mereka yang tidak mengkaji, mengambil iktibar dan menjadikannya sebagai panduan hidup bagi merancang masa hadapan.

Pengalaman peradaban dalam konteks global dari zaman purba hingga sejarah kontemporari menunjukkan kedinamikan berlaku dan tiada satu pun peradaban kekal dan berterusan. Ini termasuklah peradaban Mesopotamia, Mesir, Indus, China, Incas, Maya hingga Inggeris dan Amerika Syarikat pada hari ini. Sebab dan akibat kejatuhan sesebuah ketamadunan adalah kompleks tetapi dicelah keruntuhan sistem kehidupan dan keagungan material yang tercapai muncul dan meluasnya keruntuhan nilai masyarakat yang terangkum di dalamnya pelbagai konsep seperti etika, moral, adab dan akhlak. Teras utama kepada kerangka sistem nilai dan etika ini adalah keadilan. Jika kezaliman mengambil tempat keadilan dan kesaksamaan, natijahnya kekejaman dan penganiayaan akan membawa kehancuran masyarakat sekali gus meruntuhkan sistem nilai kemanusiaan. Akhirnya, peradaban akan ranap dan runtuh tanpa nisan.

Dalam suasana kedinamikan etika dan peradaban ini, maka masyarakat harus sentiasa prihatin dan secara sedar merancang serta melaksanakan pembaharuan institusi (*institutional reform*) secara sistematik dan mendasar. Inisiatif ini amat signifikan bagi memastikan sistem nilai dan etika mendarah daging dalam setiap jiwa dan sanubari rakyat Malaysia demi memastikan peradaban Malaysia terus unggul.

Etika dan peradaban di alam Melayu dan timur dari China, India dan Timur Tengah adalah berteraskan nilai. Nilai-nilai utama yang menjadi adab dalam kehidupan bermasyarakat termasuklah nilai tanggungjawab, keprihatinan, amanah, bertolak ansur, kedamaian, keadilan, kebaikan, disiplin, kerajinan, muafakat dan kemajuan. Setiap peradaban membangunkan ciri adab, adat, adat resam dan adat istiadat berdasarkan nilai-nilai ini sesuai dengan persekitaran geografi, ekonomi, sosiobudaya dan politik setempat.

Impak signifikan kedatangan penjajah Barat melalui proses kolonisasi membawa dimensi baharu etika dan peradaban yang bersifat kontradiksi dengan pemikiran serta amalan masyarakat setempat. Perihal ini terangkum dalam konsep agama dipisah dari politik, pemikiran logik rasional dan keutamaan mendapat habuan serta keuntungan menjadi matlamat individu. Kekuatan setiap peradaban ini telah disulam secara unik ke dalam peradaban Malaysia dengan etika dan peradaban Melayu sebagai terasnya.

KEDINAMIKAN ETIKA DAN PERADABAN MALAYSIA

Setiap peradaban memiliki ciri-ciri terbuka kepada kemajmukan dan penerimaan pengaruh luar. Namun begitu, gelanggang pertemuan dan pergaulan sepanjang Selat Melaka, dari pelabuhan Palembang, Melaka hingga Kedah dan Aceh menunjukkan hubungan ini menguntungkan, produk tempatan ditukar dengan produk-produk dari China, India dan Barat.

Wujud sekelompok individu dari kumpulan etnik pelbagai peradaban majmuk ini yang memilih untuk kekal menetap di Tanah Melayu dan selepas pengisytiharan kemerdekaan, golongan ini menjadi sebahagian rakyat merdeka di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Sejarah sosial dari zaman pra, kolonial hingga di peringkat awal pascakolonial, masyarakat plural di Tanah Melayu merupakan bentuk utama masyarakat di negara ini; berlaku ketidakseimbangan sosial dan kehidupan yang terpisah dan terasing oleh perbezaan etnik, bahasa, budaya, agama, pekerjaan dan tempat tinggal.

Rusuhan etnik 13 Mei 1969 dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada dekad 1970-an telah berjaya membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sehingga pembangunan, migrasi dalaman dan perubahan teknologi telah mencetus perubahan sosial. Perubahan sosial telah menjadikan pekerjaan sara diri bertani

berkembang kepada ciri komersial-industrial, golongan miskin menjadi kelas menengah dan kehidupan kampung menjadi kosmopolitan. Perubahan sosial ini menandakan bahawa negara sudah berubah dari sebuah negara mundur kepada negara maju.

Perubahan sosial ini juga telah mentransformasi masyarakat daripada memiliki budaya tradisional kepada budaya kemodenan yang mengutamakan keadilan, keterangkuman, demokrasi, kesepaduan sosial, menolak keganasan dan ketidakstabilan politik. Budaya kemodenan ini telah mengurangkan salah faham, ketegangan sosial dan pergaduhan dalam pelbagai kumpulan etnik di Malaysia.

Dewasa ini, kita menyaksikan bahawa batas etnik di antara kumpulan etnik di Malaysia tidak tebal perbezaannya. Hal ini adalah kerana hubungan di antara pelbagai golongan terjalin dalam suasana kesepaduan, diikat oleh nilai sivik sejagat seperti keadilan dan kebajikan. Keterangkuman ini juga tidak lagi meletakkan perbezaan etnik sebagai faktor primer dalam penentuan sikap dan matlamat kehidupan bermasyarakat.

Justeru, etika dan peradaban yang dihayati rakyat Malaysia, asalnya majmuk, telah membina perkongsian nilai hidup bersama sehingga pendapat awam difahami sama bukan berbeza. Bahkan hubungan di antara pelbagai peringkat masyarakat diperhatikan telah merentas batas etnik dan membina hubungan berdasarkan perkiraan matlamat kehidupan sosial. Natijah penting adalah rakyat Malaysia sudah mampu menerima, berkongsi dan meraikan perbezaan etnik di antara mereka sehingga menyubur kesedaran kolektif bersama etos bangsa Malaysia sebagai jati diri mereka.

DASAR EKONOMI BARU (DEB) PEMANGKIN KEMISKINAN BERSAMA TETAPI GAGAL MEMBAWA KEMAKMURAN BERSAMA

Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah dasar awam yang berjaya membasmi kemiskinan dari tahun 1970-an dan menyusun semula masyarakat daripada segi pendidikan, pekerjaan, keusahawanan dan pemilikan kediaman hingga lahir budaya kelas menengah dalam negara merentas etnik.

Namun begitu, DEB sebagai pemangkin perubahan kemiskinan bersama (*shared poverty*) dalam tahun 1970-an hingga tahun 2010-an berdasarkan data pengagihan pendapatan, pemilikan harta, ekuiti saham korporat dan pekali ini mengikut bandar, luar bandar dan etnik menunjukkan Malaysia tidak mampu mempertahankan pertumbuhan dan pengagihan ekonomi dengan baik sehinggakan golongan kelas menengah kurang berkembang tetapi golongan B40 yang semakin meningkat. Kegagalan mengagihkan kekayaan negara ini akan melahirkan keresahan ekonomi dan politik dalam kalangan masyarakat.

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) telah berusaha menampilkan model ekonomi baharu tetapi dipengaruhi oleh pendekatan kumpulan negara-negara sedang membangun BRIC (Brazil, Rusia, India dan China) yang mementingkan pendapatan per kapita tinggi tanpa memberi tumpuan yang wajar kepada kumpulan B40, miskin dan terpinggir dalam masyarakat. Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), rakyat telah memilih kerajaan baharu agar kemakmuran bersama yang menjadi matlamat pembangunan negara yang mendahulukan kebajikan rakyat dapat direalisasikan.

HAKISAN SOSIAL KE ATAS KELESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

Hakisan sosial ke atas kelestarian etika dan peradaban Malaysia semakin serius sejak tahun 2000 dan mencapai kemuncak pada tahun 2018. Situasi ini dapat dilihat dengan wujud insiden-insiden signifikan membuktikan terhakisnya budaya keadilan, integriti, tolak ansur, kesepaduan dan demokrasi dalam negara. Sebagai contoh, isu-isu yang ditimbulkan oleh golongan rakyat menunjukkan bahawa mereka bersuara dengan harapan penambahbaikan berlaku dalam organisasi pemerintah. Selain itu, kepantasan hakisan sosial yang dipacu pula dengan tsunami maklumat palsu yang berniat membakar sentimen etnik dan agama di dunia digital tanpa etika dan kesannya dirasai menjarah keharmonian dan kestabilan negara. Hakisan sosial ke atas kelestarian etika dan peradaban negara akan ditinjau dari aspek-aspek di bawah:

1. Defisit sosial

Dalam konteks pembangunan negara secara umum, wujud golongan miskin tanpa mengira etnik di bandar dan luar bandar, dalam sektor pertanian sara diri dan estet. Terdapat juga negeri-negeri yang masih terperangkap dengan kemiskinan sehingga peluang dan akses kepada pendidikan dan kesihatan masih lagi terhad dan pada tahap amat rendah. Manakala dalam konteks pembinaan negara bangsa, isu-isu berkaitan etnik, bahasa, budaya, agama, kekeluargaan, raja, Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Negeri, sejarah dan identiti negara masih lagi memerlukan inisiatif pencerahan berterusan agar warganegara Malaysia menghayati kepentingan menjulang kesepaduan sosial dalam masyarakat.

2. Tadbir urus dan pembangunan

Dalam konteks tadbir urus dan governan negara, segala unsur yang boleh merosakkan etika dan peradaban rakyat dari dalam harus dibasmi secara serius. Isu-isu seumpama ini akan menggugat keadilan, kesaksamaan dan keterangkuman dalam agihan kekayaan negara kepada golongan yang amat memerlukan. Perihal ini juga termasuklah kegagalan mengurus golongan B40 secara efektif, peranan media sosial yang cenderung menyebarkan hasutan terhadap etnik dan agama serta kelancangan segolongan individu mempersoalkan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

3. Ekonomi gelap (*black economy*) dan rasuah

Cabaran moden dalam ekonomi terlalu parah. Isu-isu strategik nasional dan antarabangsa seumpama pemerdagangan manusia, kewujudan pekerja asing tanpa dokumen, pelacuran, judi, dadah, pembalakan, kerosakan alam sekitar seperti hutan dan sungai semakin hari semakin serius. Manusia sosial yang mengurus alam tanpa nilai akan merosakkan sumber-sumber alam anugerah Tuhan. Akibat yang paling serius adalah berleluasanya salah guna kuasa dan rasuah dalam kalangan penjawat awam dan golongan yang berautoriti (Berita Harian, 2020).

KELANGSUNGAN KELESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN BAGI PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA DAN KETAMADUNAN MALAYSIA

Kelangsungan kelestarian etika dan peradaban Malaysia tertakluk kepada pembinaan negara bangsa yang tersimpul dalam membina

bangsa Malaysia berasaskan kerangka Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta tadbir urus dan pembangunan negara dengan adil dan terangkum. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan defisit sosial dan sekali gus mengukuhkan keterikatan kolektif merentas etnik dan negeri sehingga terbina kesepaduan nasional. Pembinaan negara bangsa yang meraikan faktor sejarah dan warisan simbol-etno negara akan melahirkan keharmonian dan kestabilan. Manakala tadbir urus baik dan pembangunan akan mengukuhkan kualiti hidup dan kesepaduan nasional rakyat.

Kegagalan mengurus kedua-dua aspek ini akan meminggir dan mengabaikan kehidupan rakyat. Dalam konteks masyarakat majmuk, dimensi etnik dan agama akan digembelngkan untuk mempertahankan kepentingan masing-masing. Hubungan etnik yang harmoni barangkali boleh berubah sekelip mata menjadi tegang dan berkesudahan dengan konflik. Perkara ini akan dihuraikan di bawah berdasarkan aspek berikut:

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 dan matlamat pembangunan lestari

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah suatu wawasan yang dibangunkan mengambil kira ketidakseimbangan sosioekonomi negara berdasarkan keperluan pelbagai peringkat masyarakat termasuk rakyat kalangan Melayu dan bumiputera yang tinggal di luar bandar semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pendekatan pembangunan ekonomi model Brazil, Rusia, India dan China yang menguntungkan pemilik ekuiti korporat asing dan golongan T20 Malaysia masih diteruskan tetapi harus diimbangi dengan kesedaran golongan B40 yang tidak bersuara dan kuasa sering dipinggirkan kepada peluang dan akses kepada sumber material negara.

Pengubalan RMK-12 seharusnya mengutamakan pembangunan dengan pengagihan demi memastikan rakyat diutamakan sehingga peningkatan kualiti hidup yang baik akan membina budaya moden dan disulami dengan nilai norma sejagat.

Keterlestarian etika dan peradaban Malaysia yang berpaksikan sistem nilai dan etika yang mengutamakan kesepaduan nasional dan perpaduan dalam negara pasti akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan damai lantas kelangsungan pembangunan pasti akan berlaku. Hasilnya, masyarakat akan berkongsi nilai bersama keadilan, keterangkuman, keadilan, tolak ansur, bertanggungjawab dan prihatin dengan keperluan kebajikan sesama mereka.

2. Kesepaduan nasional dan perpaduan negara

Tadbir urus dan pembangunan yang baik akan membina kesepaduan nasional sehingga wujudnya elemen-elemen pengukuhan kepada perpaduan negara. Etika dan adab seperti amanah, bertanggungjawab, prihatin dengan kebajikan dan bertolak ansur pasti akan mendorong masyarakat untuk hidup aman, damai dan harmoni bersama.

Kegagalan melaksanakan pembangunan dan tadbir urus dengan adil sehingga melebarnya jurang kaya-miskin, bandar-desa dan kumpulan etnik-agama akan mewujudkan impak berganda dengan bertambahnya peratus golongan miskin dan terpinggir. Dalam masa yang sama, akan mengakibatkan lahirnya kumpulan pembangkang yang renggang dengan kerajaan dan mengambil pendirian menolak dasar-dasar kerajaan. Etika dan adab terhadap negara akan tercalar melalui tanggapan buruk yang tersebar dalam dunia digital termasuk berita-berita palsu yang memburukkan pemimpin dan parti pemerintah. Tambahan pula, propaganda politik semasa ditularkan tanpa mengambil kira sensitiviti terhadap rakyat dari pelbagai etnik dan agama.

Dalam suasana sosial sedemikian, kepimpinan politik dan badan bukan kerajaan (NGO) akan merebut peluang memanipulasi dimensi etnik dan agama demi meluaskan pengaruh serta mendapat sokongan dan undi rakyat. Dengan kualiti hidup dan ekonomi yang tidak terjamin pasti akan berterusan kegelisahan dan ketegangan sosial dalam masyarakat, jika tidak ditangani segera akan melahirkan perpecahan, ketidakstabilan politik dan membantut pembangunan negara.

3. Perkongsian pengalaman etika dan peradaban Malaysia demi keharmonian, kestabilan dan Kemajuan ketamadunan sejagat

Malaysia adalah sebuah pascakolonial negara tamu dan menerima pelbagai peradaban majmuk dan anggotanya menjadi warganegara. Pertemuan dan pergaulan peradaban majmuk ini telah memperkayakan peradaban kewatanan Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak melalui proses difusi dengan meminjam budaya, pemakanan, bahasa dan budaya kerja di antara mereka. Pengalaman Malaysia, menunjukkan pembangunan setinggi mana kadar pertumbuhan ekonomi jika pengagihan dan kesejahteraan rakyat tidak dijaga, negara yang makmur dan kehidupan berkualiti tinggi tidak boleh menjamin kedamaian, kesepaduan, perpaduan dan kestabilan jika kekayaan hasil pembangunan hanya dinikmati oleh kumpulan yang bersuara dan berkuasa sahaja.

Indeks Kualiti Hidup, Indeks Kesejahteraan Malaysia, Indeks Maqasid Malaysia, Indeks Perpaduan Nasional dan Indeks Kedamaian Global menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara yang makmur, damai dan sejahtera. Kejayaan Malaysia dalam mentadbir urus dan pembangunan negara dengan baik, adil dan terangkum adalah formula yang boleh dikongsi bersama dengan negara yang masih berhadapan dengan permusuhan dan konflik etnik dan agama.

Malaysia sentiasa berpegang bahawa tadbir urus, pembangunan mapan dan kemajuan negara bangsa bukan matlamat akhir negara tetapi perpaduan merupakan matlamat akhir yang dihasratkan dan ingin dicapai bersama. Oleh itu, hasil kesepaduan nasional antara rakyat Malaysia akan melahirkan perpaduan yang diidamkan oleh bangsa. Kesepaduan ini tercapai melalu proses berterusan dan sistematik dalam mengurus defisit sosial melalui perbincangan, perundingan, dialog dan mediasi. Ia juga boleh dilakukan melalui perbincangan mengenai isu sekolah, agama, kerakyatan dalam Perlembagaan Persekutuan, isu tadbir urus kerajaan yang lemah dan meminggirkan etnik minoriti. Selain itu, medium ini dapat memberi peluang, akses dan kesempaan kepada pelaksanaan program pembangunan agar setiap rakyat mendapat manfaat dengan adil dan saksama.

Dalam dunia digital kini, bukan sahaja tadbir urus dan pembangunan mesti baik tetapi kenyataan berbau sensitif, chauvinis dan diskriminasi terhadap etnik dan agama lain perlu diuruskan dengan baik. Banyak negara di dunia tidak menjadikan kenyataan kebencian ebagai satu jenayah tetapi penular kenyataan kebencian ini dan dikukuhkan lagi dengan maklumat palsu pasti melahirkan salah faham, ketegangan sosial dan pergaduhan di dalam masyarakat.

Pengalaman Malaysia perlu dikongsi secara meluas di peringkat negara-negara jiran, serantau dan sedunia dalam membina keharmonian, kestabilan dan kemajuan ketamadunan sejagat. Potensi pengupayaan personaliti manusia juga perlu digarap untuk melahirkan individu yang berdikari dan kaya dengan jati diri yang teguh. Peningkatan keupayaan individu akan mengukuh keupayaan keluarga, komuniti dan negara dan nilai-nilai etika dan peradaban sejagat.

KESIMPULAN

Kelestarian etika dan peradaban sejagat sentiasa tercabar dan terkesan oleh proses hakisan sosial yang berlaku secara beransur-ansur. Ini kerana perubahan dalam masyarakat berlaku dengan pantas dan sukar dikawal sama ada dari segi sosial, ekonomi, politik, alam sekitar, teknologi dan sebagainya. Kepsatan pembangunan ekonomi banyak membawa implikasi positif dalam peningkatan pendapatan negara dan kesejahteraan hidup masyarakat. Namun begitu, ketidakseimbangan yang berlaku dalam pembangunan negara membawa implikasi negatif terhadap persekitaran fizikal, alam sekitar dan kesihatan masyarakat.

Pada dekad awal kemerdekaan berlakunya kemiskinan bersama. Namun, setelah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik dan menjadi pemangkin kepada kesejahteraan bersama yang merangkumi kesepaduan nasional. Perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baharu ke arah pengejalan etika dan peradaban di Malaysia.

Justeru, dalam konteks masa hadapan, masyarakat majmuk di Malaysia seharusnya mempunyai visi bersama ke arah mengukuhkan ikatan antara kaum dan agama bagi menyokong negara bangsa yang merdeka dan moden. Kerangka asas yang perlu menjadi panduan utama adalah sistem nilai, etika dan peradaban yang dipersetujui bersama, didukung dan dihayati dalam rutin kehidupan bermasyarakat. Melalui usaha yang sistematik berdasarkan pengukuhan tiang seri kesepaduan ini, masyarakat Malaysia akan mampu menjulang etika dan peradaban Malaysia sehingga mampu menjadi teladan kepada masyarakat antarabangsa.

RUJUKAN


- Awani. (2015). KEMAS KINI: Lawatan Kedua Obama ke Malaysia: Apa yang Anda Perlu Tahu. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kemas-kini-lawatan-kedua-obama-ke-malaysia-apa-yang-anda-perlu-tahu-81647>, diambil pada 28 Februari 2021.
- Bernama. (2020). Dr Mahathir Pemimpin Sebenar Dunia Islam: Imran Khan, <https://www.sinarharian.com.my/article/68744/BERITA/Nasional/Dr-Mahathir-pemimpin-sebenar-dunia-Islam-Imran-Khan>, diambil pada 28 Februari 2021.
- Berita Harian. (2020). Rasuah Lebih Rancak Jika Pihak Atasan Terbabit. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/740686/rasuah-lebih-rancak-jika-pihak-atasan-terbabit>, diambil pada 28 Februari 2021.
- Ören, T.I. (2002). (Invited Paper). In *Search of a Value System for Sustainable Civilization: Ethics and Quality*. Special Focus Symposium (within InterSymp) on: Cognitive, Emotive and Ethical Aspects of Decision Making and Human Actions, August 1-2, Baden-Baden, Germany, pp. 69-72. https://www.researchgate.net/publication/254142726_In_Search_of_a_Value_System_for_Sustainable_Civilization_Ethics_and_Quality
- Groves, C. (2019). Sustainability and the Future: Reflections on the Ethical and Political Significance of Sustainability, *Sustain Sci*, 14: 915-924. <https://doi.org/10.1007/s11625-019-00700-0>
- José, L.S., Juan, M.D. (2018). Climate Change, Ethics and Sustainability: An Innovative Approach, *Journal of Innovation & Knowledge*, 3(2): 70-75, ISSN 2444-569X, <https://doi.org/10.1016/j.jik.2017.12.002>.
- Paula, G., Cavalcanti, R. (2000). Ethics: Essence for Sustainability. *Journal of Cleaner Production*. 8. 109-117. 10.1016/S0959-6526(99)00321-2.
- Mohammad, T. S. (2010). Principles of Sustainable Development in Ibn Khaldun's Economic Thought, *Malaysian Journal of Real Estate*, 5(1): 1-18.
- Mansor, M.N. (2012). *Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik: Kepelbagaian Etnik dan Perkongsian Hidup Bersama di Malaysia*. Penerbit UKM: Bangi.

- Mansor, M.N. (2014). Kesenambungan Sejarah dan Warisan Tamadun Malaysia: Pembentukan Negara Payung Anak Watan dari Alam Melayu dan Melaka. Kamaruddin M. Said (Peny.), *Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif*, Putrajaya: Majlis Profesor Negara.
- Mansor, M.N., Nazri, M., Nur, S.M. dan Hazman, H. (2017). Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012: Mengurus Pembangunan Membina Sosial, *Jurnal Perpaduan*.

BAB 10

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM ACUAN MALAYSIA

Nur Azuki Yusuff dan Mansor Mohd Noor



Objektif:

Menghidupkan Etika dan Peradaban Berasaskan Acuan Malaysia.

Hasil Pembelajaran:

1. Menjelaskan perubahan peradaban kepelbagaian masyarakat dan negara bangsa Malaysia.
2. Menghuraikan makna agama dan insan serta kepentingannya dalam pembinaan peradaban melalui etika keagamaan.
3. Menghayati peranan mahasiswa sebagai generasi penentu masa hadapan negara.

Kandungan Bab

1. Perubahan Peradaban Bangsa Kini
2. Ukuran Pembinaan Negara Bangsa Malaysia
3. Agama, Insan dan Peradaban
4. Etika Keagamaan Sebagai Benteng Peradaban
 1. Islam
 2. Hindu
 3. Buddha
 4. Kristian
 5. Konfusiisme
5. Peranan Mahasiswa dan Belia Negara

PENGENALAN

Bab akhir ini menyimpulkan keseluruhan inti pati perbincangan, khususnya dalam menghayati etika keagamaan, demi memperkasa kesepaduan dan peradaban bangsa Malaysia. Perbincangan bab ini bersifat rumusan dan penegasan di sebalik nilai dan refleksi hidup bernegara dan beragama. Tiga pendekatan diketengahkan dalam bab akhir ini. Pendekatan yang pertama ialah pembinaan bangsa Malaysia yang sedang berlangsung. Pendekatan kedua ialah melihat kepada kondisi mahasiswa dan belia negara sebagai peneraju. Seterusnya pendekatan yang terakhir ialah mengetengahkan konsep etika beragama sebagai panduan mudah dalam amalan dan penghayatan etika dalam kehidupan bersama.

PERUBAHAN PERADABAN BANGSA KINI

Kematangan hidup bernegara dan usaha membina peradaban di Malaysia sudah bermula seawal usaha pembebasan diri daripada cengkaman penjajah lagi. Pejuang-pejuang negara yang mewarnai kebangkitan rakyat, semuanya memiliki jati diri kebangsaan dan patriotik yang unggul.

Kini, perubahan geopolitik negara terfokus kepada pembinaan negara bangsa. Kerencaman hidup dalam ruang hidup sosial, ekonomi dan budaya daripada masyarakat kemajmukan dari era kolonial telah berubah kepada norma kehidupan sejagat dalam masyarakat kepelbagaian. Budaya politik baharu, telah menyumbang kepada norma yang mengutamakan kebebasan bersuara, akses maklumat, penglibatan politik tanpa mengira parti dan oligarki. Begitu juga jika dilihat kepada kecenderungan politik yang memisahkan dimensi kaum dan agama, bandar dan luar bandar, kawasan majoriti Melayu, campuran dan majoriti bukan Melayu, pekan dan bandar, kelas

menengah dan Gen-Z telah berkurangan dan digantikan dengan budaya politik merentasi batas etnik dan agama. Semua ini telah mengalih budaya politik lama yang taksub kepada kumpulan politik tertentu, budaya membangkang dan kefanatikan kepada budaya demokratik yang lebih matang dan rasional sesuai dengan modenisasi negara dan era revolusi industri 4.0 kini.

Nilai hidup masyarakat, tadbir urus dan pembangunan negara kini mengarah kepada nilai amanah-integriti, keadilan, akauntabiliti, transparensi dan keterangkuman. Justeru, isu-isu seperti rasuah, salah guna kuasa dan peminggiran etnik-etnik dan golongan sosial tertentu dalam tadbir urus dan pembangunan negara bagi calon dan parti-parti politik yang menjadi teras kerajaan pada masa itu pasti akan ditolak oleh pengundi dalam pilihan raya nanti.

Kerencaman sosial hasil pembangunan, perantauan di negeri-negeri dan perubahan teknologi telah merubah budaya hidup, politik dan melahirkan gelombang baharu dalam hubungan etnik di Malaysia. Gelombang baharu juga menyebabkan perubahan budaya hidup dalam kalangan masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, masyarakat masih dapat mengekalkan nilai budaya, etno-budaya dan etno-agama kumpulan etnik masing-masing. Senario ini menjadikan kepelbagaian rakyat Malaysia itu sebagai aset negara yang diperakui bersama. Ia juga merupakan salah satu teras bagi etos komersial dan demokrasi yang menjadi identiti bagi sebuah negara yang maju dan moden.

Kesan daripada semua perubahan sosial ini, Malaysia memiliki tiga kondisi wajah kepelbagaian dari perspektif sosiologi, iaitu:

1. Berkongsi dan meraikan kehidupan kepelbagaian dalam suasana harmoni dan kestabilan negara ini telah menjamin kemakmuran dan kesejahteraan terus mampan.
2. Tadbir urus baik serta pembangunan yang adil dan terangkum telah memberi peluang dan harapan kepada setiap kumpulan etnik dan golongan sosial bagi memperoleh pembelaan ke atas keperluan dan kebajikan hidup mereka.

3. Namun begitu, kepelbagaian dan perbezaan etnik dan agama masih dibayangi dengan tindakan dan perkara yang boleh memberi risiko kepada etnik tertentu. Selain itu, ia juga boleh membawa kepada salah faham, pergaduhan dan kegundahan yang mampu memberi ancaman kepada perpaduan negara. Malahan, hubungan yang terjalin antara setiap etnik juga akan berhadapan dengan *time bomb* atau konflik berdarah. Walaupun realiti sosial menunjukkan *stable tension* (ketegangan yang stabil) dalam kalangan masyarakat masih lagi dalam keadaan terkawal, namun perbincangan dan perundingan perlu sentiasa konsisten untuk menghasilkan penyatupaduan. Proses ini amat penting dalam usaha membina dan melahirkan kesepaduan sosial yang padu di Malaysia.

Tiga wajah hubungan etnik dan kesepaduan sosial di Malaysia di atas ini menggambarkan sudah berlaku perubahan jati diri bangsa Malaysia dalam kalangan rakyat kepelbagaian yang optimistik dengan wajah masyarakat moderat untuk diperkukuhkan melalui usaha gagasan perpaduan '1Malaysia' dan kini dengan 'Wawasan Kemakmuran Bersama' dengan harapan akhirnya membina 'Perkongsian Bangsa Malaysia Bersama'.

Perbincangan di atas apabila dianalisis dalam kerangka sejarah jangka panjang membuktikan perubahan identiti masyarakat sudah jauh ke hadapan iaitu bermula sekitar dekad 1950 – 70-an, dan kini masih lagi dikenali dengan masyarakat majmuk/plural. Pembangunan telah merubah dan mentransformasi masyarakat kepada masyarakat pelbagai etnik di dekad 1980 – 90an, masyarakat kepelbagaian di dekad 2000 – 2010-an dan kini Malaysia sudah mula membina masyarakat aneka kepelbagaian di dekad 2010-an dengan percampuran komuniti transnasional. Perubahan daripada segi bentuk masyarakat ini membuktikan tadbir urus dan pembangunan negara bukan sahaja mencatat kadar pertumbuhan ekonomi dan per kapita yang tinggi tetapi mampu merubah ekonomi dari negara tani kepada

negara industri, masyarakat miskin bertukar menjadi kelas menengah manakala kehidupan desa diperbandarkan hingga tersulam budaya modeniti dan penerimaan budaya kepelbagaian hingga masyarakat aman damai dan sejahtera.

Transformasi sosial dalam tingkah laku rakyat dan struktur sosial di negara ini berlaku begitu cepat, terutama dari sudut kedinamikan sejarah sosial negara ini. Menyelusuri sejarah sosial masyarakat Malaysia hari ini bermula dari era prapenjajah dengan peradaban anak watan perantauan di alam Melayu yang bertemu dan bergaul juga dengan peradaban majmuk China, India dan Arab telah hidup bersama dengan harmoni. Di era penjajahan, falsafah pemisahan politik daripada agama dalam pentadbiran kerajaan moden untuk mengukuh kestabilan awam dan pembangunan telah menjadi punca buruh asing murah dari China dan India dibawa masuk oleh penjajah bagi memastikan keuntungan ekonomi diperolehi. Selain itu, hasil peninggalan mereka juga menyumbang kepada pembentukan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada nasionalisme anak watan Melayu yang wujud bersama dengan perjuangan nasionalisme negara-negara lain di bumi tanah Melayu . Manakala di era pascapenjajahan, pembangunan telah merubah nasionalisme etnik Melayu dari tahun 1946 menjadi perjuangan ketuanan Melayu pada tahun 1957. Seterusnya, ia menghasilkan ketuanan anak watan hasil pembentukan Malaysia yang terdiri daripada Bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai teras bangsa Malaysia bersama Melayu. Kedinamikan hubungan etnik dan bangsa Malaysia terus berlaku kerana pembangunan pesat negara telah membuka ruang sivik dan sejagat. Senario ini akhirnya mewujudkan bangsa-etno Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak yang Bersatu dan tersulam sebagai identiti negara Malaysia. Kepelbagaian masyarakat di Malaysia juga lahir berteraskan ketamadunan payung anak watan sebagai etos bangsa Malaysia.

UKURAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA

Negara merdeka bermaksud negara yang memiliki kerajaan berdaulat, mentadbir urus wilayah kuasa yang diperakui oleh negara-negara lain. Wilayah, rakyat, perlembagaan, kedaulatan dan kesetiaan menjadi prasyarat kepada negara.

Agenda mengurus negara dalam keterbatasan sumber kini perlu melalui pembangunan prasarana, teknologi dan ekonomi. Pembangunan negara boleh diukur melalui pendapatan per kapita, taraf dan kualiti hidup, mobiliti sosial, kesejahteraan dan pelbagai indeks yang dibina oleh kerajaan dan masyarakat global. Justeru, masalah ekonomi seperti ketidakseimbangan sosial, kepinggiran, kemiskinan dan ketirisan jika gagal diurus akan berlaku kerencatan pembangunan yang boleh membawa pelbagai situasi yang lebih buruk.

Bangsa berdaulat pula bermaksud satu kumpulan manusia yang diikat dalam satu unit kolektif sepadu berteraskan perkongsian etnik, budaya dan sejarah. Bangsa diikat dengan elemen berikut; darah, kekeluargaan, etnik, agama dan budaya. Justeru, dalam melaksanakan agenda pembinaan bangsa mengurus solidariti, kata kuncinya ialah perpaduan, kesepaduan, penyatupaduan, keharmonian, kedamaian, kestabilan, patriotisme, nasionalisme dan keselamatan awam.

Pembinaan bangsa tidak boleh diukur secara fakta, namun ia boleh dipantau melalui *longue duree etno-simbolisme* seperti bahasa, pakaian, makanan, muzik, tarian, arkitek bangunan, batu nisan, kerabat diraja, pahlawan, buku sekolah, kepentingan dan keselamatan negara dan sebagainya. Justeru, semua rakyat Malaysia perlu menghayati aspirasi negara dan berperanan sepenuhnya dalam melengkapkan identiti bangsa Malaysia terbaik. Usaha ini boleh dijayakan melalui pembinaan negara bangsa.

Negara bangsa memberi makna sebuah wilayah budaya majoriti rakyatnya memiliki kesedaran kesatuan identiti, perkongsian budaya dan perkongsian sejarah yang sama bertindih dengan sempadan

politik wilayahnya. Idealnya, sebuah negara bangsa memiliki hanya satu kumpulan etnik dan tradisi budaya tanpa ada kumpulan lain. Negara bangsa adalah hanya satu idea bangsa yang sama dan ditadbir oleh negara berdaulat mereka sendiri. Negara bangsa Malaysia dibina melalui integrasi. Hegemoni politik memperakui dan menerima anak watan dan komuniti migran diberikan kerakyatan negara. Perlembagaan dengan unsur tradisinya menjadi wajah utama Malaysia. Semua rakyat diikat di pelantar integrasi dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai simbol perpaduan, Islam agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dalam aman dan damai, bahasa Melayu adalah bahasa kKebangsaan dan perpaduan tetapi bahasa ibunda lain boleh dipelajari, dan Akta 153 YDPA menjamin kepentingan minoriti lain. Apabila Malaysia dibentuk, rakyat Sabah dan Sarawak diperakui sebagai bumiputera dan dijadikan sebahagian pasak negara bersama kaum Melayu bagi menampakkan ketamadunan anak watan.

AGAMA, INSAN DAN PERADABAN

Konsep insan merujuk kepada nilai kemanusiaan yang sejagat. Tradisi keagamaan membentuk tingkah laku keinsanan yang memperkukuhkan bentuk nilai (Shukri Ahmad, 1998). Ikatan agama, insan dan peradaban terbina dengan cara:

1. Menjalinkan hubungan baik berteraskan nilai akhlak dalam kalangan semua peringkat seperti keluarga, hubungan pemimpin dengan masyarakat dan kepatuhan kepada undang-undang.
2. Mencegah diri daripada melakukan kesalahan moral dalam kalangan anggota masyarakat yang membabitkan individu, kelompok dan negara.
3. Membentuk perasaan hormat dan patuh kepada struktur sosial seperti mematuhi pemimpin, masyarakat dan negara.

Pemertabatan nilai insani amat perlu bagi mengelak keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat yang boleh menjadi ancaman kesejahteraan negara. Bahkan ia mampu menjadi punca kemusnahan peradaban, kerana keruntuhan nilai insan berupaya untuk melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat (Malek Bennabi, 1998). Oleh itu, nilai-nilai negatif yang anti-insan atau berunsurkan kebinatangan perlu dibendung agar tidak berakar umbi dan menjadi warisan yang boleh menjahanamkan negara dalam tempoh masa yang panjang. Menurut Ahmad Mohamad Said (2005) ketandusan nilai dalam pendidikan semasa berkait rapat dengan falsafah dan perkembangan ilmu-ilmu moden yang diambil secara langsung dari Barat yang memisahkan agama dan amalan politik.

John West Burnham dan Vanessa Huws Jones (2007) dalam bukunya *Spiritual and Moral Development in Schools* menyatakan pendekatan agama dan spiritual yang diseimbangkan dengan ilmu alat pada masa ini merupakan solusi yang paling tepat. Mereka mengatakan bahawa spiritual adalah penting kerana ia adalah sebuah perjalanan untuk memahami nilai kewujudan dan menjadi pendorong kepada perubahan terhadap diri seseorang ke arah yang lebih baik, yang diperolehi melalui pencarian diri, pencarian kebenaran, kebenaran sosial, komuniti, keindahan dan kasih sayang.

Tuntutan mengembalikan unsur-unsur pemurnian akhlak terutama sekali melalui nilai agama pada masa kini adalah begitu dominan khususnya dalam mendepani demoralisasi sosial dalam kalangan generasi muda di seluruh dunia, khususnya di Malaysia (Shamsul Kamarudin, 2011). Adalah dilihat sebagai suatu yang bersifat mesti (*compulsory*) bagi mendepani isu demoralisasi sosial kini bagi merealisasikan kesepaduan holistik yang komprehensif antara ilmu wahyu sebagai asas, dengan ilmu intelektual dalam kepelbagaian bidang dan lapangan (Rohana Hamzah, 2009). Konsep insan berkait langsung dengan etika keagamaan yang akan dibincangkan nanti.

ETIKA KEAGAMAAN SEBAGAI BENTENG PERADABAN

Sebelum ini, konsep etika dikemukakan secara am, bab akhir ini berusaha menyimpulkan etika pilihan yang perlu menjadi perisai benteng terakhir membina peradaban (Yohan Kurniawan & Nur Azuki, 2019).

Etika keagamaan tradisional atau teisme tradisional didasarkan kepada keyakinan terhadap tuhan dan semesta moral. Ia tidak dimiliki agama tertentu, setiap agama memiliki etika keagamaan masing-masing. Etika ini merupakan sebahagian etika secara umum. Amnya etika teologis didefinisikan sebagai etika yang berpusatkan presuposisi-presuposisi teologis. Tuhan dianggap sebagai kebajikan dan merupakan sumber dan pendukung semua nilai.

Perlu ditegaskan bahawa etika filosofis dan etika teologis adalah amat berbeza. Etika teologis merupakan etika transenden dan etika teosentrik. Sejumlah aliran eksistensialisme *religious* kontemporari menolak teisme tradisional. Mereka menolak bentuk-bentuk supernaturalisme dan authoritarianisme sebagai landasan neoteistik disampaikan dalam etika *tillich* atau teologi radikal yang melihat agama secara terpisah dan membuat etika lebih bersifat humanistik, universal dan eksistensial.

Etika keagamaan bersifat teistik, kekuatan mistik (*Plotinus*) mendasari semua nilai dalam konsep panteisme. Tujuan hidup manusia adalah menyatu dengan tuhan. Dalam falsafah dualistik pula, dunia ini berjalan bersama dengan kejahatan atau keadaan terperosok. Oleh kerana itu, yang baik harus membuat jalan untuk melepaskan diri dari kejahatan. Dalam falsafah ini ada penyertaan penyatuan antara idea keselamatan dengan idea yang baik. Di pihak lain, ketika tuhan digambarkan sebagai pencipta alam ini dahulu dan kini secara terus menerus melakukan penciptaan, keterlibatan tuhan dalam memenuhi tujuan tuhan dapat diertikan sebagai yang baik. Hal ini dibenarkan oleh teori realisasi potensi diri yang merupakan tujuan hidup pada semua etika. Ia membuktikan kewujudan tuhan secara *supernatural*.

Etika keagamaan tradisional pada dasarnya bersifat *deontologist* yang menekankan kepada masalah kewajiban dan memahami kebenaran dalam bertindak. Meskipun tuhan tidak mengungkapkan teori seperti itu namun ia menjadi dasar utama etika. Etika yang dikemukakan bersifat *agapistic* (kecintaan tuhan dan sesama manusia). Meskipun unsur *deontologist* dan *aretaic*, unsur authoritarianisme dan supernaturalisme dapat juga ditemukan di dalamnya.

Norma agama mampu menjelaskan etika pelbagai agama. Norma yang mengatur setiap kehidupan manusia beriman yang mempercayai agama sebagai sebuah ideologi hidupnya bersumberkan kepercayaan manusia terhadap agama yang dianutnya dan dianggap sebagai perintah dari tuhan. Norma yang berasal dari tuhan ini bertujuan menyempurnakan keadaan manusia menjadi baik. Ia tidak ditujukan kepada sikap lahir, tetapi pada sikap batin manusia yang diharapkan batin tersebut sesuai dengan norma agama yang ia yakini sebagai sebuah kepercayaan. Contohnya antara lain ialah:

1. Agama Islam: “Dan janganlah kalian mendekati zina. Sesungguhnya zina itu suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk” (Al-Quran, Al Isra: 32).
2. Agama Kristian: “Janganlah kamu berbuat zina” (kitab keluaran 20: 14).
3. Agama Buddha: “I shall not fear anyone on earth” (Mahatma Gandhi).

Contoh etika keagamaan di Malaysia berkaitan isu penyempurnaan akhlak:

Islam: Rasulullah SAW sebagai cerminan al-Quran dipertanggungjawabkan memikul tugas membawa akhlak yang mulia, memperbaiki dan mengajar akhlak terpuji yang perlu diikuti oleh umat Islam merupakan akhlak bagi Nabi Muhammad SAW.

Menurut hadis riwayat Bukhari: “Akhlaq Rasulullah SAW adalah al-Quran”.

Menurut hadis riwayat Muslim: “Sesempurna iman seseorang mukmin adalah mereka yang paling bagus akhlaiknya”.

Hindu: Kitab Veda mengandungi dasar-dasar ketuhanan dan prinsip etika yang wajib dipegang teguh oleh pengikutnya. Antara prinsip tersebut ialah sifat patuh dan disiplin dalam melaksanakan upacara keagamaan. Tanda-tanda kebaikan dalam agama Hindu ialah kemerdekaan, kesihatan, kekayaan dan kebahagiaan. Tanda-tanda kejahatan pula ialah perhambaan, sakit, fakir dan kecelakaan. Prinsip etika Hindu ialah peraturan agama itu dipandang sebagai sumber segala kemuliaan akhlak manusia. Ia bergantung kepada prinsip “Brahma” yang menjadi dasar kepada norma yang teratur dan bermatlamat.

Brahma bermaksud keadilan, kebaikan, kesucian, benar, sederhana dan suci. Ia menjadi kod etika yang merangkumi semua aspek, kehidupan dan manusia. Brahma merupakan salah satu matlamat hidup yang mesti diikuti berdasarkan kelas dan status seseorang.

Buddha: Siddartha Gautama Buddha mengemukakan Empat Kebenaran Mulia atau etika yang diperjuangkan iaitu: (1) Hidup manusia penuh penderitaan. (2) Manusia menderita kerana nafsu. (3) Manusia perlu menghapuskan nafsunya untuk melepaskan diri daripada penderitaan dan mencapai nirwana. (4) Penderitaan dapat dihapuskan dengan mengamalkan Jalan Lapan Lapis Mulia. Jalan Lapan Lapis Mulia menurut ajaran Buddha ialah pengetahuan yang baik, pemikiran yang baik, pertapaan yang baik, perkataan yang baik, keinginan yang baik, kelakuan yang baik, usaha yang baik dan kehidupan yang baik. Kerangka dasar ajaran Buddha ialah:

1. Ajaran tentang Sradha (keyakinan).

Penganut Buddha harus memiliki keyakinan terhadap tuhan, adanya para Buddha, kitab suci dan nirwana.

2. Ajaran tentang susila (etika).

Susila atau budi pekerti manusia dititikberatkan supaya manusia boleh mencapai suatu kebijaksanaan yang sempurna. Kesempurnaan ini dapat diperoleh dengan mengamalkan enam jalan sempurna iaitu pemberian dalam bentuk kebendaan dan moral; keseimbangan, keteguhan dan kebersihan perbuatan, perkataan dan pemikiran; pemikiran yang tenang dan seimbang; semangat yang berkobar-kobar dan penuh perjuangan untuk mencapai tujuan; dan niat untuk mempersatukan pemikiran.

3. Ajaran tentang ritual (bhakti).

Rasa hormat dan sujud kepada sesuatu yang harus dihormati

Kristian: *Jesus Christ* dalam kitab Bible menitikberatkan unsur kasih sayang dan belas kasihan antara sesama manusia. Ajaran asasnya ialah mencintai tuhan dengan sepenuh hati dan mencintai musuh kita seperti mencintai diri sendiri. *Old Testament* (Perjanjian Lama) ada menyebutkan undang-undang yang berupa *The Ten Commandments* yang diperkenankan tuhan melalui para nabi bertujuan supaya manusia mengamalkan cara hidup yang baik, di antaranya jangan berzina, menghormati kedua ibu bapa, jangan membunuh, mencuri dan lain-lain.

Old Testament juga menekankan keadilan, kejujuran dan berbuat baik. Dalam *New Testament* prinsip etika turut ditekankan. Tujuan hidup bukan hanya untuk mengumpul kebendaan, kedudukan dan pangkat kerana itu tidak kekal.

Konfusionisme: Ajaran yang dibawa oleh Kung Fu Tse ini membawa nilai-nilai murni. Ajaran etika beliau termasuklah:

1. Orang yang bijaksana mampu untuk mencapai kesempurnaan berbanding dengan orang biasa.
2. Kebijaksanaan boleh dicapai melalui proses berfikir, menaakul, menganalisis, meneliti dan belajar mencari kebenaran. Hanya kebenaran dapat menghasilkan etika yang baik.
3. Mengasingkan diri dengan tujuan mengabdikan diri kepada tuhan. Perbuatan mengasingkan diri untuk beribadat dianggap beretika.
4. Sentiasa gemarkan majlis ilmu. Sentiasa menghadiri dan menganjurkan perbincangan yang berkaitan dengan ilmu secara terbuka.
5. Membimbing dan menyebarkan ilmu berkaitan dengan etika kepada ahli masyarakat.
6. Masyarakat digalakkan mengamalkan etika yang baik dan mengelakkan etika yang jahat supaya hidup selesa dan bahagia.

Justeru itu, dalam mendokong Rukun Negara, iaitu ‘Kepercayaan Kepada Tuhan’, etika keagamaan memang menepati keperluan pembinaan peradaban. Etika keagamaan menepati fitrah keinsanan dan memenuhi tuntutan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara.

PERANAN MAHASISWA DAN BELIA NEGARA

Golongan belia negara kebanyakannya masih lagi memiliki persepsi berbeza terhadap keperluan hidup bermasyarakat dan bernegara. Kematangan dan keupayaan mereka mengenal pasti isu perlu dikemas kini. Sebagai contohnya, apabila diajukan soalan nyatakan faktor konflik etnik berdasarkan pengamatan mahasiswa. Pilihan faktor

utama konflik hubungan antara masyarakat di Malaysia 2013 menurut perspektif mereka adalah sebagaimana jadual di bawah:¹

| No. | Item | Peratusan |
|-----|--|-----------|
| 1 | Politik kepartian dan kepimpinan parti | 78.2 |
| 2 | Agama dan kepercayaan | 60 |
| 3 | Perbezaan genetik/ras dan etnik | 36.3 |
| 4 | Kelainan bahasa pertuturan | 32.4 |
| 5 | Penempatan dan keejiran | 27 |
| 6 | Persaingan bisnes/perniagaan dan kerjaya | 25.7 |
| 7 | Warna kulit dan bentuk fizikal | 12.6 |
| 8 | Fesyen, budaya dan kegiatan harian | 7 |
| 9 | Sokongan kumpulan sukan | 5 |
| 10 | Lain-lain: <i>individualistic</i> | 0.2 |

Mahasiswa masih lagi melihat, pendokong politik kepartian dan penyokong parti yang taksub dan tiada toleransi sebagai faktor utama cetus konflik. Begitu juga isu kepercayaan dan keagamaan dalam konteks adat dan ibadat. Sedangkan kedua-dua perkara tersebut amat penting dan tidak boleh dilihat hanya dari sisi negatif dan prejudis. Politik adalah teras utama kestabilan negara. Justeru jalan penyelesaian bersama perlu diberi perhatian serius. Perbezaan perspektif ini perlu dimurnikan. Belia negara perlu melihat konflik dalam kerangka kesepaduan sosial berdasarkan keperluan rakyat.

Satu lagi kajian rintis yang dilakukan pada tahun 2016 kepada seramai lebih 400 mahasiswa bagi mengenal pasti isu utama yang menggugat kestabilan negara menurut perspektif mereka. Melalui konstruk yang dirumuskan sebanyak lima isu utama diketengahkan. Daripada data yang terkumpul, isu konflik etnik dan perpaduan nasional hanya menduduki tangga ke-4 selain kemajuan dan kemodenan. Ini bermakna, belia negara melihat perpaduan etnik sebagai isu sampingan sahaja berbanding masalah alam sekitar, infrastruktur dan kemudahan awam serta keselamatan negara.

Tingkah laku keinsanan dipengaruhi nilai berteraskan al-Quran didapati terbina dalam kalangan pelajar IPT dikaji (Mansor Mohd Noor DKK, 2020). Setelah menelaah latar pengajian etika dan peradaban, belia negara khususnya mahasiswa perlu sedar bahawa usaha membina negara berpaksikan kesepaduan sosial adalah usaha bersama semua pihak. Peranan yang perlu diambil ialah:

1. Menyedari status demografi sosial, politik, ekonomi dan budaya masyarakat sekitar kehidupan harian mereka.
2. Mengenal pasti masalah yang mewujudkan kerencaman masyarakat mereka. Mereka perlu fokus kepada isu hubungan dalaman dan luaran kalangan masyarakat.
3. Melihat punca dan indikator yang merencatkan keharmonian hidup bermasyarakat.
4. Seterusnya merancang strategi tindakan dan memudahcarakan usaha ke arah melestarikan hubungan masyarakat setempat.
5. Menghayati semua bentuk etika agar selari dengan tuntutan hidup beragama dan bernegara.

Peranan sebegini boleh dilaksanakan oleh mahasiswa yang membuka ruang pembelajaran untuk memantapkan lagi kematangan bertindak rakyat Malaysia. Mahasiswa perlu menguasai pengajian Penghayatan Etika dan Peradaban bagi menampakkan persepsi sebenar negara dan segala usaha kerajaan, supaya nantinya mahasiswa mampu mendokong aspirasi negara.

Satu tindakan pencegahan atau *pre-empative* perlu diberi perhatian oleh semua warga Malaysia terutamanya komuniti yang diberi mandat oleh rakyat untuk menerajui kerajaan, ahli-ahli politik, badan-badan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan mahupun pihak swasta. Mereka perlu bekerjasama dan berperanan memulihara seterusnya memantap keharmonian perhubungan masyarakat pelbagai di Malaysia.

KESIMPULAN

Membina perpaduan yang baik, masyarakat kepelbagaian terus kukuh kesepaduan sosial dan negara stabil, maju dan berperadaban tidak boleh dipandang dengan sambil lewa. Mahasiswa perlu mengukuhkan kefahaman dengan ilmu dan dikukuhkan dengan data penyelidikan bagi memahami realiti sosial yang dinamik di negara ini. Kajian pemantauan ke atas hubungan etnik perlu sentiasa dijalankan. Manakala pembangunan negara yang adil dan terangkum perlu kepada perancangan jangka panjang dan tadbir urus baik untuk melaksananya dengan berkesan.

Namun hasrat ini mesti dimulakan kini oleh semua pihak, khususnya para belia negara. Muafakat bersama perlu berlaku melalui perbincangan, perundingan dan dialog di peringkat akar umbi sehinggalah dalam kalangan elit untuk membina negara bangsa yang utuh dan bermaruah di persada dunia.

Nota hujung:

¹ Kajian Impak Pembelajaran Kursus Umum Universiti (2013) Universiti Malaysia Kelantan. 843 responden dalam kalangan pelajar ini telah diberikan penerapan nilai dan pengetahuan berkenaan hubungan etnik dan perpaduan dari sudut konvensional mahupun nilai keagamaan.

RUJUKAN

- Ahmad Mohamad Said (2005). Mengembalikan Nilai dalam Pendidikan. (dlm) *Pembangunan Watak Bangsa*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.
- John West B, Vanessa Huws J (2007). *Spiritual and Moral Development in Schools*. New York: Cromwell Press Ltd.
- Malek Bennabi (1998). *On the Origins of Human Society Society*. Kuala Lumpur: The Open Publishers.
- Mansor Mohd Noor (2015). “Matlamat Negara Bangsa Malaysia dalam Konteks Perubahan dan Kerencaman Sosial Negara”. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____ dan Nur Azuki (2017). “Ketuanan Melayu Payung Anak Watan dalam Konteks Perubahan dan Kerencaman Sosial Negara”, Wacana Ilmuan: UiTM, Machang.
- _____, Hairol Anuar Mak Din, Ahmad Fakhurrazi M. Zabidi, Sity Daud, Ummi Munirah Syuhada (2020). “Tingkah Laku Keinsanan dalam Kalangan Pelajar Universiti”: KUIS dan UKM.
- _____ (2020). *Ethnic Boundary Measures Social Differentiation in Malaysia Institute of Ethnic Studies (KITA)*: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Azuki dkk. (2013). *Persoalan Berkenaan Perpaduan Etnik di Malaysia*. Pusat Pembangunan Insan dan Pembangunan Insaniah, UMK.
- Rohana Hamzah (2009). *Monograf Mengenal Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: UTM.
- Shamsul Amri Baharudin (pnyt.) (2012). *Modul Hubungan Etnik*, edisi ke 2, Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Shamsul Kamarudin (2011). Kepentingan Pendekatan Kepercayaan dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui PTV. *Journal of Edupress, Vol 1*, hlm. 249-257.
- Syukri Ahmad (1998). Agama dan Masyarakat. Dlm. *Pengenalan Kepada Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Yohan Kurniawan dan Nur Azuki (2019). “Konsep Etika Keagamaan di Malaysia”, Slide Awal pengajaran Falsafah dan Isu Semasa: Universiti Malaysia Kelantan.

GLOSARI

Animisme: Kepercayaan animisme mempercayai bahawa setiap benda di bumi ini (gua, pokok, matahari, bulan, batu besar dsb.), mempunyai semangat dan kuasa yang mesti dihormati agar semangat tersebut tidak mengganggu manusia.

Asimilasi: Asimilasi merupakan satu proses percantuman dan penyatuan antara kumpulan etnik berlainan budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama.

Autoritarianisme: Unsur pemusatan kuasa, ia mempengaruhi pendapat, pemikiran, gagasan, dan perilaku individu dan perkumpulan yang konsentrasinya hanya kepada satu punca kuasa.

Batas Etnik: Kepelembagaan masyarakat yang berbeza etnik, agama, bahasa, budaya dan sebagainya. Semakin nipis batas etnik akan semakin mudah terbentuknya interaksi antara masyarakat.

Cauvinisme: Pendirian atau semangat yang keterlaluan, berlebihan, dan melampau dalam memperjuangkan kepentingan kaum atau golongan tertentu.

Defisit Sosial: Kekurangan dalam konteks sosial yang memerlukan usaha penyatuan berterusan untuk meningkatkan tahap kesepaduan.

Demokrasi: Pemerintahan oleh rakyat apabila wakil dipilih melalui sistem pilihan raya.

Ekonomi gelap (*black economy*): Bentuk pengurusan ekonomi yang tidak sah dari sudut perundangan seperti pemerdagangan manusia, kewujudan pekerja asing tanpa dokumen, pelacuran, judi, dadah dan kerosakan alam sekitar akibat aktiviti haram.

Etika teosentrik: Satu bentuk etika yang pemusatan perbincangan dan amalannya kembali kepada agama. Ia membawa kepada bentuk etika beragama

Etnosentrisme: Rasa bangga yang wujud dalam kalangan anggota sesebuah kelompok etnik bahawa budaya dan etnisiti mereka adalah paling baik berbanding dengan kumpulan etnik yang lain.

Etos bangsa: Suatu unsur yang ideal, membentuk nilai, prinsip dan norma-norma yang memberi panduan normatif kepada sesebuah masyarakat.

Integrasi : Pergabungan dua atau beberapa kaum menjadi satu kesatuan.

Internet pintar: Kebolehcapaian keperluan aplikasi Internet bagi tujuan tertentu. Ia berupa teknologi semasa dan keperluan terkini, difahami sebagai 'smart' dalam bahasa Inggeris.

Kepembangkangan: Budaya membangkang. Istilah politik yang dikaitkan dengan kebiasaan tindakan yang tidak sependapat dengan pihak lawan.

Kesepaduan Sosial: Suatu fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang seharusnya mempengaruhi para anggota masyarakat tersebut untuk merungkai pelbagai ikhtiar dan kegiatan yang dianggap sebagai prasyarat mencapai perpaduan.

Ketertinggian Perlembagaan: Ketertinggian Perlembagaan Persekutuan dan ketiga-tiga badan kerajaan iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif mahupun Yang di-Pertuan Agong tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.

Kontrak Sosial: Permuafakatan yang diterima oleh semua warganegara Malaysia meliputi kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan raja-raja Melayu dan pemberian kewarganegaraan ketika penggubalan Perlembagaan Persekutuan.

Mendarah daging: Menjadi darah daging, atau suatu perkara yang sudah terbiasa dan sehati dalam jiwa

Migrasi: Proses perpindahan penduduk dari luar bandar ke bandar atau dari suatu tempat terpencil ke pusat penempatan.

Negara bangsa: Merupakan satu proses melahirkan bangsa baharu iaitu sebuah negara yang mempunyai kedaulatan dan semua rakyatnya disatukan oleh ikatan-ikatan seperti bahasa, budaya, nilai-nilai dan lain-lain yang membentuk bangsanya.

Perpaduan: Proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan cinta dan bangga kepada tanah air.

Penyatupaduan: Pelbagai bentuk usaha yang dilakukan secara berterusan bagi mencari penyelesaian defisit sosial dengan membina tapak integrasi di semua lapisan masyarakat.

Polarisasi: Proses berlakunya apabila dua pihak (pendapat, pandangan dsb.) yang bertentangan sama sekali.

Presuposisi teologis: Perbincangan berpusatkan unsur ketuhanan, berkaitan pengucapan atau kalimat ketuhanan.

Ras: Kumpulan manusia yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berkongsi ciri-ciri biologi tersendiri yang diwarisi dan dapat dibezakan dengan jelas dalam masyarakat.

Sekolah Vernakular: Sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Merujuk kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Tamil (SJKT).

Semesta moral: Kemanusiaan sejagat, konsep ketuhanan yang kembali kepada pencipta alam, contohnya konsep ketuhanan; *The Mother of Nature* dan konsep Avatar.

Takrifan Harian: Pengenalan realiti sosial yang dialami oleh orang ramai dalam kehidupan harian mereka.

Tapak integrasi : Satu ruang abstrak dan nyata yang memberi ruang kepada pelbagai kelompok masyarakat yang berbeza agama, etnik dan politik untuk bertemu dan mencari kata sepakat secara aman tanpa pertumpahan darah.

INDEKS

A

Al-Mahabbah 67
Al-Ta'aruf 67
Al-Tafahum 67
Amalgamasi 46, 95
Angkor Wat 84
Arab Islam 45
Aristotle 25, 26, 104
Arnold Toynbee 53
Artificial Intelligence 28, 127
Adab 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 12, 23, 24, 31, 136, 140, 149, 169, 171, 178,
Adat 2, 4, 5, 7, 8, 9, 23, 24, 29, 31, 32, 46, 53, 57, 73, 104, 106, 117, 136, 137, 148, 149, 169, 171, 198, 199.

B

Baba dan Nyonya 24, 46, 56
Badan Bukan Kerajaan (NGO) 102
Batas Etnik 74
Buddhisme 30, 45, 47, 84
Budaya

C

Champa 23
COVID 19 8

D

Dasar Apartheid 46
Dasar Ekonomi Baru 47, 52, 73, 91
Defisit sosial 70, 72
Detik Perpaduan 64
Dewan Rakyat 114
Dhamma 54
Digital Apps 142

E

Empat Kebenaran Agung 30
Enlightenment 21, 22, 26
Etnik 2,4, 9, 25, 32, 39, 40, 42, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 53, 55, 63, 67, 69, 71, 72, 73, 74, 86, 87, 88, 90, 93, 100, 101, 108, 110, 111, 114, 115, 116, 120, 137, 138, 149, 150, 152, 153, 159, 172, 173, 174, 175, 176, 177, 178, 179, 180, 188, 189, 198, 199, 201, 208.
Etos Budaya 80, 81, 85, 86, 95,
Etos Nasional 71, 92, 93, 94, 96
Etiket 6, 7, 8, 9, 18.
Etos 7, 8, 9, 69, 71, 72, 80, 81, 82, 85, 86, 92, 93, 94, 95, 96, 173, 188, 190.

F

Falsafah Pendidikan Negara 32
Feudalisme 42
Funan 23, 84

G

Gagasan 1Malaysia 91, 92
General Templer 117
Globalisasi 80, 94, 131
Gua Gunong Runtuh 83

H

Hebrew 83
Hikayat Pendawa Lima 84
Hinduisme 29, 36, 45, 47, 54
Hizbul Muslimin 36
Hukum Kanun Melaka 56, 104

I

Ibn Kathir 141
 Ibn Khaldun 12, 53
 Imaginasi sosiologikal 13
 India Chitti 24, 45
 Information Communication
 Technology 127, 128, 131, 132,
 138
 Interfaith Commission of
 Malaysia 113
 Islam Hadhari 32

J

Jabatan Perangkaan Malaysia 41
 Jalur Gemilang 152
 Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi
 130
 Javadvipa 23
 Joint Advanced Integrated
 Networking 129

K

Kedudukan Istimewa Orang
 Melayu 110
 Kesatuan dalam Kepelbagaian 90
 Kesepaduan sosial 70
 Kesultanan Melayu Melaka 43,
 49
 Kesultanan Melayu Siak 24
 Kesultanan Melayu Tenate 24
 Kolonialisme 31, 56
 Konfusianisme 37, 48
 Konsep Takrifan Autoriti 150
 Konsep Takrifan Harian 150
 Koridor Raya Multimedia 130

L

Langkasuka 23
 Lesbian, Gay, Bisexual,
 Transgender (LGBT) 11

M

Majapahit 23
 Majlis Raja-Raja Melayu 114
 Malayan Union 105
 Media Sosial 132, 140
 Melayu Polynesia 42
 Melayu Proto 42
 Mokhsa 54
 Muqaddimah 11

N

Nasional 32, 47, 51, 61, 62, 63,
 64, 68, 71, 89, 91, 92, 93, 94, 96,
 125, 126, 128, 130, 136, 142,
 147, 149, 159, 168, 176, 177,
 178, 179, 180, 181, 185.
 Norma 13, 24, 28, 46, 58, 69, 70,
 71, 150, 164, 178, 187, 195, 196.
 Negara 2, 6, 9, 10, 13, 14, 15, 17,
 18, 23, 26, 27, 28, 32, 34, 40, 44,
 47, 48, 55, 56, 57, 60, 62, 63, 64,
 66, 67, 68, 69, 71, 72, 73, 74, 76,
 79, 80, 81, 82, 87, 88, 89, 90, 91,
 92, 93, 94, 95, 96, 99, 100, 102,
 103, 104, 107, 110, 111, 112, 113,
 114, 115, 117, 118, 119, 120, 122,
 127, 129, 130, 134, 140, 147,
 148, 149, 151, 152, 153, 154,
 156, 159, 160, 161, 162, 163,
 164, 167, 168, 169, 170, 172,
 173, 174, 175, 176, 177, 179,
 180, 181, 185, 186, 187, 188,
 189, 190, 191, 192, 193, 198,
 199, 200, 201.

O

Objektif 1, 21, 39, 51, 61, 79,
 99, 107, 125, 128, 129, 147, 160,
 167, 185.

P

Pascakolonial 13, 14, 17, 19, 20, 33, 34, 43, 45, 63, 183, 184, 191, Peradaban 1, 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 65, 67, 69, 71, 73, 75, 77, 79, 80, 81, 81, 82, 83, 84, 85, 92, 94, 96, 99, 100, 120, 125, 126, 128, 134, 135, 142, 143, 147, 148, 149, 153, 154, 157, 167, 168, 167, 168, 170, 171, 172, 175, 176, 178, 179, 180, 181, 185, 186, 187, 190, 191, 192, 193, 194, 198, 200, 201, Pembangunan 12, 27, 32, 40, 42, 50, 57, 65, 66, 71, 73, 74, 75, 80, 92, 107, 130, 133, 134, 155, 167, 168, 172, 174, 174, 176, 177, 178, 179, 180, 181, 188, 189, 190, 191, 201. Penghayatan 1, 2, 3, 5, 13, 15, 17, 92, 126, 135, 138, 152, 185, 187, 200. Perlembagaan 32, 55, 65, 68, 71, 72, 75, 87, 88, 89, 92, 95, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 106, 107, 108, 109, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 119, 120, 150, 151, 176, 177, 190, 192, 198,

Q

Quran 36, 42, 141, 163, 195, 196, 200. Qawiyy 155.

R

Resam 4, 5, 6, 7, 8, 19, 23, 24, 34, 45, 53, 73, 117, 148, 155, 169, 171. Revolusi 3, 26, 27, 28, 36, 28, 157, 158, 159, 169, 188. Rasional 25, 26, 127, 155, 172, 188.

S

Sepadu 61, 62, 65, 128, 136, 141, 142, 168, 170, 173, 175, 177, 178, 179, 180, 181, 185, 187, 189, 191, 193, 199, 200, 201. Sefahaman 45, 59, 64, 67, 70, 108. Struktur 1, 13, 14, 15, 16, 41, 43, 46, 66, 70, 75, 86, 127, 130, 190, 192, 199.

T

Teknologi 3, 7, 8, 9, 10, 27, 28, 36, 37, 42, 52, 57, 58, 59, 80, 84, 94, 95, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 138, 139, 140, 154, 157, 172, 181, 188, 191. Tapak Integrasi 61, 67, 72, 73, 75, 99, 100, 101, 120. Tanggungjawab Sosial 147, 149, 154, 155, 156, 160, 161, 162, 165, 169, 170.

U

Universiti 113, 126, 129, 138, 145, 149, 160, 201. Universal 132, 154, 194. Unity 33, 62, 90, 95.

V

Variasi 7, 9, 42.

Versi 9.

W

Wilayah 21, 88, 89, 94, 100, 191,
192.

Wahyu 31, 193.

X

X Factor 58.

Z

Zikir 155.

Zalim 136, 171, 185.

Zaman 1, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 21, 24,
25, 26, 32, 34, 41, 42, 47, 48, 49,
51, 53, 55, 56, 57, 81, 82, 83, 84,
88, 94, 104, 105, 121, 128, 134,
171, 172.

BIODATA PENYELENGGARA



Ateerah Abdul Razak merupakan pensyarah di Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya dalam bidang Pendidikan Islam dan kemudian menyambung pengajian di tahap Sarjana di University of Aberdeen, Scotland dalam pengkhususan Pengajian Islam. Kajian beliau adalah berkaitan dengan peranan komuniti wanita Muslim di Aberdeen dalam aspek pendidikan. Selepas itu beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Sultan Zainal Abidin dalam bidang Psikologi Sosial. Di Universiti Malaysia Kelantan, beliau berpengalaman mengajar subjek Penghayatan Etika dan Peradaban. Beliau banyak melakukan kajian berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat Malaysia. Beliau juga telah membina instrumen untuk mengukur tahap kebahagiaan masyarakat. Kajian lain juga berkaitan dengan amalan etika masyarakat Malaysia kesan daripada pandemik, dan kini beliau juga ditugaskan sebagai penyelaras kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.



Nur Azuki Yusuff berpendidikan diploma Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu, Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan pula daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah dalam sejarah ketamadunan berkaitan institusi dan masyarakat majmuk dari Universiti Malaya. Penulis pernah berkhidmat di Institut Teknologi Darulnaim, Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia sebelum Universiti Malaysia Kelantan. Penulis aktif dalam penyelidikan sains sosial, kemasyarakatan serta melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Beliau adalah ahli Majlis Profesor Negara, Kluster Perpaduan Nasional dan



Zaleha Embong merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berasal dari Kemaman, Terengganu. Beliau menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda sehingga peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Sosiologi pada tahun 2008. Seterusnya beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Pembangunan Islam pada tahun 2010. Kemudian pada tahun 2016, beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Konflik dan Pendamaian. Bidang kajian beliau adalah Konflik dan Pendamaian, Pengurusan Masyarakat Majmuk dalam Piagam Madinah dan Pembangunan Komuniti. Beliau berpengalaman sebagai penyelaras dan tenaga pengajar bagi Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) seperti Hubungan Etnik, Falsafah Ilmu, Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban.

